

**BAB
TIGA**

BAB III

KONSEP NEGARA ISLAM

PERSPEKTIF PAS

3.1 PENDAHULUAN

Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang ditubuhkan pada 1951 merupakan parti Islam kedua yang diasaskan di negara ini setelah penubuhan Hizbul Muslimin pada 1948 di Gunung Semanggol, Perak. PAS dilihat cuba menterjemahkan realiti cita-cita umat Islam untuk menegakkan sebuah negara Islam dalam era kebangkitan umat Islam setelah lebih 500 tahun dijajah oleh imperialis Barat. Desakan ke arah tersebut menjadi lebih serius apabila tumbangnya Khilafah Islam Othmaniyyah pada 1924.

Justeru, kehadiran PAS di persada politik tanah air ialah bagi memenuhi cita-cita utamanya iaitu untuk melaksanakan segala tuntutan Islam dan bersiasah berdasarkan demokrasi.¹ Cita-cita ini kemudian berkembang menjadi matlamat perjuangan PAS untuk mewujudkan di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya demi mendapatkan Allah.²

¹ Undang-undang Tubuh PAS 1951, (tt), Pejabat Agung PAS, Markaz PAS Pusat, Lorong Haji Hasan, Off Batu Geliga, 68100, Batu Caves, Selangor. Undang-Undang Nombor 3 (1).

² Perlumbagaan PAS (Pindaan 1973), (tt), Pejabat Agung PAS, Markaz PAS Pusat, Lorong Haji Hasan, Off Batu Geliga, 68100, Batu Caves, Selangor. Fasal 2 (2).

Bagi melengkapkan hasrat dan cita-cita murni ini, pindaan terbaru Perlembagaan PAS pada 2001 telah mencatatkan dua tujuan penubuhan PAS iaitu, memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya demi menuju keredaan Allah. Kedua ialah mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan Negara.³

Umumnya mendapati senario utama perjuangan PAS ialah untuk menegakkan sebuah negara yang melaksana hukum-hukum Allah sepenuhnya dalam pemerintahan atau dalam kata lain, untuk mendirikan negara Islam. Dalam kajian ini, akan dipaparkan perbincangan mengenai latarbelakang dan pengenalan terhadap PAS untuk melihat dengan lebih dekat dan jelas berkenaan dengan identiti penubuhannya.

3.2 PARTI ISLAM SEMALAYSIA

Bagi memenuhi keperluan kajian latarbelakang PAS, kajian akan memfokuskan kepada beberapa perkara utama seperti sejarah penubuhan dan perkembangan, carta organisasi, dasar dan ideologi, matlamat perjuangan serta konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh parti tersebut.

³ *Perlembagaan PAS*, (Pindaan 2001), (2002), op-cit, c. 1, Pejabat Agung PAS, Markaz Tarbiyyah Taman Melewar, Gombak, Fasal 5.

3.2.1 Penubuhan dan Perkembangan

Sebahagian besar pengkajian terhadap sejarah penubuhan PAS telah mengaitkan kemunculan PAS pada 1951 seiring dengan kesedaran umat Islam yang tercetus melalui gerakan pembaharuan yang dipelopori oleh kumpulan reformis di kalangan para ulama pada 1906.⁴ Tokoh-tokoh tersebut antaranya ialah Sheikh Tahir Jalaluddin (1869-1956), Syed Syeikh Al-Hadi, (1867-1934) Salim Al-Khalali dan Abas Toha yang telah mencetuskan kesedaran semula umat Islam di Tanah Melayu tentang politik Islam melalui bidang penulisan, pendidikan dan persatuan. Menurut Mohktar Petah, kesedaran politik, ekonomi dan sosial Islam telah dikembangkan oleh seorang tokoh ulama terkenal iaitu Syeikh Junid Thola di Perak.⁵ Bahkan Sheikh Junid Thola juga telah memberikan penekanan terhadap kewajiban mendirikan sebuah negara Islam di Tanah Melayu.⁶

Pada zaman pendudukan Jepun ke atas Tanah Melayu (1941-1945), para ulama telah mengadakan beberapa siri persidangan untuk melahirkan terima kasih kepada Jepun kerana membebaskan umat Islam daripada penjajahan Barat di samping berusaha mendesak pemerintah Jepun supaya membantu agama

⁴ Hassan Shukri, (2000), *Ke Arah Memahami Penubuhan, Perlembagaan, Pengurusan dan Pentadbiran PAS*, Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor, Sementa, h. 7. Ustaz Hassan adalah Ketua Dewan Pemuda PAS (1971-1973) dan Setiausaha Agung PAS (1973-1979). Ahli Dewan Negara (1999-sekarang) Lihat juga Funston, N.J, (1980), *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS*, Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, Petaling Jaya, h. 29-41; Firdaus Abdullah, (1985), *Radical Malay Politics: Its Origins and Early Development*, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, h. 3-47; Alias Mohammed, (1986), *PAS: Development and Change*, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, h. 1-14; Panel Pengkaji Sejarah PAS Pusat Penyelidikan PAS, (1999), *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, PAS, Kuala Lumpur, h. 2-7.

⁵ Mohktar Petah, (1982), *PAS Gagal Membentuk Negara Islam*, Waspada Enterprise, Ipoh, h. 8.
⁶ *Ibid.*

Islam.⁷ Selepas Perang Dunia Kedua, seorang tokoh ulama, Maulana Abdullah Noh dari Kelantan telah menegaskan tentang kewajiban memperjuangkan kewujudan sebuah negara Islam.⁸ Kesedaran ini mulai berkembang di Tanah Melayu ekoran kejatuhan Khalifah Othmaniyyah pada 1924. Untuk itu, pada 1947 atas usaha Burhanuddin Al-Helmy dan Abu Bakar Al-Baqir, sebuah sayap agama kepada Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) iaitu Majlis Tertinggi Agama Se-Malaya (MATA) berjaya ditubuhkan.⁹

Setahun kemudian, satu persidangan anjuran MATA telah menujuhkan Hizbul Muslimin (HAMIM) sebagai sebuah parti Islam yang memperjuangkan kemerdekaan negara dan juga penubuhan negara Islam di Tanah Melayu.¹⁰ Walau bagaimanapun, dasar radikal HAMIM menyebabkan ia dilumpuhkan oleh Inggeris melalui penahanan beberapa pimpinan utamanya di bawah Ordinan Darurat 1948.. Keadaan ini menyebabkan sebahagian tokoh HAMIM telah menyertai Bahagian Agama dan Pelajaran UMNO untuk meneruskan agenda siasah mereka.¹¹ Melalui Bahagian Agama dan Pelajaran UMNO, usaha-usaha menyatukan ulama Malaya di bawah satu badan telah digerakkan. Rentetan cadangan Majlis Agama Hilir Perak, satu Persidangan Ulama Malaya telah diadakan di Muar, Johor pada 21 Februari 1950.¹² Selain merumuskan gagasan

⁷ Hamka, (1982), *Kenang-kenangan Hidup*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, h. 236-237. Lihat juga Nabir Abdullah, (1976), *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, Jabatan Sejarah UKM, Bangi, h. 88-91; Itagaki Yoichi dan Koichi Kishi, 'Japanese Islamic Policy in Sumatera and Malaya', dalam *Intisari*, Vol 2, No.3 (n.d), h. 11-12.

⁸ Abdullah Noh, (1947), *Semangat Perajurit-perajurit Muslim*, Matba'ah Ismailiah, Kota Bharu, h. 53-54.

⁹ Keterangan lanjut tentang penubuhan dan gerakan MATA, sila lihat Nabir Abdullah (1976), *op-cit*, h. 117-121 dan 129-147.

¹⁰ Tentang penubuhan dan gerakan HAMIM, sila lihat *Ibid*, h. 159-201.

¹¹ Nasharudin Mat Isa, (2001), *50 Tahun Mempelopori Perubahan: Menyingkap Kembali Perjuangan PAS 50 Tahun*, Penerbitan Ahnaf, Batu Caves, h. 4-5.

¹² Safie Ibrahim, (1981), *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology*, Nuawi Ismail, Pasir Puteh, h. 10-11.

penubuhan persoalan haji, kolej Islam, penubuhan majlis agama, penyelarasan puasa dan hari raya serta biasiswa pendidikan,¹³ persidangan tersebut turut menerima cadangan penubuhan *Jam'iyyat al-Dak'wah al-Islamiyyah* sebagai sebuah badan dakwah Islam yang dianggotai oleh ulama.¹⁴

:

16 bulan kemudian, usaha menggerakkan ulama Malaya kembali aktif apabila tulisan pengurus Bahagian Agama dan Pelajaran UMNO, Ahmad Fuad Hassan dalam majalah *Suara UMNO* yang bertajuk "Ulama Malaya Belum Bersatu dan Tidak punya Organisasi"¹⁵ telah mendesak mesyuarat Jawatankuasa Agung UMNO pada 30 Jun 1951 supaya bersetuju menganjurkan Persidangan Ulama Malaya Kedua pada 23 Ogos 1951 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.¹⁶

Persidangan tersebut telah membincangkan penubuhan sebuah persatuan ulama yang dinamai Persatuan Ulama Malaya dengan sebuah jawatankuasa lima orang yang diketuai Ahmad Fuad dibentuk untuk merangka perlembagaannya.¹⁷ Menurut Baharuddin Abdul Latif, persidangan pada 23 Ogos 1951 yang turut disertai oleh ulama HAMIM itu telah memperlihatkan riak-riak untuk memisahkan kegiatan ulama daripada terus menjadi satelit UMNO.¹⁸ Menurut Nasharudin Mat Isa pula, terdapat beberapa faktor pendek kepada pengasingan diri barisan ulama daripada UMNO; antaranya kedudukan agama Islam yang

¹³ *Ibid*, h. 11-12.

¹⁴ Cadangan penubuhan *Jam'iyyat al-Dak'wah al-Islamiyyah* dikemukakan oleh UMNO Rembau dan disokong oleh Haji Ahmad Fuad. Lihat *Ibid*, h. 12.

¹⁵ *Suara UMNO*, (1 Jun 1951), "Ulama Umno tidak Bersatu dan tidak punya organisasi", h. 7.

¹⁶ Safie Ibrahim, (1981), *op-cit*, h. 14.

¹⁷ Baharuddin Abdul Latif, (1994), *Islam Memanggil*, Pustaka Abrar, Gunung Semanggol, h. xvii.

¹⁸ *Ibid*, h. xxii. Baharuddin Abdul Latif adalah Ahli Jawatankuasa PAS Pusat (1967-1987) dan Setiausaha Agung PAS (1968-71)

tidak terjamin dalam UMNO, kegagalan UMNO menangani isu Natrah, persekongkolan UMNO dengan British dan penganjuran *fun-fair*, loteri dan kabaret oleh UMNO. Selain itu, terdapat usaha menjadikan Persatuan Ulama Malaya sebagai sebuah parti politik Islam seperti mana Majlis Syura Muslimin (Masyumin) di Indonesia.¹⁹

Persidangan Ulama Malaya Kedua juga menetapkan untuk mengadakan satu persidangan ulama di Bagan Tuan Kecil (Butterworth) pada Disember 1951 yang bertujuan menubuhkan secara rasmi dan mengesahkan Undang-undang Tubuh Persatuan Ulama Malaya. Walau bagaimanapun ia dipercepatkan tiga minggu kepada 24 November 1951 bertempat di Kelab Melayu Bagan. Dalam persidangan tersebut timbul cadangan untuk mengubah nama Persatuan Ulama Malaya kepada Persatuan Islam Se-Malaya (PAS), di samping lima cadangan nama yang lain. Cadangan nama PAS telah dikemukakan oleh Othman Hamzah, perwakilan daripada Persatuan II Ihya Al-Syariff dan cadangan rasmi nama PAS pula diutarakan oleh Mohammed Ma'som dari Jamaah Masjid Telaga Ayer, Butterworth. Setelah melalui beberapa perbahasan, akhirnya dipersetujui persatuan tersebut dinamai Persatuan Islam Se-Malaya atau PAS.²⁰

Bermula penubuhan rasmi di Butterworth pada 24 November 1951, PAS mulai bergerak dan berkembang sebagai sebuah badan siasah umat Islam di Tanah Melayu. Di bawah kepemimpinan pertamanya, Ahmad Fuad Hassan sebagai Yang Di Pertua Agung, PAS telah terlibat secara aktif dalam usaha untuk menuntut kemerdekaan negara serta membentuk sebuah negara Islam di

¹⁹ Nasharudin Mat Isa, (2001), *op-cit*, h. 15-16.

²⁰ Safie Ibrahim, (1981), *op-cit*, h. 26.

Malaysia. Realiti ini terus berlangsung sehingga ke dekad ini. Pada 1953, isu sokongan PAS terhadap usaha menuntut kemerdekaan mula timbul apabila terdapat UMNO dan Malayan Chinese Association (MCA) menganjurkan National Conference manakala Onn Jaafar bersama menteri-menteri besar pula menganjurkan National Convention yang kedua-duanya mempunyai matlamat memperjuangkan kemerdekaan. Ahmad Fuad yang pada asalnya menyokong Dato' Onn telah gagal mendapat sokongan ahli-ahli PAS dalam Mesyuarat Agung Khas PAS pada 26 September 1953 yang menyebabkan beliau meletakkan jawatan dan menarik diri daripada PAS.²¹ Jawatan Yang Dipertua Agung PAS kemudian dipangku oleh Abbas Alias, seorang pegawai perubatan.

Pergerakan PAS yang agak lembab pada awalnya banyak dipengaruhi oleh masalah kepemimpinan akibat perlakuan jawatan Ahmad Fuad dan kedudukan Abbas Alias sebagai pegawai perubatan kerajaan yang bertugas di Mekah. Namun dalam tempoh tiga tahun pertamanya, PAS telah berjaya menujuhkan tiga dewan iaitu Dewan Ulama PAS, Dewan Pemuda PAS dan Dewan Muslimat PAS sebagai jentera utama parti²². Setelah Abbas Alias mengambil alih kepemimpinan secara rasmi pada 1954, PAS telah menyertai beberapa persidangan untuk memperjuangkan kemerdekaan seperti National Conference (1954), Kongres Pemuda Melayu (1955) dan Kongres Kebangsaan Melayu Kedua (1957). PAS juga berjaya didaftarkan sebagai sebuah parti politik pada 31 Mei 1955 dan menyertai Pilihanraya Umum 1955.

²¹ Amaluddin Darus, (1977), *Kenapa Saya Tinggalkan PAS*, Harimau Press, Petaling Jaya, h. 47-53.

²² Peringatan Mesyuarat Agung PAS Pertama, 3 Januari 1953, h. 12.

Desakan masalah kepemimpinan telah menyebabkan beberapa tokoh Dewan Pemuda PAS seperti Othman Abdullah, Mohd Asri Muda, Jamaluddin Amini Marzuki, Hassan Adli Mohd Arshad dan Abu Bakar Hamzah telah berusaha untuk menarik Burhanuddin Al-Helmy dan Zulkifli Mohammed menyertai PAS. Atas usaha Hassan Adli dan Abu Bakar Hamzah, Burhanuddin Al-Helmy telah berjaya dibawa masuk ke dalam PAS,²³ manakala usaha untuk menarik Zulkifli Mohammed pula dilakukan oleh Jamaluddin Amini.²⁴ Penyertaan dua tokoh nasionalis Islam tersebut telah memberikan dampak yang positif kepada PAS apabila PAS berjaya menguasai negeri Kelantan dan Terengganu pada 1959. Gandingan Burhanuddin Al-Helmy dan Zulkifli Mohammad sebagai teraju utama PAS mulai 1956 ternyata telah mengubah rentak perjuangan PAS.

Burhanuddin Al-Helmy telah menggerakkan idea kebangsaan Melayu Islam melalui gagasan Melayu Raya sebagai inti utama perjuangan PAS²⁵ manakala Zulkifli Mohammed pula memberikan tumpuan kepada usaha untuk membentuk sebuah masyarakat politik berdasarkan Islam di Tanah Melayu.²⁶ Tegasnya kedua-dua tokoh ini membawa matlamat yang sama iaitu menegakkan negara Islam. Penyertaan Naib Yang Di Pertua Agung PAS, Othman Abdullah ke dalam UMNO pada 1962,²⁷ diikuti oleh kematian Zulkifli Mohammed akibat

²³ Temuramah dengan Ustaz Khairul Jamal di Masjid Daerah Teluk Intan pada 22 November 2002. Ustaz Khairul Jamal adalah Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, 1953-1956.

²⁴ Mohd Asri Muda, (1993), *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, Penerbit UKM, Bangi, h. 45-46.

²⁵ Kamaruddin Jaafar, (2000), *Dr Burhanuddin Al Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, IKDAS, Kuala Lumpur, h. 9.

²⁶ Mokhtar Petah, (1983), *Zulkifli Muhamad: Pelopor Angkatan Islam di Malaysia*, Penerbitan Tra-tra, Subang Jaya, h. 76.

²⁷ Mohd Fadli Ghani, (2002), "Ustaz Othman Abdullah Dalam Kenangan", dalam *Buku Cenderamata Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-43*, Dewan Pemuda PAS Pusat, Kuala Lumpur, h. 20.

kemalangan jalan raya di Kuantan pada 1964²⁸ dan penahanan Burhanuddin Al-Helmy di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 1965 kerana dituduh merancang penubuhan kerajaan dalam buangan ketika itu Konfrontasi Indonesia²⁹ telah menyebabkan PAS sekali lagi mengalami krisis kepemimpinan. Jawatan Yang Dipertua Agung PAS telah dipangku oleh Mohd Asri Muda, yang juga Menteri Besar Kelantan sehingga 1971.

Setelah empat tahun ditahan di bawah ISA, Burhanuddin Al-Helmy jatuh sakit dan meninggal dunia pada 1969 yang menyebabkan kepemimpinan parti bertukar tangan kepada Mohd Asri Muda pada 1971. Peristiwa 13 Mei yang tercetus pada 1969 telah membawa impak yang begitu signifikan kepada politik umat Melayu Islam. Keadaan ini telah mendesak PAS membentuk Kerajaan Campuran PAS-Perikatan di Kelantan dan Terengganu pada 1973 sebagai strategi menguatkan semula perpaduan umat Islam.³⁰ Pada 1974, PAS bersama tujuh parti lain telah mengasaskan Barisan Nasional (BN) dan berjaya menguasai kerajaan pusat pada 1974. Beberapa pemimpin PAS seperti Mohd Asri Muda dan Hassan Adli telah dilantik sebagai menteri. Walau bagaimanapun, akibat krisis Mohammed Nasir di Kelantan pada 1977 telah menyebabkan PAS disingkir daripada BN dan berlaku beberapa siri perpecahan parti.³¹

²⁸ Mokhtar Petah, (1982), *op-cit*, h. 103.

²⁹ Ramlah Adam, (2002), *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 231.

³⁰ Hassan Adli, (1976), *Laporan Kajian Menilai Penyertaan PAS Dalam Kerajaan Hingga Kongres Ke-21*, tidak diterbitkan, h. 1-2.

³¹ Lotfi Ismail, (1978), *Detik Mula Konfrontasi Nasir-Asri*, Karangkraf, Petaling Jaya. Lihat juga Yahya Ismail, (1978), *Bulan Purnama Gerhana di Kalantan*, Dinamika Kreatif, Kuala Lumpur, h. 30-50.

Penyingkiran PAS daripada BN dan perpecahan yang berlaku dalam parti telah menjadi punca utama kekalahan PAS di Kelantan pada 1978. Pada masa yang sama, gelombang kebangkitan Islam di kalangan pemuda Islam semakin meruap-ruap terutama ekoran rangsangan daripada tokoh-tokoh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Penyertaan tokoh-tokoh ABIM seperti Fadzil Mohd Noor, Nakhaie Ahmad, Abdul Hadi Awang, Syed Ibrahim Abdul Rahman dan lain-lain telah menggugat kepemimpinan Mohd Asri Muda³².

Dewan Pemuda PAS melalui gagasan kepemimpinan ulama pada 1982 telah memaksa Mohd Asri Muda meletakkan jawatan dan kepemimpinan parti diambil alih oleh Yusof Rawa. Gandingan Yusof Rawa dan Fadzil Mohd Noor pada 1982 sebagai pemimpin utama parti telah dilihat sebagai titik mula kepada era kepemimpinan ulama PAS.³³ Di bawah kepemimpinan ulama, PAS mulai bangkit dengan memberikan tumpuan kepada gerakan pentarbiyan ahli dan membina kerjasama politik dengan parti-parti pembangkang termasuk hubungan dengan non-muslim.

Pakatan politik PAS melalui Harakah Keadilan Rakyat (HAK) dan kerjasama PAS dengan masyarakat Cina melalui Majlis Perunding Cina (CCC) pada 1986³⁴ walaupun gagal memenangi Pilihanraya Umum 1986, tetapi telah memulakan era baru dalam strategi politik PAS. Pada 1988, PAS sekali lagi membuat pakatan politik ekoran penghataman UMNO pada 1987. Melalui

³² Abdul Rahman Abdullah, (1977), *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Alirannya*, Gema Insani Press, Jakarta, h. 222-225.

³³ Mohd Fadli Ghani, (2002), "Pemuda Pelopor Kepemimpinan Ulama", dalam *Buku Cenderamata Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-43*, Dewan Pemuda PAS Pusat, Kuala Lumpur, h. 16-17.

³⁴ Ibn Hasyim, (1992), *PAS Kuasai Malaysia*, GG Edar, Kuala Lumpur, h. 345-355.

Angkatan Perpaduan Ummah (APU), PAS telah berjaya menguasai semula Kelantan pada 1990.³⁵

Kebijaksanaan PAS mengagaskan penubuhan Gagasan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) yang disertai oleh 14 parti politik dan badan bukan kerajaan (NGO) pada 1998 untuk menangani isu Anwar Ibrahim telah berjaya menarik sokongan pelbagai lapisan rakyat kepada PAS³⁶. GERAK juga telah menjadi asas kepada penubuhan Barisan Alternatif (BA) pada 1999 yang berjaya muncul sebagai pembangkang yang kuat dalam Pilihanraya Umum 1999. Melalui BA juga, PAS telah berjaya menguasai semula Terengganu selain mempertahankan Kelantan dan menjadi pembangkang utama di Parlimen³⁷. Apabila Presiden PAS, Fadzil Mohd Noor meninggal dunia pada tahun 2002, jawatan tersebut dipangku pula oleh Abdul Hadi Awang, Menteri Besar Terengganu.³⁸

Secara umumnya, perkembangan PAS boleh dilihat dalam beberapa tahap bermula daripada penubuhannya pada 1951 hingga hari ini. Pada peringkat awal (1951), zaman kebangkitan PAS bermula apabila ia berjaya menguasai Kelantan dan Terengganu pada 1959 dan berada di kemuncak pada 1973 (ketika menyertai Kerajaan Pusat). Penyingkiran PAS daripada kerajaan pada 1977 menandakan bermulanya era gerhana PAS sementara kejayaannya menguasai semula Kelantan pada 1990 boleh disifatkan sebagai detik kebangkitan semula PAS sehingga hari ini.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Temuramah dengan Haji Mahfuz Omar di Pejabat Dewan Pemuda PAS Pusat pada 25 Oktober 2002. Haji Mahfuz Omar adalah Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat 1999-2003.

³⁷ Kamaruddin Jaafar, (2000), *Pilihanraya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia*, IKDAS, Kuala Lumpur (2000), h. 22. Lihat juga Biro Analisa Politik, Strategic Info Research Development, (2000), *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999 – UMNO in Trouble*, Strategic Info Research Development, Petaling Jaya h. 9.

³⁸ Berita Harian, "Hadi Ambil Alih Tugas", 24 Jun 2002, h. 4.

Dari aspek kepimpinan, Wan Abdul Rahman Latif menyimpulkan bahawa terdapat empat jenis kepemimpinan yang dilalui oleh PAS iaitu kepimpinan ulama tradisi (1951-1956), kepemimpinan nasionalis kiri (1956-1969), kepimpinan nasionalis kanan (1969-1982) dan kepemimpinan ulama haraki (1982-sekarang).³⁹

3.2.2 Dasar

PAS sebagai sebuah organisasi Islam dengan jelas menjadikan Islam sebagai dasar perjuangannya. Perlembagaan PAS (Pindaan 2001) dengan jelas menyebutkan bahawa dasar PAS ialah Islam.⁴⁰ Sebagai memandu dasar Islam tersebut, Perlembagaan PAS (Pindaan 2001) telah menetapkan bahawa sumber hukum yang menjadi panduan kepada gerak kerja PAS ialah Kitabullah (Al-Quran), Sunnah Rasul (Hadis), ijmak ulama dan qias.⁴¹

Serentak dengan kedudukan Islam sebagai dasar perjuangan PAS, Islam juga turut menjadi ideologi atau doktrin perjuangan PAS. Setiap pandangan, rancangan dan tindakan PAS adalah berasaskan perspektif Islam.⁴² Majlis Syura

³⁹ Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latiff, (1992), "Parti-parti Politik Di Malaysia: Asas Perjuangan dan Penerimaan Masyarakat", dalam *Dunia Islam*, h. 33-40.

⁴⁰ *Perlembagaan PAS* (Pindaan 2001), (2002), *op-cit*, Fasal 3. Penegasan tentang Islam sebagai dasar PAS turut disebut dalam *Perlembagaan PAS* (Pindaan 1973), Fasal 2(1); *Perlembagaan PAS* (Pindaan 1977), Fasal 3; *Perlembagaan PAS* (Pindaan 1987), Fasal 3; dan *Perlembagaan PAS* (Pindaan 1993), Fasal 3. Adapun Undang-undang Tubuh PAS 1951, Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1953), Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1955) dan Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1962) tidak menyebutkan secara langsung tentang Islam sebagai dasar PAS, tetapi menyebutkan tentang tujuan, usaha-usaha, hukum dan kekuasaan PAS yang berdasarkan Islam.

⁴¹ *Perlembagaan PAS* (Pindaan 2001), Fasal 7(1).

⁴² Nasharudin Mat Isa, (2001), *The PAS: Ideology, Policy, Struggle and Vision Toward The New Millennium*, PAS, Kuala Lumpur, h. 7.

Ulama PAS dengan dibantu oleh Dewan Ulama PAS memainkan peranan untuk mengawal tindakan PAS ini agar sentiasa selari dengan Islam.⁴³

Menurut Hassan Shukri, Islam yang menjadi dasar dan ideologi PAS mempunyai dua takrif. Pertama Islam dengan maksud seseorang yang melaksanakan rukun-rukun Islam. Kedua Islam yang bermaksud tunduk, patuh dan taat kepada Allah yang lahir daripada kesedaran, bukan kerana terpaksa atau dipaksa.⁴⁴ Penegasan terhadap dasar dan ideologi Islam diterjemahkan dalam Perlembagaan PAS seperti Fasal 4 tentang seruan PAS iaitu Allahu Akbar, Fasal 5 tentang tujuan PAS, Fasal 6 tentang usaha-usaha PAS, Fasal 7 tentang hukum, kekuasaan dan Majlis Syura Ulama PAS serta Fasal 9(2) tentang keahlian PAS hanya untuk orang Islam.⁴⁵ Hassan Shukri menjelaskan bahawa sebarang kegiatan dan usaha PAS yang digariskan dalam Fasal 6 Perlembagaan PAS hendaklah tidak bercanggah dengan dasar PAS iaitu Islam.⁴⁶

Sebagai contohnya, Fasal 6 (1) Perlembagaan PAS dengan jelas menyebutkan bahawa salah satu daripada usaha PAS ialah menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan Sunnah Rasul-Nya melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.⁴⁷ Komitmen terhadap Islam sebegini bukan sahaja diperjelaskan oleh Perlembagaan PAS, tetapi turut melibatkan penegasan daripada pimpinan parti. Hal ini dapat dilihat daripada ucapan-ucapan dasar presiden PAS yang mempertegaskan dasar Islam tersebut. Yang DiPertua Agung PAS ketiga, Burhanuddin Al-Helmy menyebutkan,

⁴³ *Perlembagaan PAS* (Pindaan 2001), (2002), *op-cit.* Fasal 7(3) dan Fasal 40(6)(a).

⁴⁴ Hassan Shukri, *loc-cit.*, h. 17-18.

⁴⁵ *Perlembagaan PAS* (Pindaan 2001), (2002), *op-cit.* Fasal 4, 5, 6, 7 dan 9(2).

⁴⁶ Hassan Shukri, *loc-cit.*, h. 20.

⁴⁷ *Perlembagaan PAS* (Pindaan 2001), (2002), *op-cit.* Fasal 6(1).

*"Apabila kita menyebut kemahuan kita supaya negara ini berdasarkan Islam maka asas dan pandangan politik dalam negara ini hendaklah dengan terang dan sesuai dengan ajaran Islam dan segala keindahan dan segala perundungan yang berlawanan dengan Al-Quran itu adalah batal belaka."*⁴⁸

Mohd Asri Muda, Yang DiPertua Agung PAS keempat pula menegaskan,

*"Akidah Islamiah dalam politik kepartian yang menyebabkan parti PAS mempunyai identitinya yang tersendiri, bagi kita adalah merupakan pegangan hidup, haluan hidup dan tujuan hidup dalam kelangsungan perjuangan politik di negara ini, dulu, kini dan nanti, yang sekali-kali tidak akan ditukar ganti dan ubahsuai dengan akidah-akidah yang lain dalam iklim dan suasana yang macam manapun."*⁴⁹

Yang DiPertua Agung PAS Kelima, Yusof Rawa pula dengan jelas menyebutkan,

*"Sepanjang usia parti Islam ini, penyataannya tetap satu iaitu perjuangan PAS ialah Islam dan Islam menjadi dasarnya."*⁵⁰

Fadzil Mohd Noor, Presiden PAS kelima mengulangi penegasan tersebut,

*"Dasar dan pegangan kita (PAS) memperjuangkan Islam adalah tidak pernah berubah. Kita bergerak dan bekerja adalah untuk kedaulatan Islam."*⁵¹

Dalam ucapan dasar PAS yang lain, Fadzil Mohd Noor sekali lagi menjelaskan,

*"PAS merupakan parti Islam yang mempunyai dasar, ideologi dan pegangan yang konsisten seperti diperuntukkan dalam perlumbaan parti."*⁵²

⁴⁸ Burhanuddin Al-Helmy, (1988), *Ucapan Dasar Mesyuarat Agung PAS Ke-II*, 25 Disember 1962, dlm. PAS: Tuntutan Kebangkitan Ummah, GG Edar, Kuala Lumpur, h. 48.

⁴⁹ Mohd Asri Muda, *Ucapan Pembukaan Rasmi Kongres PAS Yang Ke-XIX*, 21 September 1973, h. Pejabat Agung PAS, h. 2-3.

⁵⁰ Yusof Rawa, *Ke Arah Pembebasan Ummah*, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke-29, 29 April 1983, Pejabat Agung PAS, h. 2.

⁵¹ Fadzil Mohd Noor, *Pertahanan Syakhsiyah Ummah*, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke-39, 11 Jun 1993, Pejabat Agung PAS, h. 7.

⁵² Fadzil Mohd Noor, *Memantap Iltizam Menyemarak Kebangkitan*, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke-48, 31 Mei 2002, Pejabat Agung PAS, h. 19.

Umumnya, dapat difahami dengan jelas bahawa dasar dan ideologi PAS adalah Islam. Hal ini bukan sahaja telah memandu gerak kerja PAS, tetapi turut merangsang setiap tindakan PAS dalam menuju cita-cita perjuangannya. Dasar ini ditegaskan dengan jelas di dalam Fasal 3 Perlembagaan PAS dan diterjemahkan oleh beberapa fasal lain yang menggambarkan pendirian PAS terhadap dasar Islamnya. Lebih menarik lagi apabila setiap presiden PAS ketika membentangkan ucapan dasar beliau, saban tahun mempertegaskan Islam sebagai dasar yang memandu segala gerak kerja PAS.

3.2.3 Matlamat Perjuangan

Menurut Hassan Shukri, antara tujuan penubuhan PAS ialah untuk berdakwah, menegakkan amar makruf dan nahi mungkar.⁵³ Ini berdasarkan firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji)”

Terj. *Sūrah al-’Imrān* (3):104)

Apapun PAS berpendapat bahawa tanggungjawab berdakwah terutama dalam konteks melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar tidak akan terlaksana dengan jayanya melainkan umat Islam mempunyai kuasa politik (kerajaan). Ini kerana kerajaan sahaja yang boleh melaksanakan perintah dan

⁵³ *Ibid.*; Lihat juga Mohd Amin Yaakub, (2001), *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*, bah. 1, Kota Bharu, Pusat Kajian Strategik, h. 4.

larangan apatah lagi untuk menguatkuaskan undang-undang Allah.⁵⁴ Khaidir Khatib pula menegaskan bahawa kuasa pemerintahan adalah suatu keperluan bagi setiap pihak yang ingin menjalankan hukum Allah⁵⁵.

Bagi Hassan Shukri, sebuah badan dakwah atau harakah Islam tidak boleh bergantung kepada usaha-usaha lisan semata-mata (ceramah dan kuliah), sebaliknya ia memerlukan kuasa bagi memastikan bahawa tuntutan Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna. Bahkan menyertai dan bekerja untuk mencapai cita-cita mendirikan negara Islam yang tunduk kepada undang-undang Allah adalah wajib seperti mana wajibnya menegakkan negara Islam.⁵⁶ Jamaah Islam atau parti Islam adalah satu cara yang boleh membawa tertegaknya negara Islam.⁵⁷

PAS melihat kewajiban asas bagi umat Islam ialah mendirikan sebuah negara Islam seperti mana yang telah ditegaskan oleh para ulama muktabar. Menurut Harun Taib, para ulama seperti Al-Māwardiy, Abū Ya'lā, Ibn Tāymīyyah, Ibn Khaldūn (*fiqh siyāsiy*), al-Hafāmāy al-Juwānyiy (*fiqh ijtimāiy*), al-Ghazāliy (*fiqh taṣawwuf*) masing-masing telah menyatakan bahawa

⁵⁴ Hasan Shukri, (2000), *op-cit*, h. 9; dan Mohd Amin Yaakub, (2001), *op-cit*, h. 5. Menurut *Tafsīr al-Jalālāyñ*, bahawa kalimah “al-khayir” (Kebajikan) yang tersebut dalam ayat ini, maksudnya Islam. *Tafsīr al-Ālūsiyy* pula menyebutkan, Rasulullah saw menerangkan “al-khayir” yang tersebut dalam ayat ini ialah “menurut ajaran al-Quran dan Sunnahku”. Sila lihat Syeikh ‘Abd Allah Basamih, (2000), *Tafsīr pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur, Där al-fikr, h. 146.

⁵⁵ Khaidir Khatib, bil. 6/7, Januari/Februari 1968, “Memahami Perjuangan PAS: Dasar dan Ideologi”, dalam *Bulan Bintang*, h. 3 dan 9.

⁵⁶ Hassan Shukri, (2000), *op-cit*, h. 9.

⁵⁷ Abu Bakar Chik, (1998), *Ketahanan Gerakan Islam (Ketahanan Organisasi PAS)*, Ilmu Amal Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, h. 9.

membentuk sebuah pemerintahan Islam adalah kewajiban bagi umat Islam.⁵⁸
Harun Taib menambah,

"Lihat sahaja kata al-Faqih al-Ma'rūf Ibn Hazam Al-Andalusi, "Para ulama Ahlu Sunnah Wal Jamā'mah, Al-Murji'ah, Al-Syiah dan Khawarij bersatu pendapat dalam mengatakan bahawa menegakkan kepemimpinan dan pemerintahan Islam adalah wajib, maka seluruh umat berkewajiban melakukan taat kepada pemimpin dan pemerintah yang adil yang menegakkan ke atas mereka hukum Allah, yang mentadbir dan memerintah mereka dengan syariat Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad(s.a.w)"⁵⁹

Sebagai sebuah parti yang berpegang kepada dasar Islam, matlamat dan tujuan PAS juga menghala kepada usaha mendirikan sebuah masyarakat dan negara Islam. Ketika mula ditubuhkan, beberapa matlamat telah digariskan sebagai tujuan utama penubuhannya. Dalam kajian yang dijalankan terhadap undang-undang Tubuh PAS 1951, empat tujuan utama dijelaskan iaitu mewujudkan satu persatuan persaudaraan Islam untuk membentuk satu tenaga bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan agama Islam dan siasah yang berdasarkan demokrasi; menumpukan segala ikhtiar dan tenaga bagi menyatukan perlembagaan pentadbiran agama seluruh Malaya; memelihara dan mempertahankan hak-hak kepentingan dan kehormatan agama dan umat Islam; dan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan siasah yang lain di dalam negeri ini yang dasar dan tujuannya tidak berlawanan dengan ajaran-ajaran Islam bagi mencapai demokrasi, keadilan masyarakat dan peri kemanusiaan sejagat.⁶⁰

⁵⁸ Harun Taib, Bil. 2/98, Mei 1998, "Kewajiban Mengundi Mengikut Hukum Syarak", dalam jurnal *Mimbar Ulama*, h. 119-120. Dato' Harun Taib ialah Ketua Dewan Ulama PAS Pusat merangkap Setiausaha Majlis Syura Ulama PAS.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ *Undang-undang Tubuh PAS (1951), op-ci, undang-undang no. 3.*

Manakala matlamat perjuangan PAS kemudiannya telah disusun semula pada 1962 dengan menjelaskan tujuannya iaitu memperjuangkan cita-cita Islam dalam masyarakat dan pemerintahan negara, selain menjalankan ikhtiar dan langkah ke arah menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam.⁶¹ Perlembagaan PAS Pindaan 1973, 1977, 1987, 1993 dan 2001 pula telah mengekalkan tujuan penubuhan PAS, iaitu memperjuang kewujudan sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya di samping mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.⁶² Untuk memperincikan gerak kerja PAS ke arah mencapai matlamat dan tujuan ini, perlembagaan PAS (Pindaan 2001) telah menggariskan 11 usaha yang akan dilaksanakan oleh PAS iaitu:

- i. Menyeru umat manusia kepada Syariah Allah dan Sunnah Rasul-Nya melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan;
- ii. Memperjuangkan Islam sebagai akidah dan syariah serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan memerintah serta memperkenalkan nilai-nilai keIslaminan dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk pemerintahan, pentadbiran, ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan;
- iii. Memupuk dan memperkuat ukhuwwah Islamiyyah dan menyuburkan perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkebajikan;

⁶¹ Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1962), *op-cit*, Fasal 2.

⁶² Perlembagaan PAS (Pindaan 1973), Fasal 2(2). Tentang tujuan PAS, lihat juga Undang-undang Nombor 3 Undang-undang Tubuh PAS 1951; Undang-undang Nombor 3 Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1953), Fasal 3 Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1955); Fasal 2 Undang-undang Tubuh PAS (Pindaan 1962); Fasal 5 Perlembagaan PAS (Pindaan 1977); Fasal 5 Perlembagaan PAS (Pindaan 1987); Fasal 5 Perlembagaan PAS (Pindaan 1993); dan Fasal 5 Perlembagaan PAS (Pindaan 2001).

- iv. Mengajak dan menggalakkan badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan individu-individu bagi mengenali dan memahami serta memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam;
- v. Menyediakan rencana-rencana dan bertindak bagi memperbaiki susunan serta institusi-institusi masyarakat, bentuk politik, keadilan ekonomi dan negara, untuk membela kepentingan umat Islam dan rakyat seluruhnya;
- vi. Menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bilamana dan selama ianya [sic] mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara;
- vii. Mempertahankan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal dalam amalannya di samping berusaha mengembangkan bahasa al-Quran;
- viii. Memperjuangkan wujudnya kebudayaan negara berdasarkan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam;
- ix. Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia dan kewajiban mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam negara ini;
- x. Menyertai dan bekerjasama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia serta menghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhamaan dan penindasan di kalangan umat manusia; dan

- xi. Melakukan apa-apa juga usaha dan tindakan dalam batas-batas perlembagaan dan undang-undang negara bagi mencapai tujuan-tujuan PAS ke dalam dan ke luar.⁶³

Keseluruhannya, tujuan dan matlamat perjuangan PAS adalah berkisar kepada usaha-usaha untuk merealisasikan dasar parti, iaitu Islam sebagai cara hidup. Justeru, PAS telah mengekalkan tujuan utama penubuhannya selama 50 tahun iaitu mewujudkan sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup dan hukum-hukum Islam.⁶⁴ Pindaan perlembagaan PAS pada 1962 tidak mengubah apa yang digariskan pada 1951 melainkan memperincikannya dengan lebih jelas, dan sehingga kini PAS telah mengekalkan tujuan dan usaha-usahanya secara berperlembagaan.

Dalam pada itu penekanan dalam dakwah PAS ialah dengan memberikan tumpuan kepada usaha-usaha bagi mendapatkan kuasa politik pemerintahan selain turut memperkasa bidang-bidang lain seperti ekonomi, pendidikan, sosial dan lain-lain. Justeru, bagi merilisasi matlamat tersebut, PAS telah menyediakan strategi dakwah samada dalam bentuk jangka pendek maupun jangka panjang seawal penubuhannya detik yang ada sekarang.⁶⁵

⁶³ *Perlembagaan PAS* (Pindaan 2001), (2002), *op-cit*, Fasal 6,

⁶⁴ Hassan Shukri, (2000), *op-cit*, h. 21.

⁶⁵ Perbincangan lanjut pada bab tiga tesis.

3.3.4 Struktur Organisasi

PAS sebagai sebuah organisasi Islam mempunyai struktur yang berbeza dengan organisasi-organisasi yang lain. Menurut Ibnu Hasyim, kewujudan Majlis Syura Ulama PAS sebagai sebuah badan penasihat yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam organisasi PAS menjadi pembeza utama antara PAS dengan organisasi politik yang lain.⁶⁶

Majlis Syura Ulama PAS yang dianggotai oleh 15 ahli dengan diketuai oleh Musryid Am PAS hanya wujud di peringkat Pusat.⁶⁷ Majlis ini mempunyai autoriti tersendiri tanpa dikuasai atau dipengaruhi oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Ia mempunyai tiga tugas utama iaitu menghurai, menjelas dan mentafsir dasar dan perlembagaan PAS; mengeluarkan arahan supaya dasar-dasar PAS dipatuhi dalam semua gerak kerja PAS; dan memelihara serta menjaga tatatertib ahli-ahli PAS melalui Jawatankuasa Tatatertib PAS.⁶⁸ Badan pelaksana atau eksekutif yang melaksanakan dasar-dasar dan pentadbiran parti dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang diketuai oleh Presiden PAS. Jawatankuasa ini yang dianggotai oleh seorang presiden, seorang timbalan presiden, tiga orang naib presiden, tiga orang ketua dewan, seorang setiausaha agung, seorang bendahari, seorang ketua penerangan dan 24 ahli jawatankuasa biasa ini merupakan jawatankuasa kerja tertinggi dalam organisasi PAS.⁶⁹ Selain 24 orang ahli jawatankuasa biasa, 11 lagi ahli jawatankuasa kerja tertinggi turut

⁶⁶ Ibnu Hasyim, (1993), *1950-2000 Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan: PAS Kuasai Malaysia*, GG Edar, Kuala Lumpur h. 368.

⁶⁷ Perlembagaan PAS (Pindaan 2001), *op-cit*, Fasal 7(3) dan (4)

⁶⁸ *Ibid*, Fasal 7(3), (a), (b) dan (c).

⁶⁹ *Ibid*, Fasal 22(1).

menganggotai Jawatankuasa Harian PAS Pusat yang bertindak sebagai jawatankuasa tadbir parti.⁷⁰

Di peringkat negeri, badan yang bertanggungjawab mengendalikan perjalanan, pentadbiran, gerakan dan kegiatan PAS dinamakan Badan Perhubungan PAS Negeri / Wilayah Persekutuan. Badan ini pula diketuai oleh Pesuruhjaya PAS Negeri yang dilantik oleh Presiden PAS atas persetujuan mesyuarat ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.⁷¹ Pesuruhjaya PAS Negeri ini akan dibantu oleh tidak lebih tiga orang timbalan pesuruhjaya, setiausaha, bendahari, ketua penerangan, ketua dan setiausaha Dewan Ulama PAS Negeri, ketua dan setiausaha Dewan Pemuda PAS Negeri, ketua dan setiausaha Dewan Muslimat PAS Negeri, yang dipertua dan setiausaha PAS kawasan-kawasan serta tidak lebih tujuh orang ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Pesuruhjaya dengan persetujuan ahli mesyuarat Perhubungan PAS Negeri⁷². Pesuruhjaya, timbalan-timbalan pesuruhjaya, setiausaha, bendahari, ketua penerangan dan ketua-ketua dewan juga berperanan sebagai Jawatankuasa Harian PAS Negeri yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran Badan Perhubungan PAS Negeri.⁷³

PAS Kawasan pula merupakan organisasi PAS di peringkat daerah, jajahan atau kawasan pilihanraya Parlimen.⁷⁴ PAS Kawasan ditubuhkan oleh Pesuruhjaya PAS Negeri dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat.⁷⁵ Organisasi ini yang bertanggungjawab terhadap kesempurnaan perjalanan parti di

⁷⁰ *Ibid.*, Fasal 22(13).

⁷¹ *Ibid.*, Fasal 34(4).

⁷² *Ibid.*, Fasal 34(3).

⁷³ *Ibid.*, Fasal 34(9).

⁷⁴ *Ibid.*, Fasal 21(1).

⁷⁵ *Ibid.*, Fasal 21(2).

peringkat kawasan diketuai oleh Yang Dipertua PAS Kawasan. Adapun Jawatankuasa Kerja PAS Kawasan terdiri daripada Yang Dipertua PAS Kawasan, timbalan yang dipertua, naib yang dipertua, ketua urusan ulama, dua orang ketua dewan, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari, ketua penerangan dan 12 hingga 24 orang ahli jawatankuasa kerja.⁷⁶ Unit terkecil dalam organisasi PAS ialah PAS Cawangan yang boleh ditubuhkan oleh Yang Dipertua PAS Kawasan dengan persetujuan Persuruhjaya PAS Negeri di mana-mana sahaja dalam daerah kekuasaan PAS Kawasan dengan ahli tidak kurang daripada 25 orang.⁷⁷ Jawatankuasa Kerja PAS Cawangan adalah terdiri daripada ketua cawangan, naib ketua, setiausaha, bendahari, ketua penerangan, ketua jawankuasa pemuda, ketua jawatankuasa muslimat dan tidak lebih 12 orang ahli jawatankuasa.⁷⁸

Selain Jawatankuasa Kerja PAS Pusat sebagai badan pelaksana tertinggi PAS, di peringkat pusat juga wujud tiga dewan sebagai sayap PAS iaitu Dewan Ulama PAS Pusat, Dewan Pemuda PAS Pusat dan Dewan Muslimat PAS Pusat.⁷⁹ Dewan-dewan ini kemudiannya mempunyai rangkaian di peringkat negeri yang dinamakan sebagai Dewan Ulama PAS Negeri, Dewan Pemuda PAS Negeri dan Dewan Muslimat PAS Negeri.⁸⁰ Di peringkat kawasan, hanya Dewan Pemuda PAS Kawasan dan Dewan Muslimat PAS Kawasan sahaja yang diwujudkan⁸¹. Adapun bagi Dewan Ulama PAS, hanya diwujudkan Jawatankuasa Ulama PAS Kawasan.⁸² Di peringkat cawangan pula, tidak ada dewan yang ditubuhkan,

⁷⁶ *Ibid*, Fasal 24(1).

⁷⁷ *Ibid*, Fasal 21(3).

⁷⁸ *Ibid*, Fasal 26(1).

⁷⁹ *Ibid*, Fasal 37, 44 dan 56.

⁸⁰ *Ibid*, Fasal 41, 48 dan 60.

⁸¹ *Ibid*, Fasal 52 dan 64.

⁸² *Ibid*, Fasal 25(4).

sebaliknya Jawatankuasa Pemuda PAS Cawangan dan Jawatankuasa Muslimat PAS Cawangan bertanggungjawab bagi pihak kedua-dua dewan tersebut.⁸³

Dalam semua peringkat organisasi PAS termasuk dewan-dewan, ditubuhkan lujnah-lujnah dan unit-unit sebagai jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang berfungsi melaksanakan dasar parti mengikut bidang tugas masing-masing. Selain lujnah-lujnah, sebuah jawatankuasa khas juga ditubuhkan dengan tanggungjawab khusus untuk mengendalikan urusan pilihan raya dikenali sebagai Jabatan Pilihanraya PAS Pusat (JPP). JPP mempunyai rangkaian di peringkat negeri yang dikenali sebagai Jabatan Pilihanraya PAS Negeri (JPN) dan di peringkat kawasan sebagai Jabatan Pilihanraya PAS Kawasan (JPK). Bagi peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), jabatan pilihan raya dikenali sebagai Majlis Tindakan DUN (MTD) dan di peringkat cawangan dipanggil Unit Peti Undi (UPU) yang dibentuk mengikut sempadan daerah mengundi.⁸⁴

Umumnya, struktur organisasi PAS adalah terbentuk dalam tiga peringkat organisasi iaitu pusat, kawasan dan cawangan. Badan Perhubungan PAS Negeri pula bertindak sebagai penyelaras dan penghubung antara PAS Kawasan dengan PAS Pusat. Manakala dewan-dewan yang menjadi sayap PAS wujud dalam semua peringkat organisasi kecuali Dewan Ulama PAS yang tidak mempunyai organisasi di peringkat cawangan. Di samping itu, lujnah-lujnah termasuk jabatan pilihan raya memainkan peranan untuk menggerak dan melaksanakan dasar PAS bagi pihak jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang wujud di peringkat pusat, negeri, kawasan, cawangan dan dewan-dewan. Dasar PAS pula diputus dan

⁸³ *Ibid*, Fasal 27.

⁸⁴ Hassan Shukri, (2000), *op-cit*, h. 29-30.

dikawal oleh sebuah organisasi yang wujud secara bersendirian tanpa dikuasai atau menguasai mana-mana jawatankuasa kerja yang dinamakan sebagai Majlis Syura Ulama PAS.

3.3.5 Aliran Pemikiran

Ketika penubuhannya pada 1951, PAS telahpun menggariskan matlamatnya untuk mewujudkan sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai Islam atau dalam pengertian yang lain untuk mewujudkan sebuah negara Islam. Idea tentang negara Islam ini bertolak daripada kesedaran yang timbul di kalangan pimpinan PAS tentang kewajiban mendirikan sebuah negara Islam setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Namun kesedaran dan konsep negara Islam yang berkembang dalam PAS tidak datang dari satu punca. Sebaliknya, pemikiran ini adalah hasil daripada hubungan PAS dengan beberapa gerakan Islam luar terutama dari Indonesia, Indo-Pakistan dan Mesir.



Menurut Shafie Ibrahim, terdapat tiga aliran utama yang mempengaruhi dasar, ideologi dan matlamat perjuangan PAS iaitu gerakan *Ikhwān Muslimīn* dari Mesir, Jamaat Islami dari Pakistan dan Majlis Syura Muslimin (Masyumi) dari Indonesia.⁸⁵ Puratanya PAS banyak dipengaruhi oleh pengaruh Timur Tengah khususnya Mesir ekoran ramai pemimpin PAS adalah lulusan daripada sana yang menjadi pusat kebangkitan semula Islam melalui gagasan *Pan Islamisme*. *Pan Islamisme* yang berpusat di Mesir pada awal abad ke-20 telah merangsang

⁸⁵ Safie Ibrahim, (1981), *op-cit*, h. 76.

penubuhan gerakan politik Islam moden yang pertama, *Ikhwān Muslimīn*⁸⁶. Pengaruh kebangkitan Islam global yang berlaku pada abad ke-19 turut memberi kesan ke atas India dan Indonesia sehingga mencetuskan penubuhan *Jamā'at Islāmiy* di Indo-Pakistan dan Masyumi Indonesia.

:

Secara kebetulan gerakan pembaharuan di keempat-empat tempat ini dipimpin oleh tokoh-tokoh pembaharuan yang utama seperti Syed Jamāl Alīdīn Al-Afghāniy(1834-1897), Rashīd Ridā (1865-1935) dan Muḥammad ‘Abduh (1849-1905) di Mesir,⁸⁷ Muḥammad ‘Abd. Wahhāb (1703-1792) di Mekah⁸⁸ dan Syah Waliy Allāh (1702-1763) di India.⁸⁹ Manakala Indonesia pula merupakan pusat perkembangan gerakan pembaharuan Islam yang paling utama di Asia Tenggara akibat pengaruh ulama Minangkabau, Syeikh Ahmad Khatib ‘Abd. Latif di Mekah sehingga melahirkan tokoh-tokohnya seperti Syeikh Muhammad Jamil Jambek, Ahmad Dahlan, Syeikh Tahir Jalal Addin, Syeikh ‘Abd Karim Amar Allah, ‘Abd Allah Ahmad, Agoes Salim dan sebagainya.⁹⁰ Mesir, India dan Indonesia adalah antara negara yang menjadi tumpuan pelajar-pelajar Tanah Melayu untuk mendalami ilmu agama selain Mekah.⁹¹

⁸⁶ *Ibid.*, h. 74.

⁸⁷ Zulkifli Yusof, "Muhammad Abduh dan Sumbangannya", dalam *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, editor Mohammad Kamil Ab. Majid, ABIM: Petaling Jaya, h. 143-160.

⁸⁸ Zakaria@Mahmud Daud dan Ahmad Zaki Ibrahim, "Pemikiran Muhammad Abd al-Wahab dan Pengaruhnya kepada Dunia Islam dalam Bidang Akidah dan Politik", dalam *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, *ibid.*, h. 111-140.

⁸⁹ Abdul Hayei Abdul Sukor, "Biografi Pemikiran Tajdid Shah Waliullah al-Dihlawi", dalam *Tokoh-tokoh Pemikir Islam*, *ibid.*, h. 97-110.

⁹⁰ Abdul Rahman Abdullah, (1989), *Gerakan Islah di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*. Penerbitan Pena Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur, h. 3-5.

⁹¹ Firdaus Abdullah, (1985), *op-cit*, h. 54-56.

Kumpulan pelajar lulusan Mesir, India, Indonesia dan Mekah inilah yang membawa pengaruh tiga gerakan politik Islam tersebut ke dalam PAS. Secara umum, jika diperhatikan di kalangan pimpinan PAS dua dekad pertamanya, pelajar lulusan daripada keempat-empat tempat ini mendominasi kepemimpinan PAS, antaranya seperti Ahmad Fuad Hassan, Ahmad Badawi Abdullah dan Yusof Rawa mewakili lulusan daripada Mekah; Zulkifli Mohammed dan Abu Bakar Al-Asyari mewakili lulusan daripada Mesir; Burhanuddin Al-Helmy, Abu Bakar Omar dan Azhari Abdul Razak mewakili lulusan daripada India; serta Budiman Radzi, Othman Abdullah, Khairul Khatib, Jamahir Idris dan Yunus Yatimi mewakili lulusan daripada Indonesia. Apa yang menarik, sebahagian besar lulusan daripada Indonesia adalah lepasan daripada pusat pengajian Islam di Padang, Minangkabau iaitu tempat lahirnya tokoh-tokoh pembaharuan Indonesia.

Walau bagaimanapun, pengaruh ketiga-tiga gerakan Islam tersebut tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan peranan individu-individu di atas. Sebaliknya, pengaruh tersebut berlaku akibat hubungan langsung antara PAS dengan gerakan-gerakan tersebut. Mungkin tokoh-tokoh tersebut mempunyai peranan dari aspek mempertemukan PAS dengan gerakan Islam yang lain. Dalam sejarah pemikiran PAS, gerakan Islam yang pertama mempengaruhinya adalah Masyumi dari Indonesia. Ini dapat dilihat daripada beberapa aspek.

Pertama, pengaruh Hizbul Muslimin (HAMIM) dalam PAS. Menurut Nabir Abdullah, ketika HAMIM hendak ditubuhkan, tokoh-tokoh kanan Masyumi seperti Kiyai Masyhur Azhari dari Sumatera Barat, Tengku Osman dari

Medan dan Mufti Haji Shamsuddin Mustafa dari Siak merancang untuk datang ke Tanah Melayu bagi memberikan penjelasan tentang dasar dan gerakan parti Islam itu di Indonesia kepada Abu Bakar Al-Baqir dan Ustaz 'Abd. Rabb, dua pengasas utama HAMIM.⁹² Peranan mempertemukan mereka pula dimainkan oleh Burhanuddin Al-Helmy,⁹³ seorang tokoh pembaharuan Islam yang mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin Masyumi seperti Mohd Hatta, Hamka dan Mohd Natsir.

Dasar Islam dan tujuan perjuangan HAMIM untuk menegakkan negara Islam telah diperkembangkan di dalam PAS setelah tokoh-tokoh kanan HAMIM seperti Arifin Alias, Yunus Yatimi, Mohd Asri Muda, Khaidir Khatib, Baharuddin Latif, Othman Hamzah dan beberapa individu lain menjadi pemimpin kanan PAS. Kedua, pengaruh Masyumi sekali lagi berperanan setelah pemimpin-pemimpin seperti Othman Abdullah, Budiman Radzi, Yunus Yatimi dan Khaidir Khatib yang menerima pendidikan politik secara langsung daripada Masyumi atau setelitnya, Muhammadiyah dipilih sebagai pemimpin PAS. Walaupun cara dan pendekatan PAS tidak sama dengan Masyumi, tetapi sebagai sebuah parti pemerintah di Indonesia pada dekad 1950-an, idea-idea pemikiran Masyumi tentang negara Islam telah berkembang di dalam PAS.

Pengaruh *Ikhwān Muslimīn* pula menjadi faktor kedua dan paling dominan yang berkembang di dalam PAS sehingga hari ini. Ia mulai berkembang di dalam PAS setelah penyertaan Zulkifli Mohammad ke dalam PAS pada 1955

⁹² Kiyai Masyhur Azhari dan Mufti Haji Shamsuddin tidak dapat datang kerana dihalang oleh penjajah, tetapi Tengku Osman dapat menyertai penubuhan HAMIM. Lihat Nabir Abdullah, (1976), *op-cit*, h. 160 dan 167.

⁹³ Ramlah Adam, (2002), *op-cit*, h. 96-97.

dan dilantik Timbalan Yang Dipertua Agung PAS pada 1956. Beliau yang terlibat cergas dalam gerakan politik dan mahasiswa di Mesir⁹⁴ merupakan ideologue PAS yang paling lantang bercakap tentang idea negara Islam antara 1955 hingga 1964. Selain itu, pemikiran *Ikhwān Muslimīn* mulai mempengaruhi PAS setelah Dewan Pemudanya menjadikan karya-karya pemimpin *Ikhwān Muslimīn* sebagai teks asas sukan pentarbiyahan dan perkaderannya.

Teks pertama yang digunakan ialah *Peraturan dan Arahan*, karya Imam Hassan Al-Banna yang diterjemah oleh Abu Bakar Hamzah, Ketua Dewan Pemuda PAS.⁹⁵ Kemudian para pelajar yang bergiat dalam Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pada era 1960-an yang dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS, Wan Ismail Ibrahim telah menjadikan karya Syyed Qutb seperti *Maālim fi al-Tariq, Hādhā al-Dīn, al-Mustaqbāl li hādhā al-Dīn* dan *Fī Zilāl al-Qur'ān*, serta karya Muhammad Qutb seperti *Islam Way of Life* sebagai teks-teks dalam sukan pentarbiyahan mereka.⁹⁶ Serentak dengan itu juga, ahli-ahli Dewan Pemuda PAS seperti Fadzil Mohd Noor, Jaiz Anwar dan Ahmad Awang telah melanjutkan pengajian di Mesir. Para pimpinan PKPIM seperti Wan Ismail Ibrahim, Zahari Awang, Nik Mustafa Shafie dan Wan Manan di samping Fadzil Mohd Mohd Noor dan Jaiz Anwar telah muncul sebagai pemimpin PAS yang mempelopori kebangkitan Islam pada dekad 1970-an.

⁹⁴ Mohammad Redzuan Othman, (2001), "Pemikiran dan Perjuangan Zulkifli Mohammad", dalam *Zulkifli Muhammad: Pemikiran dan Perjuangan*, penny. Kamaruddin Jaafar, IKDAS: Kuala Lumpur, h.iv.

⁹⁵ *Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Pusat*, 29 Disember 1964.

⁹⁶ Muhd Idris Ibrahim, "Sekitar perjuangan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM)", dalam Jawatankuasa Penerbitan dan Penyelidikan PEPIAT, (1995), *Gagasan 21 menangani era globalisasi: Agenda generasi muda serantau*, PEPIAT: Kuala Lumpur, h. 171-172.

Dekad 1970-an dan 1980-an merupakan tempoh perkembangan pemikiran *Ikhwān Muslimīn* yang paling pesat berlaku. Pemikiran tokoh-tokoh *Ikhwān Muslimīn* menerusi karya-karya mereka diceduk secara meluas seperti karya Hassan Al-Banna, Syyed Qutb, Muḥammad Qutb, Maryam Jamilah termasuk tokoh *Ikhwān Muslimīn* Jordan seperti Fathi Yakan. Dalam era gelombang kebangkitan Islam pada dekad 1970-an inilah muncul pula tokoh-tokoh PAS seperti Abdul Hadi Awang, Nakhaie Ahmad, Syed Ibrahim Abdul Rahman, Harun Taib, Harun Din, Daeng Sanusi Mariok dan lain-lain yang dikenali sebagai pendokong pemikiran *Ikhwān Muslimīn*. Selain itu, peranan tokoh-tokoh pemuda seperti Abdul Halim Arshat dan Abu Bakar Chik pada dekad 1990-an menyebarluaskan lagi pemikiran *Ikhwān Muslimīn* terutama dalam pentarbiyan ahli-ahli pemuda dan mahasiswa sehingga menjadikan pengaruh *Ikhwān Muslimīn* begitu dominan dalam PAS pada hari ini.

Pengaruh ketiga terpenting dalam pemikiran negara Islam ialah *Jamā'at Islāmiy* Pakistan yang dipimpin oleh Sayyed Abū al-A'lā Al-Mawdūiy. Al-Mawdūiy yang mendokong pemikiran negara Islam radikal terkenal dengan karya, *Political Theory in Islam*. Pengaruh pertama pemikiran *Jamā'at Islāmiy* ini dapat dikesan apabila Naib Ketua Dewan Pemuda PAS, Budiman Radhi menulis ‘*Tata Negara Islam*’ pada awal 1960-an yang mempunyai pengaruh pemikiran Abū al-A'lā Al-Mawdūiy yang kuat.⁹⁷ Permikiran Sayyed Abū A'lā Al-Mawdūiy kemudian semakin berkembang apabila Persatuan Ar-Rahmaniyyah, sebuah pertubuhan kebajikan Islam yang dianggotai oleh ahli ABIM dan PAS telah menterjemahkan karya-karya beliau untuk bacaan ahli-ahli

⁹⁷ Safie Ibrahim, (1981), *op-cit*, h. 76.

gerakan Islam.⁹⁸ Pemikiran *Jamā'at Islāmiy* yang radikal kembali mendapat tempat dalam PAS pada dekad 1980-an apabila para pelajar yang beraliran radikal di United Kingdom yang dikenali sebagai Suara Al-Islam (*Voice of Islam*) menyertai PAS selepas pilihanraya 1982.⁹⁹ Penyertaan Suara Al-Islam yang ditarbiyah oleh Javad Ansari, seorang pimpinan *Jamā'at Islāmiy*¹⁰⁰ ke dalam PAS adalah kerana bersetuju dengan pendekatan radikal dalam menegakkan PAS pada 1980-an. Sehingga hari ini, idea-idea Syyed Abū A'lā Al-Mawdūdiy tentang negara Islam terus berkembang dalam PAS melalui karya-karya beliau.

Selain tiga pengaruh utama ini, pemikiran tentang negara Islam dalam PAS juga turut dipengaruhi oleh beberapa tokoh dan gerakan Islam yang lain terutama selepas 1980. Antara tokoh yang mempunyai pengaruh pemikiran ke atas PAS ialah Nacmettin Erbakan dari Turki; Hassan Turābiy dari Sudan; Ayatullah Ruhullah Khomeini dari Iran; dan Fathi Yakan dari Jordan. Manakala gerakan Islam lain yang turut memberi kesan kepada PAS ialah *Hizb Refah*, Turki; *Ikhwān Muslimīn*, Jordan; Barisan Penyelamat Islam (FIS), Algeria; *Jamā'at Islāmiy*, Bangladesh; *Jabhah Qārimiyah Islāmiyah*, Sudan dan *Harakah An-Nāḥḍah*, Tunisia. Namun begitu, pengaruh-pengaruh ini hanya berkembang di dalam PAS selepas 1980 sebagai pemangkin kepada kematangan PAS dalam menanggapi konsep negara Islam. Ia berkembang kerana hubungan PAS yang semakin baik dengan rangkaian gerakan Islam di seluruh dunia yang mulai dibina pada awal 1970-an.

⁹⁸ Abdul Rahman Abdullah, (1977), *op-cit*, h. 226.

⁹⁹ Temuramah dengan Ustaz Hassan Shukri di Taman Melewar pada 22 Ogos 2002. Ustaz Hassan Shukri adalah Timbalan Presiden PAS.

¹⁰⁰ Zainah Anwar, (1987), *Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah Among Students*, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, h. 27-28.

Keseluruhannya, dapat dilihat bahawa idea dan pemikiran khususnya mengenai negara Islam di dalam PAS telah dirangsang kuat oleh pengaruh-pengaruh daripada luar. Walaupun para pemimpinnya terutama daripada kalangan lulusan tinggi agama telah mempunyai kerangka pemikiran negara Islam tersendiri, tetapi dominanasi pengaruh daripada gerakan Islam yang lebih kanan seperti Masyumi, *Ikhwān Muslimīn* dan *Jamā'at Islāmiy* telah membantu untuk membentuk satu kerangka pemikiran yang lebih kental dan padu. Tambahan pula, gerakan-gerakan Islam tersebut telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh agung yang terkenal dengan karya dan pemikiran masing-masing tentang konsep negara Islam. Namun semenjak dua dekad terakhir ini, hasil hubungan rapat PAS dengan gerakan Islam di seluruh dunia, pengaruh tokoh-tokoh dan gerakan-gerakan Islam lain juga turut mendapat sambutan. Kemunculan pengaruh baru ini boleh dianggap sebagai pelengkap kepada kerangka yang sedia ada.

3.3 HUJAH MENEGAK NEGARA

Di antara agenda utama PAS ialah merealisasikan ketuanan Islam di dalam kehidupan menerusi tertubuhnya sebuah daulah Islamiyyah yang sejati dan tulen sebagaimana yang dianjurkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, agenda tersebut mendasari dan melatari keseluruhan aktiviti dan perancangan PAS. Bahkan laungan ke arah pembentukan negara Islam dalam PAS telah pun berkumandang semenjak dekad 50-an, iaitu seawal penubuhan parti tersebut. Ia terus menjadi momentum utama yang memacu perjuangan PAS sehingga ke dewasa ini. Berikut dipaparkan analisis untuk melihat hujahan dan alasan yang dikemukakan oleh PAS dalam membentuk negara Islam.

3.3.1 Politik Sebahagian Daripada Islam

PAS berpendapat bahawa Islam adalah agama komprehensif yang meliputi seluruh sistem kehidupan. Menurut Ahmad Azzam Hanapiyah, Islam secara umumnya dibahagikan kepada empat sistem iaitu sistem kepercayaan (akidah), sistem peribadatan (ibadat), sistem kekeluargaan (munakahat) dan sistem sosial, ekonomi dan politik (muamalat).¹⁰¹ Harun Din pula mengungkapkan Islam sebagai mencakupi tiga persoalan utama iaitu ‘*aqidah wa al-syari’ah* (kepercayaan dan perundangan), *īmān wa al-’amal* (keimanan dan amalan) dan *Dīn wa Dāwlah* (agama dan pemerintahan).¹⁰² Abdul Hadi Awang pula menegaskan bahawa Islam telah menggariskan tiga peranan manusia iaitu ibadat, amanah dan khalifah.¹⁰³ Daripada tiga pandangan di atas jelas menunjukkan bahawa politik merupakan sebahagian daripada sistem hidup Islam yang menyeluruh. Selain ini, Dewan Ulama PAS Pusat menggariskan pengertian politik sebagai menguruskan kepemimpinan ummah dan mengambil berat (bertanggungjawab) terhadap urusan mereka. Sedang agama pula membawa makna pegangan yang lengkap dan sempurna yang merangkumi urusan ibadat, panduan hidup dan lain-lain perkara yang boleh menjamin wujudnya perkara-perkara tersebut.¹⁰⁴

¹⁰¹ Ahmad Azzam, (1959), *Kenapa Kita Berjuang*, PAS, Bukit Mertajam, h. 4-5. Ahmad Azzam Hanapiyah ialah Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang (1952-1956) dan Persuruhjaya PAS Terengganu (1956-1961). Lihat juga Budiman Radhi, (1981), *Falsafah Rukun Islam*, Pustaka Nasional Pte Ltd.: Singapura, h. 7. Budiman Radhi adalah Naib-Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat. (1956-1958).

¹⁰² Harun Din, kata pengantar, dalam Harun Taib, (1979), *Kuasa Perundangan Islam*, Badar Enterprise: Kuala Lumpur, h. iv. Harun Din adalah Ahli Jawatankuasa PAS Pusat (1975-1982) dan Ahli Majlis Syura Ulama PAS (2001-2004). Manakala Harun Taib ialah Ketua Dewan Ulama PAS Pusat merangkap Setiausaha Majlis Syura Ulama PAS

¹⁰³ Abdul Hadi Awang, (1995), *Sistem Pemerintahan Negara Islam*, Dewan Muslimat Sdn Bhd: Kuala Lumpur, h. 5-8. Abdul Hadi Awang adalah Pemangku Presiden PAS.

¹⁰⁴ Dewan Ulama PAS Pusat, (1980), *Islam dan Politik*, Dewan Ulama PAS Pusat, Kuala Lumpur, h. 11-13.

Dewan Ulama PAS Pusat memberikan tujuh dalil al-Quran yang menunjukkan bahawa Islam dan politik tidak boleh dipisahkan iaitu *Sūrah an-Nūr*, ayat 55; *Sūrah al-Mā'ida*, ayat 49; *Sūrah al-Mā'ida*, ayat 44; *Sūrah al-Ān'am*, ayat 162 dan *Sūrah al-Tahrim*, ayat 9.¹⁰⁵ Antara intisari daripada ayat-ayat berkenaan ialah Allah (s.w.t.) menjanjikan bahawa orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan dapat memerintah di atas muka bumi sebagaimana mereka yang terdahulu memerintah muka bumi ini, terutamanya dengan pemerintahan Islam. Oleh itu, kelangsungan pemerintahan Islam merupakan suatu tuntutan yang amat mustahak untuk direalisasikan. Bahkan seseorang Islam sememangnya telah berikrar bahawa dia sanggup menyerahkan seluruh hidup dan mati semata-mata ingin memartabatkan agama Allah dalam semua aspek dan dimensi kehidupan, termasuklah dalam aspek pemerintahan dan pentadbiran.

Manakala Abdul Hadi Awang pula menambahkan bahawa ayat 30, *Sūrah al-Baqarah* dan ayat 59, *Sūrah al-Nisā'* juga memberikan dalil tentang hubungan antara Islam dan politik.¹⁰⁶ Antara lain beliau menyimpulkan bahawa pemerintah mestilah berperanan sebagai khalifah, iaitu menegakkan agama Allah dan memerintah dunia ini dengan pemerintahan Islam. Demikian juga mereka mestи memastikan bahawa seluruh sistem kehidupan mestilah berteraskan kepada Islam, termasuklah dalam aspek kenegaraan.

¹⁰⁵ *Ibid*, h. 14-16.

¹⁰⁶ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 9-10.

Selain nas-nas al-Quran, Abdul Hadi Awang turut menambah bahawa terdapat banyak dalil dari al-Sunnah, ijmak dan pendapat para ulama yang jelas menunjukkan bahawa Islam mempunyai integrasi yang kuat dengan politik.¹⁰⁷ Hal ini turut disokong oleh Dewan Ulama PAS Pusat,¹⁰⁸ Harun Taib,¹⁰⁹ Hassan Shukri¹¹⁰ dan Nasharudin Mat Isa.¹¹¹ Di sisi PAS, politik adalah sebahagian daripada aktiviti keagamaan dan ia tidak boleh dipisahkan sama sekali dengan Islam. Serentak dengan itu juga, PAS telah menolak malah menentang pandangan yang cuba memisahkan agama dengan politik¹¹² melalui perjuangannya untuk menegakkan sebuah masyarakat yang terlaksana di dalamnya hukum dan nilai hidup Islam.¹¹³

Kesimpulannya, melalui kefahaman bahawa politik adalah sebahagian daripada Islam, maka PAS melihat bahawa memerintah negara dengan cara Islam merupakan satu kewajiban syarak. Apatah lagi kemuncak dari percaturan politik ialah mendapatkan kuasa bagi memerintah dan mentadbir sesbuah negara. Bahkan Islam telah membina landasan seawal peristiwa hijrah lagi bahawa kuasa politik yang dimiliki oleh Rasulullah (s.a.w.) telah digunakan untuk menegakkan negara Islam Madinah dan melaksanakan pemerintahan dengan Islam.

¹⁰⁷ *Ibid*, h. 11-14.

¹⁰⁸ Dewan Ulama PAS Pusat, (1980), *Islam dan Politik*, *op-cit*, h. 16-18.

¹⁰⁹ Harun Taib, (1979), *Kuasa Perundangan Islam*, *op-cit*, h. 1-4.

¹¹⁰ Hassan Shukri, (2000), *op-cit*, h. 8-9.

¹¹¹ Nasharudin Mat Isa, (2001), *op-cit*, h. 15.

¹¹² Lihat Dewan Ulama PAS Pusat, (1980), *Islam dan Politik*, *op-cit*, h. 19-25; Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 14-22.

¹¹³ *Perlembagaan PAS (Pindaan 2001)*, (2002), *op-cit*, Fasal 5(1), h. 2.

3.3.2 Kewajiban Menegak Negara

Selain itu PAS berpendapat bahawa mendirikan negara Islam menjadi kewajiban kepada umat Islam untuk melaksanakan sistem politik Islam sebagai sebahagian daripada cara hidup. Pada 25 Disember 1958, Dewan Ulama PAS telah membuat satu rumusan di dalam satu persidangan para ulama bahawa umat Islam berkewajiban untuk menegakkan negara Islam yang melaksanakan hukum Allah.¹¹⁴ Kewajiban ini disandarkan kepada beberapa firman Allah s.w.t. Antaranya ialah firman Allah di dalam *Sūrah al-Syūra* ayat 13, *Sūrah al-Hasyr* ayat 7.

Dewan Ulama PAS pula berpendapat bahawa mendirikan agama bermaksud mendirikan sebuah negara Islam yang menegakkan hukum Allah dalam kehidupan rakyatnya.¹¹⁵ Selain itu, kewajiban tersebut selaras dengan kepentingan melaksanakan hukum Islam seperti yang ditegaskan oleh Allah dalam *Sūrah al-Mā'idah* ayat 47, 48 dan 50 yang menyifatkan bahawa orang-orang yang enggan melaksanakan hukum Allah sebagai kafir, fasiq dan munafik.¹¹⁶ Dalam pada itu, Harun Taib ketika berhujah tentang kepentingan menegakkan negara Islam, turut merujuk kepada nas al-Quran yang bermaksud,

¹¹⁴ Lihat *Suara Islam*, Januari-Februari 1959, Pendapat Dewan Ulama, Bil. 3, No.2/3, h. 4-5. Lihat juga Dewan Ulama PAS Kelantan, *Pendapat Dewan Ulama*, Dewan Ulama PAS Kelantan: Kota Bharu (1958), h. 1. Fadzil Mohd Noor, *MAJU BERSAMA ISLAM*, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS ke-36, Markaz besar tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, 25 Mei 1990, Pejabat Agung PAS, h. 2. (Presiden PAS 1982-2001)

¹¹⁵ Dewan Ulama PAS Kelantan, (tt), *op-cit*, h. 1.

¹¹⁶ *Ibid.*

"Bahawa Kami menurunkan kepada kamu kitab yang sebenarnya supaya kamu memerintah manusia menurut apa yang diberitahu oleh Allah kepada kamu".

(Terj. *Sūrah an-Nisā' (4):105*)

Ini menunjukkan bahawa Islam itu bukan hanya suatu akidah, tetapi juga negara dan pemerintahan. Penubuhan negara Islam juga bertujuan untuk melaksanakan semua bentuk perundangan Islam dan meminggirkan undang-undang jahiliyyah seperti mana yang dipersoalkan oleh Allah yang bermaksud;

"Apakah undang-undang jahiliyyah yang mereka pilih.".

(Terj. *Surah al-Mā'idah (5):50*)

Harun Taib juga menyunting pandangan daripada Ibn Hazam yang menyimpulkan akan kewajiban menegakkan negara Islam. Ibn Hazam menyebut:

*Para ulama daripada Ahli Sunnah wal Jamaah, al-Murji'ah, as-Syiah dan Khawarij bersatu pendapat mengatakan bahawa menegakkan pemerintahan Islam itu adalah wajib.*¹¹⁷

Manakala Abdul Hadi Awang pula menegaskan bahawa menegakkan negara Islam adalah satu kewajiban sebagai mana kewajiban seluruh alam untuk patuh kepada undang-undang Allah. Beliau menyandarkan pandangan kepada dua dalil. Pertamanya larangan dari Allah terhadap perbuatan menyekutukan Allah dalam perkara agama. Ini berasaskan kepada firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

¹¹⁷ Harun Taib, (2000), "Kewajipan Mengundi Menurut Hukum Syarak", *op-cit*, h. 50. Lihat juga Harun Taib, (1981), *Kuasa Pemerintahan Islam*, Penerbitan Institut Berakan: Kuala Terengganu h. 20-21.

"Apakah mereka mempunyai sekutu selain Allah yang mensyariatkan untuk mereka daripada perkara agama yang tidak diizinkan oleh Allah."

(Terj. *Sūrah al-Syūra* (42):21)

Kedua, sebagai tanda kesempurnaan Islam yang turut mencakupi soal kenegaraan seperti terkandung di dalam tugas manusia sebagai khalifah yang ditetapkan oleh Allah (s.w.t.) melalui firmanNya yang bermaksud:

"Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat sesungguhnya Aku akan jadikan di muka bumi ini khalifah". Sedang tugas khalifah adalah memelihara agama dan mentadbir dunia dengannya.

(Terj. *Sūrah al-Baqarah*(2):30)

Justeru, PAS menyimpulkan nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah tentang hubungan antara Islam dan politik sebagai dalil bahawa penegakan sebuah negara Islam merupakan satu kewajiban syarak.¹¹⁸

Keseluruhannya, dapat difahami bahawa usaha menegakkan ketuanan Islam menerusi pembentukan negara Islam oleh PAS adalah menjadi asas dan matlamat utama parti tersebut yang disandarkan terus kepada dalil-dalil daripada al-Quran maupun al-Sunnah dan kewajibannya adalah bersifat *qat'ie al-dilālah*: iaitu sesuatu yang putus dan muktamad.

¹¹⁸ Abdul Hadi Awang, (1986), *Konsep Negara Islam dan Matlamatnya*, GG Edar: Kuala Lumpur, h. 4-5.

3.3.3. Pilihan Raya Wasilah Penubuhan Negara

Pilihan raya merupakan satu amalan di Malaysia bagi membentuk sebuah kerajaan berdasarkan kehendak dan pilihan rakyat.¹¹⁹ PAS sebagai sebuah parti politik di Malaysia telah memilih pilihanraya sebagai satu wasilah untuk menuju matlamatnya bagi menegakkan negara Islam.

Kewajiban menyertai pilihan raya ini telah diputuskan di dalam Persidangan Dewan Ulama PAS pada 1958. Kewajiban ini berlaku serentak dengan tanggungjawab umat Islam untuk mendaftar sebagai pengundi dan pergi mengundi.¹²⁰ Isu penyertaan di dalam pilihan raya ini telah menjadi perbahasan hangat pada 1955 apabila Mufti Pulau Pinang, Syaikh Abdullah Fahim bersama beberapa orang ulama telah mengeluarkan fatwa mewajibkan umat Islam turun mengundi dan memilih calon-calon daripada kalangan umat Islam. Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Ahmad Awang turut menyokong fatwa ini.

Hasil daripada keputusan yang dicapai oleh Dewan Ulama PAS pada 1958, PAS telah menyertai semua pilihan raya umum di dalam negara ini. Harun Taib menyifatkan perlantikan kepemimpinan melalui proses pungutan suara adalah menepati kehendak syarak yang dinamakan sebagai ‘*bai’ah ‘ammah*’ yang

¹¹⁹ *Malaysia Kita*, (1991), INTAN: Kuala Lumpur, h. 541.

¹²⁰ Dewan Ulama PAS Kelantan, (tt), *op-cit*, h. 1. Kewajiban umat Islam menyertai pilihan raya pernah diputuskan oleh Persidangan Ulama Malaya di Selangor pada 1953 yang turut disertai oleh PAS membincangkan penyertaan umat Islam Indonesia dalam pilihan raya Indonesia. Persidangan tersebut memutuskan menyertai pilihan raya sebagai fardhu ain dan haram jika tidak ikut serta. Lihat *Berita APB*, 22 April 1953, Alim Ulama Malaya Dan Soal Pemilihan Umum di Indonesia, No 94/ Th ke VIII, h. 5. Muktamar Alim Ulama dan Mubaligh Islam SeIndonesia di Medan pada 15 April 1953 dan keputusan Majlis Syura Pusat MASYUMI pada 24 Februari 1953 juga mewajibkan umat Islam menyertai pilihan raya sebagai wasilah untuk menegakkan negara Islam. Lihat Ibn Hasyim, (1993), *PAS Kuasai Malaysia*, GG Edar: Kuala Lumpur, h. 63-64; Ibn Hasyim, *Personaliti Muslim*, (1991), GG Edar: Kuala Lumpur, h. 236-242.

pernah diamalkan pada zaman al-Khulafa al-Rasyidin.¹²¹ Beliau juga mengaitkan pengundian atau proses pilihan raya sebagai baiah dan syahadah (pengakuan) yang disampaikan melalui peti undi.¹²² Baiah dianggap wajib bagi umat Islam berdasarkan firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

:

“Dan hendaklah menegakkan syahadah semata-mata kerana Allah”.

(Terj. *Surah al-Talāq* (65):2)

Adapun kewajiban mendaftarkan diri sebagai pemilih, mengundi dan berpartisipasi untuk memenangkan calon-calon kumpulan yang bermatlamat menegakkan hukum Allah adalah disandarkan kepada satu kaedah fekah yang berbunyi:

“Sesuatu yang wajib tidak sempurna melainkan dengannya, maka ia menjadi wajib”.

Selain itu, Dewan Ulama PAS pada 1958 juga meletakkan kaedah fekah ini sebagai asas PAS untuk menyertai pilihan raya, menjadi pengundi dan bekerja untuk memenangi pilihan raya.¹²³ Harun Taib menjelaskan, dalam konteks pilihan raya yang memerlukan kuasa majoriti bagi memenangi pilihan raya, setiap umat Islam wajib mendaftar sebagai pemilih dan turun mengundi untuk memastikan calon-calon parti Islam memperolehi majority.¹²⁴ Oleh itu, sehingga kini PAS menggunakan saluran pilihanraya dalam sistem demokrasi

¹²¹ Harun Taib, (2000), *Model Kerajaan Islam*, op-cit, h. 51.
¹²² *Ibid*, h. 52.

¹²³ Dewan Ulama PAS Kelantan,(1958), *Pendapat Dewan Ulama*, Kota Bahru, h. 1.

¹²⁴ Harun Taib, (2000), *Model Kerajaan Islam*, op-cit, h. 53.

berparlimen sebagai mekanisme utama untuk merealisasikan cita-cita politiknya, iaitu menegakkan negara Islam di Malaysia.

Kesimpulannya menjelaskan bahawa PAS telah menggunakan beberapa hujahnya dalam menuntut kewajiban membentuk sebuah negara Islam berpandukan hujahan daripada al-Quran dan al-Sunnah serta mengambil kira pendapat yang telah diutarakan ulama terbilang. Komitmen ini diperkuatkan lagi apabila ia dirakam secara bertulis menerusi perlembagaan partinya.

3.4 KONSEP NEGARA

Perbincangan topik ini disandarkan kepada pandangan, idea, pendapat, ijihad serta analisis saintifik daripada pucuk pimpinan utama PAS yang telah didokumenkan sama ada dalam bentuk cetakan buku, artikel-artikel, majalah-majalah dan nota-nota ilmiah. Melalui pernyataan tersebut, dapat digarapkan bahawa terdapat tiga konsep utama yang menjadi teras dan tunjang dalam perbahasan konsep negara Islam menurut perspektif PAS. Ia dimulakan dengan perbincangan tentang prinsip-prinsip atau dasar-dasar umum yang mendasari negara Islam. Analisis ini mewakili konsep asas sebuah negara Islam yang dicadangkan oleh PAS. Seterusnya diikuti dengan analisis terhadap konsep negara Islam perspektif sosio-politik dan perundangan dan ketiga ialah konsep negara Islam perspektif sosio-ekonomi dan sosial.

3.4.1 Prinsip-prinsip Umum Negara

Politik Islam merupakan satu sistem politik yang berteraskan kepada kedaulatan *rabbāniy* (*divine sovereignty*) dan bukan kepada kedaulatan rakyat (*people's sovereignty*) atau manusia seperti mana idea demokrasi Barat yang berdasarkan teori dan ideologi manusia. Bahkan kononnya mereka lah yang menghidup dan memberi rupa bentuk kepada sistem politik maupun kepada rupa bentuk perlembagaan terhadap sesebuah negara.¹²⁵ Akidah Islam sama sekali tidak boleh dipisahkan daripada segenap lapangan hidup termasuk kehidupan bermasyarakat dan bernegara.¹²⁶ Menurut Wan Abdul Rahman Latif, berdasarkan hakikat inilah maka perlembagaan bagi sistem politik Islam ialah perlembagaan yang menjadikan syariat Islam sebagai asasnya.¹²⁷ Daripadanya lahir pula prinsip-prinsip asas sesebuah negara Islam.

PAS telah menggariskan dengan jelas prinsip-prinsip asas pemerintahan dalam sesebuah negara Islam. Harun Taib telah meletak lapan prinsip utama iaitu agama yang menjadi ikutan, kerajaan yang berdaulat; keadilan sejagat; keselamatan awam; kerajaan berkebajikan; pembangunan ekonomi yang berkekalan; kepemimpinan yang berpandangan jauh dan perancangan yang berwawasan akhirat.¹²⁸ Manakala Fadzil Mohd Noor pula menyenaraikan tujuh prinsip negara Islam iaitu masyarakat madani dan negara *hađariy*, kesaksamaan

¹²⁵ Wan Abdul Rahman Abdul Latif, 'Politik Islam dan Penggarapan Isu Semasa', (1421H), dalam jurnal *Mimbar Ulama*, edisi khas Muktamar Sanawi 1421 Parti Islam SeMalaysia, Kuala Lumpur, Dewan Ulama PAS Pusat, h. 90.

¹²⁶ Dewan Ulama PAS Pusat, (1980), *Islam dan Politik*, Kuala Lumpur, Dewan Ulama PAS Pusat, h. 14.

¹²⁷ Wan Abdul Rahman Latif, (1421H), *op-cit*, h. 90.

¹²⁸ Harun Taib, (2000), *Model Kerajaan Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Ulama PAS Pusat, h. 27-28. Lihat juga Harun Taib, petikan ucapan dalam Forum Model Negara Islam, dalam Kamarul Zaman Yusoff, (2000), *Benarkah Malaysia Negara Islam?*, Kota Bharu, Pustaka Qamar, h. 49.

bermasyarakat dan bernegara.¹²⁶ Menurut Wan Abdul Rahman Latif, berdasarkan hakikat inilah maka perlombagaan bagi sistem politik Islam ialah perlombagaan yang menjadikan syariat Islam sebagai asasnya.¹²⁷ Daripadanya lahir pula prinsip-prinsip asas sesebuah negara Islam.

:

PAS telah menggariskan dengan jelas prinsip-prinsip asas pemerintahan dalam sesebuah negara Islam. Harun Taib telah meletak lapan prinsip utama iaitu agama yang menjadi ikutan, kerajaan yang berdaulat; keadilan sejagat; keselamatan awam; kerajaan berkebajikan; pembangunan ekonomi yang berkekalan; kepemimpinan yang berpandangan jauh dan perancangan yang berwawasan akhirat.¹²⁸ Manakala Fadzil Mohd Noor pula menyenaraikan tujuh prinsip negara Islam iaitu masyarakat madani dan negara *hadariy*, kesaksamaan (*al-musāwwāh*), kedaulatan undang-undang berdasarkan perundangan dan syariat Islam, pemerintahan yang bermatlamat dan berteraskan keadilan, pemerintahan yang mendukung prinsip *al-solāhiyyah* (kelayakan) yang sebenar, negara berkebajikan dan pemerintahan yang dinamik dan inovatif.¹²⁹ Daripada pembentangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa PAS telah mengemukakan tujuh prinsip amali dalam pembentukan asas-asas utama pemerintahan Islam iaitu melaksanakan syariah, menegakkan kebenaran (*al-hāq*) dan keadilan,

¹²⁶ Dewan Ulama PAS Pusat, (1980), *Islam dan Politik*, Kuala Lumpur, Dewan Ulama PAS Pusat, h. 14.

¹²⁷ Wan Abdul Rahman Latif, (1421H,) *op-cit*, h. 90.

¹²⁸ Harun Taib, (2000), *Model Kerajaan Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Ulama PAS Pusat, h. 27-28. Lihat juga Harun Taib, petikan ucapan dalam Forum Model Negara Islam, dalam Kamarul Zaman Yusoff, (2000), *Benarkah Malaysia Negara Islam?*, Kota Bharu, Pustaka Qamar, h. 49.

¹²⁹ Fadzil Mohd Noor, (2002), *Memantap Iltizam Menyemarakkan Kebangkitan*, Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-48, Kuala Lumpur, PAS, Pejabat Agung PAS, h. 28-33.

Dalam pada itu, PAS turut berpendapat bahawa selain dari melaksanakan syariah Islam sebagai asas utama pembentukan negara Islam, maka negara tersebut juga haruslah memiliki prinsip-prinsip utama seperti menegakkan kebenaran dan keadilan, mewujudkan kebebasan, menggarap persamaan, melahirkan dasar syariah dan membina ketaatan. Prinsip dan nilai utama ini dilihat penting oleh PAS bagi memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan walaupun ketika terlaksana syariah Islam di dalamnya.

3.4.2 Melaksana Syariah

Syariah atau hukum Allah (s.w.t.) menjadi akidah atau ideologi negara dan pegangan kerajaan, di mana perlombagaan dan segala urusan pemerintahan dirujuk kepadanya. Kewajiban ini bertolak daripada lima asas utama iaitu semua manusia adalah hamba Allah (s.w.t.) tanpa mengira warna kulit, bangsa dan darjah; semua manusia adalah sama dari segi asal-usul mereka; setiap orang mempunyai tanggungjawab sebagai makhluk sama ada dia pemerintah ataupun rakyat; sumber hukum syariah kepada manusia adalah sama dengan peraturan tabie kepada makhluk lain, di mana mereka mesti patuh kepada ketentuan Allah (s.w.t.); dan penegakan negara Islam itu hendaklah bertujuan untuk membebaskan pengabdian sesama manusia kepada pengabdian hanya kepada Allah (s.w.t.).¹³² Hasil daripada lima asas tersebut, maka menjadi kewajiban utama sesebuah kuasa pemerintahan Islam untuk mengadakan peraturan dan undang-undang negara yang berdasarkan nas al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi induk hukum Allah (s.w.t.).¹³³



Menurut Fadzil Mohd Noor, hanya negara yang menjadikan akidah dan hukum Islam sebagai tunjang pemerintahan berupaya mendirikan negara *hadariy*.¹³⁴ Abdul Hadi Awang pula menjelaskan bahawa setiap penyelewengan daripada syariat Islam seperti menggantikan hukum Allah (s.w.t.) dengan hukum

¹³² Abdul Hadi Awang, (1986), *Konsep Negara Islam dan Matlamatnya*, Kuala Lumpur, GG Edar, 1986, h. 8-24.

¹³³ Harun Taib, (1981), *Kuasa Pemerintahan Islam*, Kuala Terengganu, Penerbitan Institut Berakan, 1981, h.11. Lihat juga Muhammed Daud, (tt), "Prinsip-prinsip Negara Islam", dalam jurnal, *Mimbar Ulama* edisi Negara Islam, Kuala Lumpur, h. 4.

¹³⁴ Fadzil Mohd Noor, (2002), *Memantap Iltizam Menyemarakkan Kebangkitan*, Ucapan Dasar Presiden PAS 2002, Dewan Besar PUTIK, Pengkalan Chepa, Kelantan, h. 29.

ciptaan manusia akan membawa kepada syirik terhadap Allah (s.w.t.). Dalam kehidupan bernegara, perbuatan menerima atau mengguna pakai undang-undang yang dibuat oleh manusia dan menganut ideologi ciptaan manusia sebagai ideologi negara adalah termasuk dalam perbuatan syirik.¹³⁵ Abdul Hadi Awang memetik firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Adakah kamu mahukan hukum jahiliyyah? Siapakah yang lebih baik daripada Allah dari segi hukumnya kepada orang-orang yang yakin?

(Terj. *Sūrah Al-Mā' idah*, (5): 50)

Abdul Hadi membawa pandangan Ibn Kathīr, al-Qurṭubiyy dan Sayyed Qutb tentang pengertian ayat tersebut yang mewajibkan setiap pemerintah Islam melaksanakan hukum Islam di dalam pemerintahannya.¹³⁶ Pemerintah juga perlu menggunakan kebijaksanaannya melalui *al-siyāsah al-syar'iyyah* sebagai sasaran dan undang-undang untuk mentadbir negara.¹³⁷ Menurut Abdul Aziz Hanafi, sebarang hukum yang diputuskan mengikut kaedah *al-siyāsah al-syar'iyyah* dianggap hukum Allah.¹³⁸ Penghayatan Islam dalam pemerintahan dan bernegara pasti akan melibatkan usaha untuk meletakkan syariat Islam pada kedudukan yang tertinggi bagi umat Islam.¹³⁹

¹³⁵ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 80-81.

¹³⁶ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 82-84.

¹³⁷ Abdul Aziz Hanafi, (tt), 'Siasah Syar'iyyah dan Perlaksanaannya Pada Masa Kini', dalam *Mimbar Ulama*, edisi Negara Islam, Kuala Lumpur, Dewan Ulama PAS Pusat, h. 7 dan 9.

¹³⁸ *Ibid*, h. 11.

¹³⁹ Fadzil Mohd Noor, 2002, *Memantap Iltizam Menyemarakkan Kebangkitan*, Dewan PUTIK, Pengkalan Chepa, Pejabat Agung PAS, h. 30.

Bahkan menurut Harun Taib, dalam negara Islam al-Quran dan Sunnah mestilah mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada semua undang-undang lain termasuk perlembagaan negara.¹⁴⁰ Sebarang kepercayaan selain daripada Islam dalam pemerintahan dan pentadbiran negara adalah menyalahi prinsip tauhid. Ini kerana Rasulullah (s.a.w) sendiri pernah menolak tawaran menjadi raja dan pemerintah Mekah tanpa boleh melaksanakan syariat Allah dan baginda berhijrah ke Madinah dengan tujuan untuk mendaulatkan hukum Allah (s.w.t.). Jelasnya PAS secara konsisten menegaskan bahawa asas utama pembentukan negara Islam ialah menjadikan perlaksanaan syariah Islamiyah secara menyeluruh sebagai asas dan paksi dalam pembentukan negara.

Kajian mendapati bahawa langkah yang dipertegaskan oleh PAS bukanlah sesuatu yang hanya bersifat retorik semata-mata, sebaliknya mengulangi nilai yang sama sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah (s.a.w.) ketika memerintah Madinah, iaitu melaksanakan syariah dalam pemerintahannya. Kesungguhan ke arah tersebut jelas terpapar apabila ia didokumenkan di dalam perlembagaan negara madinah.¹⁴¹ Justeru, konsep perlaksanaan keseluruhan syariah Islamiyah dalam konteks sebuah negara telah menjadi persefikatan oleh majoriti ulama ketika membahaskan konsep pembentukan negara Islam.¹⁴²

¹⁴⁰ Harun Taib, (1979), *Kuasa Perundangan Islam*, Kuala Lumpur, Badar Enterprise, 1979, h. 43-46.

¹⁴¹ *Infra*, h. 32-36.

¹⁴² *Ibid*, h. 67-71.

Bahkan menurut Harun Taib, dalam negara Islam al-Quran dan Sunnah mestilah mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada semua undang-undang lain termasuk perlombagaan negara.¹⁴⁰ Sebarang kepercayaan selain daripada Islam dalam pemerintahan dan pentadbiran negara adalah menyalahi prinsip tauhid. Ini kerana Rasulullah (s.a.w) sendiri pernah menolak tawaran menjadi raja dan pemerintah Mekah tanpa boleh melaksanakan syariat Allah dan baginda berhijrah ke Madinah dengan tujuan untuk mendaulatkan hukum Allah (s.w.t.). Jelasnya PAS secara konsisten menegaskan bahawa asas utama pembentukan negara Islam ialah menjadikan perlaksanaan syariah Islamiyah secara menyeluruh sebagai asas dan paksi dalam pembentukan negara.

Kajian mendapati bahawa langkah yang dipertegaskan oleh PAS bukanlah sesuatu yang hanya bersifat retorik semata-mata, sebaliknya mengulangi nilai yang sama sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah (s.a.w.) ketika memerintah Madinah, iaitu melaksanakan syariah dalam pemerintahannya. Kesungguhan ke arah tersebut jelas terpapar apabila ia didokumenkan di dalam perlombagaan negara madinah.¹⁴¹ Justeru, konsep perlaksanaan keseluruhan syariah Islamiyah dalam konteks sebuah negara telah menjadi persefakan oleh majoriti ulama ketika membahaskan konsep pembentukan negara Islam.¹⁴²

¹⁴⁰ Harun Taib, (1979), *Kuasa Perundangan Islam*, Kuala Lumpur, Badar Enterprise, 1979, h. 43-46.

¹⁴¹ *Infra*, h. 32-36.

¹⁴² *Ibid*, h. 67-71.

3.4.3 Menegak Kebenaran

Seterusnya nilai-nilai tambahan kepada pembentukan negara Islam ialah menegakkan kebenaran. Ia merupakan prinsip yang sangat penting dalam menegakkan Islam di semua aspek bermula daripada kehidupan individu hingga kehidupan berbangsa.¹⁴³ Apabila Islam itu menjadi agama yang membawa kebenaran, maka segala yang lain daripada Islam adalah batil. Kebenaran ini disandarkan kepada firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Dialah Tuhan yang mengutuskan Rasul-Nya dengan pertunjuk dan ad-deen (agama) yang benar (hak) untuk melahirkannya mengatasi semua agama yang lain .

(Terj. *Sūrah al-Fath*, (48): 28)

Mendirikan negara Islam di antara lain mempunyai objektif untuk menegakkan kebenaran Ilahi (*kalimah al-haq*).¹⁴⁴ Bahkan kebenaran ini menjadi tunggak kepada tertegaknya negara Islam. Sebelum negara Islam diwujudkan, telah berlaku pertarungan di antara kebenaran dan kebatilan kerana itu apabila ia ditubuhkan, maka menjadi kewajiban atas baginya untuk menegakkan kebenaran. Kebenaran pula akan direalisasikan apabila keadilan dilaksanakan kepada semua rakyatnya. Pada masa yang sama, pemerintah Islam berkewajiban untuk menghapuskan kezaliman, mempertahankan kebenaran, menentang kebejatan,

¹⁴³ Fadhil Mohd Noor, 10 Jun 21994, *Ulama Teras Kepimpinan Ummah*, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS ke-40, Masjid Rusila, Marang, Terengganu, Pejabat Agung PAS, h. 7. Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 86.

¹⁴⁴ ILHAM, (2002), *Pengantar Politik Islam*, nota pengajian Diploma Tasawwur Islam, Kuala Lumpur, ILHAM, h. 30.

merangsang kebaikan dan mencegah kemungkarann.¹⁴⁵ Dalam konteks politik moden, negara Islam mestilah berpihak kepada kebenaran dalam hubungan dengan negara-negara lain.

Usaha untuk mendirikan negara Islam pada hari ini terpaksa berhadapan dengan hadangan daripada agama-agama dan ideologi-ideologi selain daripada Islam yang menyebabkan pelbagai tekanan terpaksa diterima oleh pejuang-pejuang Islam. Walau bagaimanapun, tekanan-tekanan ini tidak boleh dijadikan alasan untuk sesebuah negara tidak melaksanakan Islam kerana pemerintahan Islam bertujuan untuk mengabdikan diri kepada Allah (s.w.t.). Pengabdian ini adalah satu kebenaran, dan menegakkan negara Islam mestilah dengan tujuan untuk menegakkan kebenaran tersebut.¹⁴⁶ Pemerintah dalam sesebuah negara hendaklah melaksanakan hukum-hukum Islam berdasarkan kewajiban menegakkan kebenaran bukannya akibat desakan atau kepentingan politik oleh kumpulan tertentu.¹⁴⁷

Tegasnya, prinsip kebenaran dalam sesebuah negara Islam adalah tungan yang menentukan keislaman negara tersebut lantaran kerana kebenaran itu sendiri cukup sinonim dengan Islam.¹⁴⁸ Kebenaran mesti menjadi asas untuk memandu pemerintahan dengan melaksanakan semua perintah dan larangan Allah dalam pentadbirannya. Pemerintah juga bertanggungjawab untuk menegakkan kebenaran dengan menghapuskan segala bentuk kezaliman, kemungkarann dan penyelewengan yang menjadi intipati kepada kebatilan.

¹⁴⁵ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h.86.

¹⁴⁶ *Ibid.*

¹⁴⁷ *Ibid.*

¹⁴⁸ Muhammad Daud, (tt), *op-cit*, h. 4.

3.4.4 Mempertahan Keadilan

Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya sangat menggalakkan keadilan sehingga ia menjadi keistimewaan kepada umat Nabi Muhammad (s.a.w.) dan keutamaan bagi negara Islam yang direldai Allah (s.w.t). Menurut Abdul Hadi Awang, Allah (s.w.t) memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya menegakkan keadilan tanpa memihak ke kanan atau ke kiri (bias) dan tidak pula menghiraukan celaan si pencela. Keadilan pemerintah mencakupi persoalan kemasyarakatan termasuk perkara politik seperti mentadbir urusan manusia berkenaan hak-hak peribadi, harta benda dan sebagainya.¹⁴⁹

Fadzil Mohd Noor pula menyatakan keadilan yang dilaksanakan oleh pemerintah merupakan cita-cita utama kerajaan Islam.¹⁵⁰ Keadilan ini hendaklah meliputi seluruh aspek kehidupan dengan merentasi garis sempadan perkauman, agama dan budaya termasuk memelihara keadilan sosial, keadilan agihan kekayaan dan peluang ekonomi, kebebasan dalam berpolitik dan berpersatuan, hak dan kebebasan individu dan minoriti¹⁵¹ hak beragama dan sebagainya. Tindakan *afirmatif* atau diskriminasi positif hanya boleh dilaksanakan secara demokratik dan merentasi persoalan kaum, agama dan budaya.¹⁵² Muhammad Daud Iraqi dan Abdul Hadi Awang pula memecahkan keadilan dalam pemerintahan Islam kepada tiga aspek iaitu keadilan hukum, keadilan kehakiman dan keadilan dalam menentukan hak dan tanggungjawab terhadap masyarakat.¹⁵²

¹⁴⁹ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 90.

¹⁵⁰ Fadzil Mohd Noor, (2002), *op-cit*, h. 30.

¹⁵¹ *Ibid.*

¹⁵² Muhamad Daud, (tt), *op-cit* h. 5. Lihat juga Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 94-103.

Konsep melaksanakan keadilan ini bermaksud melaksanakan hukum Allah (s.w.t.) secara komprehensif. Pemerintahan yang adil ialah pemerintahan yang melaksanakan hukum Allah (s.w.t.). Sebaliknya selain daripada itu dianggap zalim. Islam menentang kezaliman dan menganggap ia sebagai sesuatu yang keji. Keadilan Islam yang mesti ditegakkan oleh pemerintah ini bersifat mutlak dan ia mesti dilaksanakan walaupun terhadap musuh dan orang bukan Islam dari kalangan ahli *al-dhimmi* dan *musta'man*.¹⁵³

Menurut Harun Taib, tugas melaksanakan keadilan ini bermakna membela mana-mana golongan yang dizalimi berdasarkan hukum Islam. Mahkamah dan badan Hisbah mesti memainkan peranan utama untuk menegakkan keadilan.¹⁵⁴ Keadilan dalam konteks kehakiman juga amat diberi penekanan oleh PAS. Ini kerana Kerajaan bertanggungjawab untuk menentukan keadilan kehakiman dengan melantik para hakim dan qadi dari kalangan individu berkelayakan dan adil. Jabatan Kehakiman menjadi badan penghukum yang sangat penting dalam menegakkan keadilan dan merupakan salah satu daripada institusi pemerintahan yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Badan ini menjadi tempat pergantungan umat untuk memperolehi hak-hak mereka dan bertanggungjawab untuk menjatuhkan hukuman dengan seadil-adilnya.¹⁵⁵

Kerana itu Islam telah menetapkan syarat yang amat ketat terhadap para hakim; bukan hanya dinilai dari sudut intergriti keilmuannya sahaja, tetapi juga

¹⁵³ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 94.

¹⁵⁴ Harun Taib, (2000), *op-cit*, h. 32-33.

¹⁵⁵ Abdul Hadi Awang, (1995,) *op-cit*, h. 96.

ketaqwaan, akhlak dan kebijaksanaannya selain mengetahui adab dan etika pengendalian sesebuah mahkamah.¹⁵⁶

Dalam perkembangan lain, mendapati PAS turut menekankan keadilan terhadap hak dan tanggungjawab. Ini kerana kerajaan Islam bertanggungjawab menentukan hak-hak yang dimiliki oleh setiap rakyat termasuk orang bukan Islam. Hak-hak ini termasuklah hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Kerajaan juga mesti menyatakan batasan tanggungjawab rakyatnya termasuk orang bukan Islam seperti tanggungjawab membayar cukai jizyah, cukai *kharāj*, cukai *'usyūr*, cukai perniagaan, mematuhi undang-undang negara dan sebagainya.¹⁵⁷ Justeru keadilan dalam masyarakat terhasil apabila wujudnya perseimbangan dan kesetaraan hak di antara kerajaan yang prihatin dengan rakyat yang bertanggungjawab.

3.4.5 Mewujud Kebebasan

Menurut Abdul Hadi Awang lagi, kebebasan adalah antara dasar terpenting dalam sesebuah negara Islam kerana ia menepati fitrah manusia dan menjadi salah satu daripada pelengkap hak tabie kemanusiaan. Nilai kebebasan ini terserlah apabila Islam menghalang daripada berlakunya paksaan di dalam agama walaupun dalam konteks penerimaan kebenaran Islam. Sebaliknya Islam memberikan kebebasan berfikir tanpa mengganggu manusia lain dan membenarkan kebebasan bekerja yang munasabah dengan keperluan mereka.¹⁵⁸

Menurut Abdul Hadi juga, pembentukan iklim kebebasan adalah salah satu

¹⁵⁶ Abdul Hadi Awang, 1995, *ibid*, h. 96.

¹⁵⁷ ILHAM, (2002), *op-cit*, h. 76-78. Fadhil Mohd Noor, (25 Mei 1999), *op-cit*, h. 5

¹⁵⁸ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h 103.

daripada tanggungjawab kerajaan Islam demi merealisasikan sebahagian matlamat negara Islam iaitu mentadbir dunia dengan agama.¹⁵⁹

Muhamad Daud pula menjelaskan bahawa terdapat dua unsur utama dalam mendefinisikan kebebasan bagi sebuah negara Islam iaitu kebebasan menganut agama dan kebebasan dalam memberikan nasihat kepada semua golongan oleh pelbagai pihak tanpa dibeza-bezakan antara pemimpin dan rakyat.¹⁶⁰

Harun Taib pula memberikan penekanan utama terhadap kebebasan beragama bagi orang-orang bukan Islam termasuk membenarkan mereka mendirikan syiar agama mereka, pada masa yang sama undang-undang Islam hendaklah dijalankan ke atas mereka.¹⁶¹ Sebaliknya Abdul Hadi Awang menyenaraikan unsur-unsur seperti kebebasan beragama, kebebasan memberi nasihat, persamaan, permesyuaratan dan ketaatan sebagai intipati kepada definisi kebebasan dalam negara Islam.¹⁶²

Walau bagaimanapun, untuk melaksanakan kebebasan ini pemerintah perlu menggunakan beberapa pendekatan supaya pelaksanaan tersebut berkesan. Menurut Abdul Hadi Awang terdapat enam kaedah yang mesti dipatuhi oleh pemerintah dalam melaksanakan kebebasan iaitu kebebasan dalam negara Islam mesti dilaksanakan sebagai satu kewajiban agama dan bukan mengikut kemahuhan hati; rakyat mesti diberi perhatian oleh pemimpin dan orang yang telah

¹⁵⁹ Abdul Hadi Awang, (1986), *op-cit*, h. 43.

¹⁶⁰ Muhammed Daud, (tt), *op-cit*, h. 5.

¹⁶¹ Harun Taib, (1978), *op-cit*, h. 8-9.

¹⁶² Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h 103-124.

ditugaskan berhubungan sebarang tindakan mereka, dan rakyat pula hanya perlu taat kepada pemimpin selagi pemimpin tersebut taat kepada Islam; kebebasan berkait rapat dengan ajaran Islam apabila ia mempunyai batasan halal dan haram serta mempunyai maslahat atau mudharat; negara mestilah memastikan semua pihak mendapatkan kebebasan masing-masing termasuk pemimpin dan rakyat; pemimpin negara hendaklah sabar menghadapi karenah rakyat; dan kebebasan tidak boleh disalahgunakan sehingga menimbulkan kekacauan dalam masyarakat.¹⁶³

Dalam pada itu, PAS melihat di antara kebebasan utama yang harus diberikan penekanan ialah kebebasan menganut agama dan kebebasan nasihat menasihati. Dalam konteks kebebasan beragama, pemerintah Islam mestilah membenarkan setiap orang bukan Islam untuk menganut sebarang agama, mengamalkan adat resam dan melaksanakan urusan peribadi seperti perkahwinan, peraturan keluarga, makan minum dan sebagainya selagi ia tidak mengganggu kepentingan umum.¹⁶⁴

◎◎◎

Menurut Ahmad Ali, orang-orang bukan Islam dalam negara Islam mempunyai hak dan kebebasan untuk mendapatkan perlindungan daripada sebarang ancaman luar, pembelaan daripada sebarang kezaliman, perlindungan kehormatan darah dan harga diri, perlindungan harta benda, kebebasan beragama

¹⁶³ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h 108-109.

¹⁶⁴ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 104.

dan kebebasan bekerja.¹⁶⁵ Tetapi, orang-orang bukan Islam tidak boleh diberikan hak-hak politik yang berlebihan termasuk menjadi ketua negara.¹⁶⁶

Kebebasan beragama bagi orang-orang bukan Islam adalah terjamin dalam sebuah negara Islam. Pemerintah Islam yang berjaya menumpaskan pemerintahan bukan Islam dalam meluaskan wilayah Islam juga tidak boleh untuk memaksa orang bukan Islam memeluk Islam, merampas harta benda yang tidak terlibat dengan perang, memusnahkan rumah-rumah ibadat dan mengganggu cara dan budaya hidup orang bukan Islam.¹⁶⁷

Seterusnya kebebasan nasihat-menasihati. PAS melihat ia merupakan kewajiban kepada semua pihak dalam negara Islam. Kewajiban ini berkait rapat dengan sabda Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

"Agama itu nasihat". Para sahabat bertanya, "untuk siapa?" Rasulullah menjawab, "Bagi Allah, bagi Rasul-Nya, bagi kitab-Nya, bagi pemimpin-pemimpin orang-orang Islam dan orang ramai di kalangan mereka."¹⁶⁸

Bersandarkan kepada hadis ini, bagi sesebuah negara Islam, memberi nasihat adalah menjadi tanggungjawab bersama antara pemimpin dan juga rakyat. Para pemerintah Islam hendaklah membuka peluang dan kebebasan kepada

¹⁶⁵ Ahmad Ali, "Kedudukan Orang Bukan Islam Dalam Negara Islam", dalam *Mimbar Ulama*, (tt), edisi Negara Islam, h. 16-23.

¹⁶⁶ Abdul Hadi Awang, (1984), *Jika Islam Mentadbir*, Marang, Terengganu, Penerbitan Gedung Ummah, h. 7-8.

¹⁶⁷ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 105.

¹⁶⁸ al-'Asqalaniy, Ahmad bin 'Aliy bin Hajar, (tt), "Kitāb al-'Imān", *Fath al-Bāriy*, Ṣahīh Bukhāriy, Dār al-Ma'rifah, Beirut, j. 1, h. 137.

rakyatnya untuk memberikan nasihat kepada pemerintah, dan pemerintah pula hendaklah sentiasa menasihati rakyatnya supaya patuh kepada Allah.¹⁶⁹

Pemerintah Islam tidak boleh memarahi orang-orang yang memberikan nasihat kepada mereka walaupun nasihat dan teguran itu diberikan oleh rakyat biasa yang daif. Pemerintah Islam juga tidak boleh bersikap sombong apabila sesuatu nasihat tidak menepati kebenaran bahkan mereka haruslah mengemukakan hajat Islam yang menjadi amalan kepada orang lain.¹⁷⁰ Menurut Muhammad Daud, kebebasan memberi nasihat dalam konteks negara Islam bermaksud kebebasan bagi semua pihak untuk melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar tanpa sebarang perbezaan di antara pemerintah dan rakyat.¹⁷¹

Kebebasan dalam memberi nasihat mempunyai tiga peranan penting dalam sebuah negara Islam iaitu ia boleh menjamin terlaksananya keadilan dengan sebaiknya, mengatasi kelemahan yang pastinya berlaku kepada setiap manusia dan mengeratkan hubungan dua hala di antara pemimpin dan rakyat yang merupakan salah satu punca kekuatan kerajaan.¹⁷² Oleh kerana itu, pemerintah Islam mestilah membenarkan nasihat, bersedia menerima nasihat dan tidak memberi tekanan ke atas pihak yang memberikan nasihat. Sekatan ke atas kebebasan memberikan nasihat akan menyebabkan negara dilimpahi dengan penyelewengan dan kelemahan termasuklah berlakunya amalan yang bercanggah dengan kehendak Islam.¹⁷³

¹⁶⁹ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 106.

¹⁷⁰ Abdul Hadi Awang, *ibid*, h. 107.

¹⁷¹ Muhammad Daud, (tt), *op-cit*, h. 5.

¹⁷² Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 107.

¹⁷³ *Ibid*.

Abdul Hadi Awang mengatakan bahawa pemerintah Islam berkewajiban menghormati pandangan rakyat. Rakyat dalam sebuah negara Islam mempunyai hak untuk menilai ke atas pemerintah dan dalam memberikan pandangan yang baik sama ada secara individu atau melalui wakil mereka dalam Majlis Syura.¹⁷⁴ Abdul Hadi Awang juga berpendapat bahawa kakitangan kerajaan dan rakyat bukan sahaja diizinkan, bahkan diwajibkan untuk menasihat dan membangkang terhadap sebarang penyelewengan. Berdosa hukumnya jika pegawai kerajaan dan rakyat tidak memberi teguran terhadap penyelewengan. Pemerintah pula wajib menerima nasihat dan teguran yang baik, dan haram hukumnya jika pemerintah menolak kebenaran, dan lebih berdosa jika pemerintah mengenakan tekanan ke atas orang yang menegurnya.¹⁷⁵

3.4.6 Menggarap Persamaan

Manusia di seluruh dunia sebelum kedatangan Islam hidup dalam pelbagai kelas, status, taraf dan lapisan menurut keturunan, warna kulit, kekayaan, pangkat, strata agama dan kedudukan sebagai tuan atau hamba. Penegakkan negara Islam di Madinah telak meletakkan manusia di atas dasar persamaan di hadapan syariat Allah. Martabat kemuliaan manusia hanya diukur berdasarkan kepada darjah amalan dan ketaqwaannya kepada Allah.¹⁷⁶ Ini disabitkan dengan firman Allah yang bermaksud:

¹⁷⁴ Abdul Hadi Awang, (1986), *op-cit*, h. 33-34.

¹⁷⁵ *Ibid*, h. 37.

¹⁷⁶ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 110.

Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku kaum, supaya kamu saling kenal-mengenal di antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di kalangan kamu ialah orang-orang paling paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui lagi Maha Mengenali.

(Terj. *Sūrah Al-Hujarāt*, (49): 13)

Ayat di atas merupakan satu peristiwaran terhadap asal-usul manusia yang secara langsung telah menghapuskan semua perbezaan darjah termasuk dari golongan raja-raja yang sebahagiannya mendakwa berketurunan daripada Tuhan.¹⁷⁷ Ayat tersebut juga telah meleburkan fahaman jahiliyyah yang mengganggap bahawa makhluk itu suci sehingga ia disembah dan boleh melakukan kezaliman sewenang-wenangnya.¹⁷⁸ Bagi sebuah negara Islam, martabat manusia tidak boleh diukur berdasarkan keturunan, bangsa, bahasa, warna kulit, tanah air, harta benda dan sebagainya sekalipun ia merupakan nikmat dan anugerah Allah yang mempunyai hikmah yang amat besar.¹⁷⁹ Perbezaan-perbezaan tersebut tidak boleh dijadikan asas untuk merendah-rendah dan menghina antara satu sama lain. Oleh itu, persoalan kaum, asabiyyah, warna kulit dan keturunan tidak relaven dalam negara Islam.

Islam memahami bahawa adanya tiga unsur yang menjadi kebanggaan manusia iaitu bangsa, kekuasaan dan harta benda.¹⁸⁰ Tetapi bagi negara Islam, tiga perkara di atas tidak boleh dijadikan dasar untuk membeza-bezakan manusia dari segi keadilan, tanggungjawab dan pemberian hak. Di negara Islam, perasaan

¹⁷⁷ Abdul Hadi Awang, (1986), *op-cit*, h. 11.

¹⁷⁸ *Ibid*, h. 10.

¹⁷⁹ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 111; lihat juga Muhammad Daud, (tt), *op-cit*, h. 5.

¹⁸⁰ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 112.

kasih sayang kepada bangsa dan harta benda tidak menjadi satu kesalahan bahkan satu kewajiban tetapi ia mestilah dibina atas akidah Islam serta menunaikan hikmahnya yang sebenar. Manusia mestilah menunaikan dasar-dasar yang ditentukan oleh Allah di samping hukum-hakam yang menjadi tanggungjawab bersama dan matlamat bersama seluruh manusia.¹⁸¹

Selain perbezaan di atas, sesebuah negara Islam juga menitikberatkan aspek jantina dalam mendapat hak persamaan kecuali dalam perkara-perkara tertentu yang melibatkan persoalan fitrah dan kemampuan.¹⁸² Lelaki dan perempuan mesti diberikan hak kemanusiaan yang serupa. Kanak-kanak dan orang-orang tua juga berhak menerima hak persamaan tersebut. Namun demikian, harus difahami bahawa persamaan ini tidak diukur dari segi jumlah atau bilangan yang diberi kepada setiap pihak, tetapi persamaan dari segi peluang untuk memiliki dan berhak untuk berusaha ke atas sesuatu kurniaan Allah berdasarkan kemampuan masing-masing.¹⁸³ Persamaan yang bercanggah dengan fitrah seperti hal-hal tertentu di antara lelaki dan perempuan adalah dilarang sama sekali.

3.4.7 Mewujud Dasar Syura

Dalam menguruskan persoalan dunia, Islam memberikan keutamaan yang besar kepada peranan mesyuarat atau syura. Fungsi asas syura ini ialah untuk menegakkan sesuatu berdasarkan agama dan menegakkan agama dalam perkara-perkara yang diberikan hak kepada manusia untuk memutuskan sesuatu

¹⁸¹ *Ibid.*, 113.

¹⁸² *Ibid.*

¹⁸³ *Ibid.*, h. 114.

berdasarkan kebijaksanaannya.¹⁸⁴ Syura berperanan dalam hubungan sesama pemimpin, pemimpin dengan rakyat, sesama rakyat dan juga dalam keluarga.

Menurut Harun Taib, syura atau mensyuarat merupakan satu kewajiban amali bagi sebuah negara Islam terutama bagi perkara-perkara yang tidak dinaskan oleh al-Quran dan Hadis tetapi melibatkan kepentingan awam.¹⁸⁵

Abdul Hadi Awang mengatakan bahawa syura itu bersifat anjal dan tidak ada pengkhususan. Oleh itu, negara Islam tidak terikat terhadap mana-mana bentuk permesyuaratan, tetapi ia mesti dilakukan oleh ahli-ahli yang berkelayakan dari aspek akhlak, ilmu dan kefahaman terhadap keperluan semasa.¹⁸⁶ Bahkan menurut, Muhammad Daud, syura berfungsi dalam memenuhi hak manusia untuk memikirkan bagaimana menghadapi perkembangan semasa serta menggunakan kebijaksanaan dalam menguruskannya.¹⁸⁷ Kerana itu, pemerintah Islam berkewajiban merujuk kepada umat atau rakyat dalam memutuskan sesuatu perkara dan rakyat pula mestilah sentiasa memberikan pandangan dan nasihat.¹⁸⁸

Abdul Hadi Awang menambahkan bahawa kebebasan bermesyuarat mempunyai batas-batas tertentu iaitu tidak boleh harus bermesyuarat dalam perkara-perkara yang telah dinaskan kecuali membincangkan bagaimana ia harus dilaksanakan dan mesyuarat juga tidak harus memutuskan sesuatu perkara yang

¹⁸⁴ *Ibid*, h. 115-116.

¹⁸⁵ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 16.

¹⁸⁶ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 119. Lihat juga Harun Taib, (1978), *op-cit*, h. 53.

¹⁸⁷ Muhammad Daud, (tt), *op-cit*, h. 6.

¹⁸⁸ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 16.

menyalahi nas syarak serta terkeluar daripada roh syariat Islam.¹⁸⁹ Dua sekatan ini bertujuan untuk menjaga keteguhan syariat Islam dan kemampuannya menghadapi perkembangan semasa. Islam tidak menyekat kebebasan berfikir tetapi perlulah dipandu oleh syariah Islam. Negara Islam juga menolak pendapat majoriti jika bercanggah dengan hukum Islam.¹⁹⁰

Inilah perbezaan ketara antara negara Islam dan negara bukan Islam. Sistem demokrasi telah menjadikan kebebasan berfikir dan keadilan yang dikehendaki oleh rakyat majoriti tunduk kepada kehendak pemimpin yang dipilih. Negara diktator pula menjadikan mesyuarat untuk memaksa penerimaan ke atas perkara-perkara yang telah diputuskan.¹⁹¹ Walhal, menurut Harun Taib, kuasa pemerintahan Islam dalam soal syura adalah bukan sahaja tanggung jawab kepada rakyat malah juga kepada Allah yang mencipta alam ini.¹⁹²

3.4.8 Membina Ketaatan

Menurut Mohd Daud, menjadi prinsip bagi sebuah kerajaan Islam untuk mengeluarkan perintah-perintah dan arahan-arahan yang bersifat kebaikan dan rakyat di negara Islam pula wajib taat di dalam hal kebaikan dan kebaikan.¹⁹³ Muhammad Daud pula menegaskan bahawa konsep taat hanya mutlak kepada Allah (s.w.t.) dan Rasul sahaja, sedangkan taat kepada pemimpin itu hanya boleh

¹⁸⁹ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 119. Lihat juga Harun Taib, (1978), *op-cit*, h. 61-65.

¹⁹⁰ *Ibid.*

¹⁹¹ Abdul Hadi Awang, *ibid.* h. 119-120.

¹⁹² Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 18.

¹⁹³ Mohd Daud Iraqi, (1995), "Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama", dalam *Model Negara Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Ulama PAS Pusat, h. 56.

diberikan selagi mana pemimpin itu mentaati Allah dan Rasul-Nya.¹⁹⁴ Abdul Hadi Awang pula menambah bahawa mentaati pemimpin bukan sahaja wajib tetapi juga mestilah selagi mana pemimpin itu taat dan patuh kepada Allah (s.w.t.) dan Rasul-Nya atau selagi pemimpin patuh dan berpegang teguh dengan Islam.¹⁹⁵

i

Ketaatan terhadap pemerintah Islam merupakan satu timbal balas dari rakyat kepada pemerintah setelah pemerintah memberikan keadilan kepada rakyat dengan melaksanakan hukum-hukum Allah (s.w.t.). Pemerintah mempunyai kewajiban untuk berlaku adil kepada rakyat, menakala rakyat pula wajib memberikan taat kepada pemerintah.¹⁹⁶ Ketaatan ini berkait secara langsung dengan akidah Islam, dan umat Islam hendaklah memberikan ketaatan sama ada ketika senang mahupun susah dan ketika lapangan atau sempit.¹⁹⁷

Kewajiban ini juga diikat oleh syarat yang menjamin kebaikan kepada negara dan rakyat iaitu dalam perkara yang tidak menderhakai Allah (s.w.t.) dan Rasul-Nya. Sebarang ketaatan kepada pemerintah yang engkar kepada Allah (s.w.t.) dan Rasul-Nya, akan menyebabkan orang-orang yang taat itu berdosa jika keingkaran itu satu dosa, dan kafir jika keingkaran itu membawa kepada kafir. Abdul Hadi Awang menegaskan bahawa kafir dan maksiat dalam perkara syariat tidak boleh ditakwil dan dipertikaikan supaya ia tidak dilakukan dengan sewenang-wenang.¹⁹⁸ Bahkan menjadi kewajiban rakyat untuk taat dalam perkara

¹⁹⁴ *Ibid.*, h. 6.

¹⁹⁵ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 121.

¹⁹⁶ *Ibid.*, h. 122.

¹⁹⁷ *Ibid.*

¹⁹⁸ *Ibid.*

kebenaran walaupun pemerintah yang memerintah itu seorang yang fasik.¹⁹⁹ Disinilah peranan kebebasan nasihat dalam negara Islam.

Bukan sahaja pemerintah wajib menasihatkan rakyatnya supaya sentiasa taat dan patuh kepada Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya, tetapi rakyat juga wajib menasihati pemerintah jika berlaku sesuatu kesilapan dalam melakukan ijihad, apakah lagi jika mengengkari hukum Allah (s.w.t).²⁰⁰ Menegur dan menasihat pemerintah yang melakukan kezaliman merupakan jihad paling besar. Ketaatan kepada pemerintah dan nasihat menasihati adalah dua unsur yang tidak boleh dipisahkan dalam negara Islam kerana ia akan menjamin Islam benar-benar diamalkan dan pemerintah pula tidak boleh memandang ringan hubungan antara rakyat dan pemerintah.²⁰¹

3.5 NEGARA PERSPEKTIF POLITIK

Perbincangan berkenaan dengan konsep negara Islam menurut PAS difokuskan pula kepada aspek politik yang dianggap teras utama yang mendasari kepada pembentukan negara Islam. Di bawah tajuk ini perbincangan akan ditumpukan kepada teras-teras utama iaitu doktrin khalifah, konsep kedaulatan sesebuah negara, struktur kerajaan dalam negara Islam, status warganegara, nilai-nilai demokrasi dan hubungan antarabangsa.

¹⁹⁹ *Ibid.*

²⁰⁰ *Ibid*, h. 123.

²⁰¹ *Ibid*, h. 124.

3.5.1 Negara Khilafah

Khalifah adalah merujuk kepada orang yang diserahkan kepadanya amanah dan tugas untuk melaksanakan kuasa pemerintahan di dunia bagi mewakili Allah (s.w.t).²⁰² Kuasa pemerintahan dalam negara Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad (s.a.w.) adalah berbentuk khilafah, ‘imārah al-mu’mīnīn dan imāmah.²⁰³ Ketiga-tiga istilah ini bermaksud menduduki tempat Rasulullah (s.a.w.) dalam urusan menjaga agama Islam dan menjalankan polisi negara mengikut asas-asas keislaman²⁰⁴. Menurut Harun Taib, ketiga-tiga istilah itu merujuk kepada sebuah kerajaan yang berteraskan syariat Allah (s.w.t.), meliputi semua aspek termasuk perlombagaan, undang-undang jenayah, kewangan, kekeluargaan dan sebagainya.²⁰⁵

Tujuan khilafah ini ialah untuk menjaga kepentingan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Khilafah adalah satu kewajiban dan kemestian bagi umat Islam yang tidak boleh dipandang ringan.²⁰⁶

• • •

Menurut Abdul Hadi Awang, takrif khilafah ialah menggantikan kenabian

dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan dunia dengannya.²⁰⁷ Takrif ini secara langsung menjelaskan dua fungsi atau tugas khilafah iaitu pertama, menegakkan Islam dalam erti kata menyatakan Islam kepada seluruh manusia, membuktikan kebaikan ajaran dan hukumnya, mendedahkan kesesatan

²⁰² Ikhwan Nasir, (1957), Politik yang Halal Menerusi Islam, dalam *Suara Islam (SI)*, Bil. 1, h. 9.

²⁰³ Menurut ILHAM, satu lagi istilah ketua negara Islam ialah ‘ri’asah’. ILHAM, (2002), *op-cit*, h. 37.

²⁰⁴ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 14.

²⁰⁵ *Ibid.*

²⁰⁶ ILHAM, (2002), *op-cit*, h. 37.

²⁰⁷ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 58-59.

dan kebatilan ajaran lain serta mempertahankannya daripada ancaman musuh dengan jihad.²⁰⁸ Kedua, mentadbir dunia dengan agama iaitu semua urusan dunia mesti ditadbir berdasarkan kehendak agama kerana ia akan dipertanggungjawabkan di akhirat. Untuk mentadbir dunia dengan agama, khalifah hendaklah memberi penekanan kepada empat perkara iaitu menegakkan keadilan di kalangan manusia, membentuk pandangan yang baik dan kebebasan pendapat yang bermaruah, menghormati taraf kemanusiaan serta menegakkan keamanan dan kestabilan.²⁰⁹

Kejayaan sesebuah khilafah dalam melaksanakan sebuah kerajaan yang berteraskan syariat adalah bergantung kepada tiga faktor iaitu ketua negara yang bertanggungjawab, perlaksanaan syura dan kesatuan umat Islam.²¹⁰ Sebagai ketua negara Islam, khalifah adalah bertanggungjawab terhadap segala perbuatannya sama ada dalam bidang politik, jenayah, sivil dan sebagainya. Ini dengan sendirinya menolak sesetengah sistem dalam negara moden yang meletakkan ketua negara di atas daripada undang-undang sehingga sebarang tindakannya termasuk jenayah tidak boleh dipersoalkan. Ucapan dasar Abū Bakr ketika dipilih sebagai ketua negara telah menyebut yang bermaksud:

*"Jika aku berbuat baik sila beri pertolongan, dan jika aku tersilap sila betulkan" menjadi asas terhadap kebertanggungjawaban ketua negara Islam.*²¹¹

Selain sikap bertanggungjawab ketua negara, umat Islam juga mestilah sentiasa memerhatikan tindak-tanduk ketua negaranya. Umat Islam -

²⁰⁸ *Ibid*, h. 59.

²⁰⁹ *Ibid*, h. 60-70.

²¹⁰ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 14.

²¹¹ *Ibid*, h. 15.

bertanggungjawab menasihati ketua negara. Manakala mereka mestilah mendengar nasihat dan kemahuan rakyatnya selagi tidak bercanggah dengan syariah²¹². Konsep memberi dan mendengar nasihat ini menggambarkan prinsip al-syura dalam pemerintahan Islam di mana pemerintah merujuk kepada rakyat dalam perkara yang tidak dinaskan. Kerana itu rakyat mestilah sentiasa memberi pandangan dan nasihat kepada khalifah.²¹³ Umat Islam juga hendaklah membina kesatuan ummah berdasarkan ikatan akidah tanpa mengira warna kulit atau keturunan.

Setiap umat Islam adalah rakyat negara Islam dan tertakluk di bawah kerajaan Islam.²¹⁴ Kerana itu umat Islam berkewajiban bersatu padu dan tidak harus sama sekali bertelingkah dalam perkara pokok atau *usūliyyah*.²¹⁵ Umat Islam tidak dibenarkan untuk memilih cara pemerintahan yang lain daripada Islam termasuk sosialis, kapitalis, komunis dan sebagainya. Sebaliknya umat Islam berkewajiban membentuk kesatuan yang mendukungi khilafah Islam.

Berdasarkan kepada pendapat dan pandangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh utama dalam kepimpinan PAS, jelas menunjukkan bahawa parti tersebut memperakui serta menerima konsep khilafah dalam pemerintahan Islam. Bahkan mewujudkan jawatan pemerintah atau khilafah merupakan satu kewajiban bagi umat Islam kerana institusi khalifah itu mempunyai tujuan dan matlamat tertentu, iaitu menegakkan agama Islam dan memerintah dunia dengan pemerintahan agama. Namun begitu, khilafah yang memerintah tidak memiliki

²¹² *Ibid*, h. 16.

²¹³ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 16.

²¹⁴ Hassan Shukri, (1968), "Kerakyatan dan Negara Menurut Pandangan Islam", dalam *Bulan Bintang (BB)*, Bil. 21, Oktober-November, h. 13.

²¹⁵ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 16.

kuasa yang mutlak di mana akan wujud pembatasan terutama oleh peranan syura dalam meningkatkan kecekapan pemerintahan ketua negara. Atas dukungan umat Islam, sebuah kerajaan Islam yang kuat dapat dibina melalui negara Islam.

3.5.2 Kedaulatan Syariah

Asas pengertian kedaulatan negara Islam adalah tidak berbeza dengan pengertian kedaulatan negara moden hari ini, tetapi menurut Harun Taib, kedaulatan negara Islam mempunyai satu perbezaan yang ketara iaitu dari segi sumbernya. Jika sumber kedaulatan negara moden adalah berpuncak daripada kemahuan pemerintah dan kehendak rakyat, maka sumber kedaulatan negara Islam mestilah berasaskan kehendak al-Quran dan Sunnah. Kemahuan ketua negara tidak boleh menjadi sumber kedaulatan dan kekuasaan bagi negara Islam sehingga kemahuan tersebut selari dengan al-Quran dan Sunnah.²¹⁶ Begitu juga dengan kehendak rakyat, negara Islam menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai batasan terhadap kehendak rakyat di mana rakyat negara Islam tidak boleh menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh Allah dan sebaliknya walaupun dengan suara majoriti²¹⁷. Rakyat pula wajib patuh kepada kehendak ketua negara jika ia selari dengan Islam bukan atas dasar individunya, tetapi sebagai ketua negara yang menjalankan hukum Allah.²¹⁸ Asas kedaulatan negara Islam adalah bertolak daripada firman Allah (s.w.t) yang bermaksud,

"Di tangan Allah segala hukum dan pemerintahan."

(Terj. *Sūrah Yūsuf*, (12): 67)

²¹⁶ Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 12-15.

²¹⁷ *Ibid*, h. 17.

²¹⁸ Jaiz Anwar, (1967), *Kedudukan Pemerintahan Islam*, Bil. 5, Disember, h. 19.

Kerana itu Rasulullah (s.a.w.) dan *al-Khulafā' al-Rāyidīn* juga telah menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber kedaulatan pemerintahan mereka.²¹⁹ Allah juga telah menegaskan melalui firmanNya yang bermaksud:

:

'Katakanlah (wahai Muhammad), wahai Tuhanmu pemilik segalanya, kamu memberi sesuatu kepada sesiapa yang kamu suka dan kamu menarik sesuatu dari sesiapa yang kamu suka, dan kamu muliakan orang yang kamu suka dan kamu hinakan orang yang kamu suka. Di tangan Mulah segala kebaikan, sesungguhnya Kamu sangat berkuasa ke atas semua perkara'.

(Terj. *Sūrah Āl- 'Imrān*, (3): 26)

Abdul Hadi Awang menambahkan bahawa kedaulatan negara Islam terlaksana apabila didaulatkan sebuah pemerintahan Islam dengan akidah Islam menjadi pegangan kerajaan, perlombagaan negara dan asas dalam segala urusan pemerintahan²²⁰. Dalam kata lain, syariat Islam menjadi sumber utama kedaulatan negara Islam. Abdul Hadi Awang memberikan lima sebab mengapa syariat Islam mesti menjadi sumber kedaulatan iaitu semua manusia adalah hamba Allah (s.w.t.), semua manusia sama dari segi asal-usulnya iaitu dicipta oleh Allah (s.w.t.), setiap manusia mempunyai tanggungjawab sebagai makhluk dan hamba, sumber hukum syariah yang diperintahkan kepada manusia adalah sama seperti peraturan tabie kepada makhluk lain dan tegaknya negara Islam adalah di atas dasar membebaskan perhambaan sesama manusia kepada perhambaan mutlak untuk Allah (s.w.t.).²²¹

²¹⁹ ILHAM, (2002), *op-cit*, h. 23-28.

²²⁰ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 24-25.

²²¹ Abdul Hadi Awang, (1995), *ibid*, h. 26-31.

Dalam pada itu, negara Islam juga mempunyai kuasa untuk mengadakan undang-undang dan peraturan bagi mengendalikan rakyatnya. Bahkan menurut Harun Taib, persoalan menguruskan perbendaharaan negara, mentadbir urusan ibadat, menegakkan keadilan, menegakkan keamanan, menjaga kebijakan awam dan mewujudkan jentera pentadbiran yang cekap sebagai satu kewajiban kepada pemerintah Islam.²²² Untuk melaksanakan semua urusan pengendalian rakyat di atas, negara Islam boleh menggubal dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan. Tetapi kuasa menggubal undang-undang adalah dimiliki oleh satu badan khas yang menjalankan tugas-tugas legislatif dalam negara Islam. Bagi Harun Taib, anggota badan legislatif ini hendaklah terdiri daripada para ulama yang melengkapi beberapa ciri iaitu memahami al-Quran dan Sunnah dari bahasa undang-undang, mengetahui nasakh dan mansuh al-Quran dan Sunnah, memahami bahasa Arab, mengetahui ilmu usul fiqh dan memahami kemaslahatan manusia.²²³ Semua undang-undang yang digubal oleh badan ini hendaklah selari dengan al-Quran dan Sunnah sehingga menampakkan kedaulatan syariah Islam.²²⁴

Negara Islam juga mempunyai hak yang sah untuk mentadbir negara dan memiliki hak eksklusif ke atas negaranya dalam hubungan dengan negara-negara lain. Sebuah kerajaan yang sah dalam negara Islam hari ini wujud selepas satu proses pemilihan pemerintah dilakukan, di mana pemilihan ini dianggap ‘*aqad*’ (ikatan) di antara pemimpin dan rakyat (*khilafah* dan *ummah*).²²⁵ Manakala rakyat berhak menarik balik atau membatalkan perjanjian dengan pemerintah jika

²²² Harun Taib, (2000), *op-cit*, h. 29-37.

²²³ Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 53.

²²⁴ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 9.

²²⁵ *Ibid*, h. 62.

perlu. Undian atau proses pilihanraya dianggap sebagai satu baiah atau kesaksian terhadap sebuah kerajaan yang sah.²²⁶

Dari aspek kedaulatan antarabangsa, menurut Harun Taib, negara Islam mempunyai hak menjalankan polisi luar negeri dalam lima aspek iaitu membuat hubungan dengan negara jiran, menandatangani perjanjian dengan negara asing, mengisyiharkan perang terhadap musuh, melantik dan menerima pegawai diplomatik serta menyampaikan dakwah Islamiyah ke negara-negara bukan Islam.²²⁷ Dengan adanya kuasa terhadap polisi-polisi luar negeri ini, ia menunjukkan kedaulatan sesebuah negara itu diiktiraf oleh negara lain.

Umumnya, konsep kedaulatan negara Islam yang asas adalah tidak berbeza dengan kedaulatan negara moden hari ini. Seperti negara moden, kedaulatan negara Islam adalah bertolak daripada keagungan kuasa mereka untuk menggubal dan menguatkuaskan undang-undang, mentadbir negara secara sah dan mempunyai kebebasan dalam hubungan antarabangsa. Tetapi, satu perbezaan ketara di antara negara Islam dengan negara moden ialah sumber kedaulatan negara. Kedaulatan negara moden bergantung kepada kemahuan pemerintah dan kehendak rakyat, tetapi kedaulatan negara Islam bersumber daripada wahyu. Kemahuan pemerintah dan rakyat mestilah selari dengan kehendak Allah (s.w.t.).

²²⁶ Harun Taib, (1998), "Kewajiban Mengundi Mengikut Hukum Syarak", dalam jurnal *Mimbar Ulama*, Bil. 2/98, Kuala Lumpur, Dewan Ulama PAS Pusat, h. 123-126.

²²⁷ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 120-127.

3.5.3 Jaringan Antarabangsa

Sebagai sebuah negara yang dikelilingi jiran serantau, maka negara Islam sudah tentu mempunyai hubungan tersendiri di antara setiap jiran tersebut. Islam membahagikan jenis-jenis negara di dunia ini kepada tiga iaitu *Dār al-Islām* (negara Islam), *Dār al-'Ahd* (negara bukan Islam yang mempunyai perjanjian dengan negara Islam) dan *Dār al-Harb* (negara bukan Islam yang bermusuh dengan negara Islam).²²⁸ Adapun negara Islam pula dibahagikan kepada lima iaitu *Dār al-'Ahd* (negeri yang diperintah dengan syariat Islam secara menyeluruh dengan adil), *Dār al-Bughī* (negeri Islam yang diperintah oleh yang Islam yang menderhaka kepada kerajaan Islam yang adil), *Dār al-Bid'ah* (negeri Islam yang diperintah oleh orang yang melakukan bid'ah), *Dār al-Radh* (negeri Islam yang dikuasai oleh orang-orang yang murtad) dan *Dār al-Maslūbah* (negeri Islam yang dijajah oleh orang bukan Islam).²²⁹

Menurut Abdul Hadi Awang, terdapat tiga bentuk perhubungan antarabangsa bagi sesebuah negara Islam iaitu pertama, hubungan sesama umat Islam (negara Islam) di mana seluruh umat Islam diikat oleh akidah yang lebih erat berbanding hubungan keluarga, darah, bangsa, bahasa, negara dan kepentingan kebendaan. Persaudaraan ini diwajibkan secara praktikal dalam seluruh ajaran Islam bermula daripada ibadat hingga urusan negara.²³⁰ Kedua, hubungan dengan umat yang lain iaitu hubungan dengan orang-orang bukan Islam dengan penekanan ditumpukan kepada hubungan berta'ārif dan berta'awun di atas prinsip keadilan dan kebijakan. Setiap orang mestilah

²²⁸ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 236-238.

²²⁹ *Ibid*, h. 236.

²³⁰ *Ibid*, h. 227-229; Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 124.

diberikan keadilan Islam, dibela bila berlaku kezaliman dan dilarang daripada berlaku zalim ke atasnya.²³¹

Ketiga, peperangan dengan musuh-musuh Islam. Islam menolak perbuatan yang melampaui batas, tetapi demi menegakkan kebenaran dan keadilan, maka Allah mengizinkan peperangan. Namun begitu, hanya ada dua sebab sahaja peperangan dibenarkan iaitu mempertahankan dakwah Islamiyah daripada diganggu atau perbuatan mengganggu orang Islam mengamalkan Islam. Kedua, kerana mempertahankan nyawa, maruah, harta dan tanah air.²³² Seterusnya setiap peperangan mestilah memenuhi garis panduan yang ditetapkan agar tidak mengorbankan nyawa manusia yang tidak bersalah. Islam sama sekali melarang dan mengharamkan sesuatu peperangan yang dicetuskan atas dasar assobiyyah iaitu menolong sesuatu kaum untuk menegakkan kezaliman.²³³

Di samping idea perang damai dalam hubungan antarabangsa Islam, setiap kerajaan Islam sebenarnya mempunyai lima fungsi khusus dalam menjalankan polisi-polisi luar negeri negara Islam. Pertama, membuat hubungan dengan negara-negara jiran sebagai tanda persahabatan ikhlas dan hormat menghormati antara satu sama lain.²³⁴ Kedua, menandatangani perjanjian dengan negara asing. Negara asing dalam konotasi Islam yang asal adalah negara-negara bukan Islam, tetapi pada hari ini berdasarkan konsep negara-bangsa, negara Islam yang lain juga dianggap negara asing.²³⁵ Ketiga, mengisyiharkan perang terhadap negara musuh. Kuasa mengisyiharkan perang diserahkan kepada ketua

²³¹ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 229-230.

²³² *Ibid*, h. 230-234.

²³³ *Ibid*, h. 235.

²³⁴ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 120-121.

²³⁵ *Ibid*, h. 121-122.

negara Islam dan boleh juga kepada majlis perundangan. Jika keadaan memerlukan keputusan mesyuarat ia perlu dibawa ke majlis perundangan, jika tidak ketua negara mesti melakukannya dengan berhati-hati.²³⁶

Fungsi keempat ialah melantik pegawai-pegawai diplomatik ke negara asing dan menerima ketibaan pegawai diplomatik negara asing. Pegawai diplomatik ini menjadi simbol perdamaian dan saling menghormati negara asing selagi mana tidak tercetus permusuhan di antara negara Islam dengan negara bukan Islam.²³⁷ Dan kelima, menyampaikan dakwah Islam ke negara-negara yang masih belum sampai mesej Islam kepadanya. Melalui dakwah ini, negara Islam akan bertambah kuat apabila negara jiran turut menjadi negara Islam dan negara Islam juga akan turut mendapat pengiktirafan apabila sesebuah negara menbenarkan Islam disebarluaskan kepada rakyatnya.²³⁸

(3.5.4) Kemakmuran Demokrasi

Di dalam PAS, nilai-nilai yang terdapat di dalam demokrasi seperti kebebasan bersuara, kedaulatan pemerintahan, keadilan undang-undang dan nilai kerjasama sejagat dan lain-lain lagi menjadi asas penting perjuangan parti tersebut. Ini dapat dibuktikan apabila asas-asas tersebut didokumenkan di dalam perlembagaan parti PAS.²³⁹ Bahkan komitmen tersebut diperkuatkan lagi melalui ucapan dasar mantan Presiden PAS, Fadzil Muhammad Noor (1937-2002) di dalam ucapan dasar muktamar tahunan PAS kali ke-36 yang

²³⁶ *Ibid*, h. 122-123.

²³⁷ *Ibid*, h. 123-124.

²³⁸ *Ibid*, h. 124-127.

²³⁹ *Perlembagaan Parti Islam Se Malaysia (PAS)*, (Pindaan 2001), *op-cit*, h. 2-4

menyatakan bahawa PAS telah komited dengan sistem demokrasi berparlimen bagi memerintah Malaysia.²⁴⁰

Dalam pada itu Mujahid Yusuf Rawa turut menghuraikan dasar PAS berhubung dengan demokrasi bagi tujuan menangkis tanggapan sesetengah pihak yang menganggap bahawa kehadiran PAS adalah penghalang kepada proses perjalanan demokrasi yang sedia wujud di Malaysia. Beliau menegaskan bahawa antara tujuan kehadiran PAS di persada politik Malaysia ialah untuk memurnikan lagi nilai-nilai demokrasi agar lebih telus dan suci.²⁴¹ Namun dalam menganalisis konsep ini, penulis mendapati sehingga kini tiada satu pun karya khusus yang diterbitkan oleh PAS dalam membahaskan secara terperinci dan mendalam tentang kedudukan demokrasi dalam negara Islam. Walau bagaimanapun hipotesis awal yang dijalankan melalui metode pengumpulan data mendapati unsur-unsur dan nilai demokrasi dan pelaksanaannya yang sering diutarakan oleh tokoh-tokoh sains politik, dilihat turut terdapat di dalam beberapa artikel, kertas kerja, majalah yang didokumenkan secara umum oleh PAS, terutamanya ketika kepimpinan mereka membincangkan konsep negara Islam yang bakal dilaksanakan. Ini dapat dibuktikan dengan beberapa elemen penting yang terdapat di dalam sistem demokrasi seperti kebebasan hak,²⁴² kebebasan

²⁴⁰ Fadzil Muhammad Noor, bekas Presiden PAS yang ke-5, menggantikan HJ. Yusof Rawa, pd. 31 Mac 1989. 25 Mei 1990. *Maju Bersama Islam*, 25 Mei 1990, ucapan dasar muktamar tahunan PAS kali ke-36, Dewan besar Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Pejabat Agung PAS, Gombak.

²⁴¹ Mujahid Yusuf Rawa, 29 Muharram-13 Safar 1424/1-15 April 2003, "Perkara yang memisahkan demokrasi dan syura", dlm. *Harakah*, (beliau ialah AJK Dewan Pemuda PAS Pusat sesi 2001-2003 dan juga anak kepada Yang di Pertua PAS ke-4, iaitu Tuan Hj. Yusor al-Rawi), Perkara yang memisahkan demokrasi dan syura, h. 7.

²⁴² *Infra*, h. 242.

bersuara,²⁴³ kuasa majoriti²⁴⁴ dan pilihanraya,²⁴⁵ sememangnya telahpun dibincangkan terdahulu daripada ini.

Walau bagaimanapun untuk melihat perdekatan ideal PAS berkenaan kemakmuran demokrasi secara lebih menyeluruh, maka penulis akan menggunakan metode komparatif, iaitu membandingkan nilai ataupun ciri yang wujud di dalam sistem demokrasi yang diterima pakai berdasarkan pandangan dari tokoh-tokoh sains politik. Melalui rangka dan kefahaman inilah perbandingan akan dibuat bagi menjelaskan nilai dan konsep demokrasi yang diperjuangkan oleh PAS untuk menghasilkan satu kesimpulan umum berkenaan idea dan pendirian PAS tentang kemakmuran demokrasi.

Menurut seorang tokoh pengkaji sains politik terkenal Barat, iaitu Peter B. Harris menjelaskan bahawa demokrasi adalah satu konsep sains politik yang berasal daripada perkataan Yunani yang bererti 'pemerintahan rakyat'.²⁴⁶ Walau bagaimanapun, beberapa pengkaji sains politik mengatakan demokrasi merupakan perkataan yang paling kabur dalam ilmu sains politik sehingga seorang ahli sains politik Norway mengenal pasti lebih 300 jenis demokrasi yang diamalkan di seluruh dunia.²⁴⁷

Joseph Schumpeter merumuskan demokrasi sebagai satu kaedah memilih pemimpin, menentukan perwakilan, mendapatkan persetujuan-persetujuan politik, membuat undang-undang dan keputusan, menentukan pemerintahan

²⁴³ *Ibid.*

²⁴⁴ *Infra*, h. 244.

²⁴⁵ *Infra*, h. 161-166

²⁴⁶ Peter B. Harris, (1976), *Foundation of Political Science*, Hutchinson, London. h. 215.

²⁴⁷ *Ibid.*

majoriti dan hak-hak minoriti dan sebagainya.²⁴⁸ Syed Ahmad Hussein menambah bahawa demokrasi selalunya dihubungkaitkan dengan kaedah-kaedah dan institusi seperti pilihan raya, perwakilan, parti-parti dan persaingan politik, pemerintahan undang-undang, kuasa kerajaan yang terbatas, hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan berkumpul dan sebagainya.²⁴⁹ Dalam pada itu, diktum politik turut dikemukakan oleh Abraham Lincoln dengan menyatakan bahawa demokrasi sebagai kerajaan dari rakyat, oleh rakyat untuk rakyat. Realiti ini kelihatan diterima sebagai satu definisi yang popular yang merujuk kepada kewujudan kerajaan berdasarkan kehendak rakyat dan dasar-dasar kerajaan yang memenuhi aspirasi dan tuntutan rakyat. Dalam politik moden hari ini, konsep demokrasi liberal yang menekankan prinsip kerajaan terhad, kesamaan politik di mana semua rakyat mempunyai hak yang sama, persaingan bebas, kedaulatan rakyat, pemisahan kuasa dan masyarakat sivil.²⁵⁰

Secara umumnya, demokrasi boleh disimpulkan sebagai satu sistem politik yang membenarkan penglibatan rakyat dalam kerajaan di mana terdapat timbal balik di antara kedua-dua pihak tentang kepentingan masing-masing. Daripada beberapa definisi yang dinyatakan oleh ahli-ahli sains politik di atas, boleh dikatakan bahawa negara demokrasi mempunyai ciri-ciri berikut iaitu pilihan raya, majlis perwakilan, parti-parti politik, kedaulatan undang-undang, kuasa kerajaan, hak-hak asasi manusia, masyarakat sivil dan pemisahan kuasa.

²⁴⁸ Joseph Schumpeter, (1950). *Capitalism, Socialism and Democracy*, Harper Colophon, New York

²⁴⁹ Syed Ahmad Hussein, (2001), *Pengantar Sains Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur h. 86.

²⁵⁰ Wan Abdul Rahman Wan Latiff, (2001), 'Sistem Pemerintahan Demokrasi', dalam *Pengantar Sains Politik*, Ghazali Mahyuddin et.al, Modul PJJ, Jabatan Sains Politik UKM, Bangi, h. 19-25.

Dalam pada itu, Alan R. Ball meletakkan konsep demokrasi liberal yang menjadi asas kepada sistem demokrasi. Beliau merumuskannya kepada tujuh elemen utama iaitu, pertamanya terdapat lebih daripada satu parti politik yang bersaing untuk mendapatkan kuasa. Kedua, wujud persaingan kuasa berjalan secara terbuka dan bukan secara rahsia berdasarkan peraturan yang ditetapkan. Ketiga, kemasukan dan rekrutmen dalam arena politik adalah terbuka. Keempat, terdapat pilihan raya dari masa ke semasa yang berdasarkan penyertaan rakyat. Kelima, adanya kumpulan pendesak dibenarkan bergerak untuk mempengaruhi keputusan kerajaan dan persatuan-persatuan sekerja dan sukarela. tidak dipengaruhi oleh kerajaan. Keenam, terdapat kebebasan sivil seperti hak bersuara, beragama, berhimpun dan kebebasan media dibenarkan. Manakala ketujuhnya ialah terdapat pemisahan kuasa dalam badan perundangan, pemerintahan dan kehakiman.²⁵¹

Tetapi, hampir keseluruhan ciri-ciri demokrasi yang digariskan oleh Ball di atas telah pun dibahaskan dan dibincangkan terlebih dahulu sebelum ini seperti penglibatan dalam pilihan raya, kebebasan *sivil* dan pemisahan kuasa kecuali beberapa isu seperti parti politik, persaingan kuasa secara terbuka, kemasukan ke arena politik dan kumpulan pendesak.²⁵² Justeru, perbincangan selanjutnya akan mengemukakan beberapa perbandingan tentang sistem pemerintahan demokrasi yang diperjuangkan oleh PAS serta perbandingan dengan sistem demokrasi yang dikemukakan oleh teori Ball.

²⁵¹ Alan R. Ball, (1977), *Modern Politics and Government*, MacMillan, London, h. 42-43.

²⁵² *Infra*, h. 163-166, 177-183 dan 221-230.

Tentang kedaulatan undang-undang, kedaulatan rakyat dan kuasa kerajaan, PAS berpendapat bahawa negara Islam memberikan garis panduan yang jelas kepada rakyat dan kerajaan untuk menentukan kedudukan mereka selagi tidak tergelincir daripada perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t.) atau kedaulatan Allah (s.w.t.).²⁵³ Negara Islam juga turut menerima konsep pemisahan kuasa, bahkan teori pemisahan kuasa diadaptasikan daripada sistem pemerintahan Islam yang telah berjaya mewujudkan badan perundangan, pemerintahan dan kehakiman seawal zaman *al-Khulafā al-Rāsyidūn*, walaupun teori ini telah dikemukakan oleh Aristotle lebih awal.²⁵⁴

Manakala kedudukan dan hak-hak minoriti juga telah dijelaskan dalam perbincangan tentang kedudukan ahli zimmah sebagai golongan minoriti dalam negara Islam.²⁵⁵ Semua rakyat termasuk ahli zimmah diberikan hak-hak kebebasan yang sesuai dengan kedudukan mereka sebagai insan dan hamba Allah (s.w.t.).

Seterusnya perbincangan berikut akan cuba memberikan tumpuan terhadap beberapa pandangan PAS dalam isu demokrasi seperti proses perjalanan pilihan raya, kedudukan parti politik dan masyarakat sivil (kumpulan pendekar). Bagi melantik ahli-ahli majlis perwakilan dan melantik ketua negara, maka proses pemilihan atau pilihan raya boleh dijalankan untuk memilih calon-calon berdasarkan kelayakan yang telah ditetapkan. Calon-calon yang bertanding mestilah memenuhi ciri-ciri seorang mujtahid. Kempen pilihan raya mestilah

²⁵³ Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 12-19. Mujahid Yusuf Rawa, "Perkara yang memisahkan demokrasi dan syura", dlm. *HARAKAH*, *op-cit*, h. 7

²⁵⁴ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 7, 9 dan 10.

²⁵⁵ Lihat Ahmad Ali, (*tt*), *op-cit*, h. 22

berlandaskan peraturan. Manakala rasuah dan penipuan semasa pilihan raya hendaklah dikenakan hukuman berat. Dan pemilihan hendaklah dibuat secara bersenarai (*proportional system*) dan tidak secara perseorangan. Jika terdapat dewan senat yang ahlinya dilantik oleh ketua negara, maka ahli-ahli yang dilantik hendaklah memenuhi ciri-ciri mujtahid.²⁵⁶

Dalam negara Islam, proses pilihan raya berlangsung dengan diberi pertimbangan terhadap kelayakan anggota penapis calon, kelayakan menjadi pemilih (pengundi) dan cara pemilihan dilakukan.²⁵⁷ Dalam kata lain, semua rakyat adalah berpeluang menyertai arena politik tetapi kelayakan asas sebagai seorang mujtahid dan pakar diutamakan kerana ia melibatkan urusan pemerintahan negara.

Bahkan dalam konteks sebuah negara Islam, PAS berpendapat bahawa pihak berkuasa hendaklah menyenaraikan senarai calon-calon yang layak bertanding dan senarai pengundi dari masa ke masa. Penyenaraian calon-calon yang layak bertanding ini menjadikan persaingan politik berlaku secara terbuka dan bukan rahsia negara. Pemilihan hendaklah dilakukan ke atas calon-calon yang tersenarai adalah berdasarkan kelayakan calon, bukannya parti yang diwakili.²⁵⁸ Realiti ini menunjukkan bahawa konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS membenarkan kewujudan parti politik, bahkan kemampuan calon menjadi kriteria utama dalam pemilihan. Pemilihan ketua negara Islam pula mestilah berlaku dalam dua peringkat iaitu peringkat

²⁵⁶ Harun Taib, (1979), *op-cit, op-cit*, h. 59-60. Mujahid Yusuf Rawa, 29 Muharram-13 Safar 1424/1-15 April 2003, *op-cit*, h. 7

²⁵⁷ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 81.

²⁵⁸ *Ibid*, h. 81-82.

pencalonan di mana badan penapis calon menentukan seseorang calon itu layak bertanding atau tidak.

Manakala pada peringkat kedua, calon-calon mendapat persetujuan daripada rakyat melalui pungutan suara atau pilihan raya.²⁵⁹ Persetujuan rakyat ini dipanggil *Bay'ah 'Āmmah* dan pelantikan ketua negara tidak sempurna tanpa persetujuan ini,²⁶⁰ bahkan Abdul Hadi Awang menganggap baik secara paksa akan memberikan kesan buruk dalam hubungan pemerintah dengan rakyat.²⁶¹ Dengan ini dapat difahami bahawa ketua negara Islam mendapat kekuatan daripada mandat rakyat dan persetujuan rakyat merupakan ikatan dalam membekali ketua negara dengan kekuasaan dalam menunaikan tanggungjawabnya.

Dalam konteks yang sama juga, PAS membangkitkan persoalan syura sebagai satu konsep demokrasi Islam yang meliputi soal pemilihan, majlis perwakilan, membuat keputusan dan peranan masyarakat sivil. Syura atau permesyuaratan adalah satu perkara yang wajib diamalkan oleh kerajaan Islam dan kerajaan mestilah merujuk kepada rakyat dalam semua urusan negara yang tidak ada nas al-Quran dan Sunnah. Rakyat pula mestilah bertindak balas dengan memberikan nasihat dan pandangan kepada kerajaan dalam urusan negara.²⁶² Bahkan rakyat yang terbunuh kerana menyatakan kebenaran kepada pemerintah

²⁵⁹ *Ibid*, h. 83. Mujahid Yusuf Rawa, 29 Muharram-13 Safar 1424/1-15 April 2003, *op-cit*, h. 7

²⁶⁰ *Ibid*, h. 84; Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 146-147.

²⁶¹ Abdul Hadi Awang, (1995), *ibid*, h. 155.

²⁶² Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 16. Mujahid Yusuf Rawa, 29 Muharram-13 Safar 1424/1-15 April 2003, *op-cit*, h. 7

dianggap mati syahid.²⁶³ Peranan dua hala ini secara langsung memperjelaskan konsep masykat civil dan kumpulan pendesak dalam demokrasi Islam.

Dalam konteks demokrasi, amat penting untuk dijelaskan bahawa negara Islam adalah bukan negara teokrasi. Walaupun negara Islam diwujudkan undang-undang atau hukum Allah dan tidak boleh mengubah mana-mana hukum yang termaktub dalam al-Quran dan Sunnah,²⁶⁴ tetapi Islam mengiktiraf kekuasaan awam yang meliputi soal kuasa pengelola dan pengawas, kuasa perlembagaan, kuasa membuat undang-undang, kuasa menyelesaikan pertikaian dan kuasa mentadbir perkhidmatan awam. Dalam konteks moden kuasa-kuasa ini dikenali sebagai kuasa *executif* (pemerintahan), *legislatif* (perundangan) dan *judicatif* (kehakiman).²⁶⁵ Dalam kata lain, walaupun negara Islam diwujudkan oleh hukum Allah (s.w.t.), tetapi rakyat dan kerajaan tetap berperanan dalam urusan pentadbiran negara.

Satu isu penting yang membezakan antara demokrasi dengan pemerintahan Islam adalah konsep kerajaan oleh rakyat. Sarjana Barat seperti Vilfredo Pareto, Gaetano Mosca dan C. Wright Mills mempertikaikan konsep kerajaan oleh rakyat dalam sistem demokrasi kerana kuasa politik tidak dibahagikan sama rata, sebaliknya tertumpu kepada kumpulan minoriti pemerintah yang dipanggil elit.²⁶⁶ Bahkan Geraint Parry pernah menyatakan bahawa walaupun kerajaan dalam satu sistem demokrasi sememangnya kerajaan

²⁶³ *Ibid.*, h. 16-17.

²⁶⁴ *Ibid.* 7.

²⁶⁵ *Ibid.*, h. 6-10.

²⁶⁶ Vilfredo Pareto, (1963), *The Mind and Society: A Treatise on General Sociology*, Dover, New York; Gaetano Mosca, (1939) *The Ruling Class*, McGraw Hill, New York; C. Wright Mills, (1956). *The Power Elite*, Oxford University, London.

rakyat, ia mungkin juga untuk rakyat, tetapi tidak pernah oleh rakyat tetapi oleh kelas pemerintahan.²⁶⁷ Oleh itu, Robert Michels menyifatkan bahawa apa yang berlaku adalah pemerintahan minoriti ke atas majoriti atau lebih tepat sebagai “*the iron law of oligarchy*”²⁶⁸

:

Berbeza dengan nilai yang cuba diperkenalkan oleh PAS iaitu dalam pemerintahan Islam, kedudukan rakyat adalah berperanan sebagai masyarakat sivil yang mengimbangi kuasa kerajaan di samping itu juga berperanan sebagai penasihat kerajaan. Walaupun kerajaan memiliki kuasa dalam urusan tertentu, tetapi kerajaan berkewajiban merujuk kepada rakyat terhadap apa-apa dasar yang melibatkan kepentingan negara, terutamanya dalam perkara-perkara yang tidak dinaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah.²⁶⁹ Ini menunjukkan bahawa dalam pemerintahan Islam, kehendak majoriti ditentukan oleh majoriti, bukannya elit. Kerajaan hanya menjalankan amanah dan yang benar-benar memiliki kuasa pemerintahan adalah Allah (s.w.t.).

Begitu juga dengan takrif demokrasi yang merujuk kepada pemerintahan rakyat. Ciri terpenting demokrasi adalah persaingan politik, hak-hak asasi manusia dan kekuatan suara ramai.²⁷⁰ Dalam negara Islam, ketiga-tiga aspek ini dilihat dalam konteks yang berbeza. PAS berpendapat bahawa persaingan politik dalam Islam bukanlah suatu persaingan merebut kuasa seperti yang difahami dalam sistem demokrasi, sebaliknya kuasa merupakan suatu amanah dan beban

²⁶⁷ Geraint Parry, (1969), *Political Elites*, George Allen and Unwin, London, h. 25.

²⁶⁸ Robert Michels, (1959), *Political Parties*, Dover, New York, h. 365-408.

²⁶⁹ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 16. Mujahid Yusuf Rawa, 29 Muarram-13 Safar 1424/1-15 April 2003, *op-cit*, H. 7

²⁷⁰ Syed Ahmad Hussein, (2001), *Pengantar Sains Politik*, *op-cit*, h. 97.

tanggungjawab kepemimpinan yang terpaksa dipikul.²⁷¹ Hak-hak kebebasan asasi yang difahami oleh pendukung demokrasi di Barat terutama tentang hak sivil dan hak politik sering kali membelakangkan tanggungjawab, sebaliknya dalam negara Islam, setiap hak adalah ditentukan oleh Allah (s.w.t.) dan berimbang dengan tanggungjawab. Pemerintah berkewajiban menunaikan hak-hak rakyat dan rakyat berkewajiban menunaikan tanggungjawab sebagai tanda keimanan kepada Allah (s.w.t.).²⁷²

Persoalan kekuatan atau kedaulatan suara ramai (majoriti) juga amat berbeza dalam negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS, di mana suara majoriti tidak berupaya mengubah hukum dan ketetapan Allah (s.w.t.). Ini kerana moral secara wahyu (*divine morality*) menjadi kayu pengukur sesuatu emansipasi perjuangan, bahkan mana-mana rang undang-undang yang bercanggah dengan hukum Allah (s.w.t.) adalah terbatal dengan sendirinya. Ini berbeza dengan suara majoriti yang dianggap benar (*majority is right*) dalam sistem demokrasi.²⁷³ Suara majoriti juga boleh menentukan kedudukan seseorang untuk menjadi ketua negara dalam sistem demokrasi, sedangkan PAS berpendapat bahawa kelayakan khas diperlukan sebelum ditentukan oleh suara majoriti dalam pemerintahan Islam.²⁷⁴

Umumnya, dapat difahami bahawa konsep pemerintahan demokrasi yang cuba dikemukakan oleh sarjana Barat tidak jauh berbeza daripada konsep pemerintahan yang dikemukakan oleh Islam lebih awal. Bahkan semua ciri

²⁷¹ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 70-74; Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 14-15,
²⁷² Abdul Hadi Awang, (1985), *ibid*, h. 162-183, 200 dan 211-223.

²⁷³ *Ibid*, h. 137-138, Mujahid Yusuf Rawa, 29 MUHARRAM-13 SAFAR 1424/1-15 APRIL 2003,
op-cit, h. 7

²⁷⁴ *Ibid*, h. 64-75.

demokrasi yang cuba digambarkan sebagai sistem politik unggul adalah mengadaptasikan ciri-ciri politik Islam. Bahkan Islam terbukti telah berjaya melaksanakan sistem pemerintahan yang lebih unggul berbanding demokrasi yang masih di peringkat teori dan telah diamalkan dalam lebih 300 versi di seluruh dunia. Ketika²⁷⁵ sarjana Islam bersepakat dalam hal-hal asas sistem politik Islam, sarjana Barat masih terus berselisih dan berdebat tentang teori demokrasi.

Maka, dalam konteks demokrasi yang dikemukakan oleh PAS, perbincangan tentang konsep-konsep asas negara Islam sebelum ini telah mendedahkan secara langsung tentang demokrasi Islam yang akan dikemukakan oleh PAS. Bagi menutup perbincangan ini, penulis ingin menaqalikan pandangan Mujahid Yusuf Rawa yang menjelaskan bahawa bagi PAS, nilai demokrasi yang diperjuangkan mempunyai beberapa kelainan yang merupakan sudut garisan nipis (*demarcation line*) untuk diselarikan dengan Islam. Bahkan ini lebih menepati dengan citarasa sebenar (*flavored*) sejarah dan budaya Malaysia yang bermula identitinya dengan kemasukan Islam di rantau ini.²⁷⁵ Apa yang jelas bahawa, sistem pemerintahan Islam secara keseluruhan adalah amat demokratik bahkan mengatasi maksud demokrasi yang dilaung-laungkankan oleh Barat.

²⁷⁵ Mujahid Yusuf Rawa, 29 Muharram-13 Safar 1424/1-15 APRIL 2003, *op-cit*, h. 7

3.5.5 Kedudukan Ahli Zimmi

PAS membahagikan jenis kedudukan manusia berdasarkan kayu ukur akidah tanpa mengira sempadan geografi dan keturunan. Menurut Abdul Hadi Awang akidah menjadikan asas dalam mengklasifikasi manusia dan kerakyatan. Klasifikasi tersebut adalah dengan murujuk kepada konsep dakwah Rasulullah (s.a.w.) yang bersifat *comprehensive*, seluruh alam.²⁷⁶ Risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.) adalah untuk seluruh manusia tanpa mengira bangsa, keturunan, perbatasan negeri dan masa di mana syariatnya bersifat menyeluruh. Islam secara asasnya membahagikan manusia kepada dua kelompok iaitu orang-orang Islam (muslimin) dan orang-orang bukan Islam (kuffar).²⁷⁷

Abdul Hadi Awang menegaskan bahawa sesiapa yang menerima Islam sebagai agamanya dan beriman dengan syariah Islam secara menyeluruh, secara langsung menjadi rakyat atau warganegara Muslim tanpa mengira bangsa, keturunan dan perbatasan negeri. Orang Islam yang menjadi warganegara Islam menikmati segala hak sebagai rakyat negara muslim dan pemerintah wajib menghormati hak-haknya dan membenarkan dia mengamalkan segala haknya.²⁷⁸

Bagi orang-orang bukan Islam pula, kedudukan mereka sebagai warga negara adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Islam yang membahagikan orang-orang kafir kepada tujuh jenis iaitu *Ahl al-Kitāb*, *al-Sobi'ah*, *Majūsiy*, *Dahriyyah*, *Musyrikin*, *Murtaddūn* dan *az-Dhimmīyūn* (ahli

²⁷⁶ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 199.

²⁷⁷ *Suara Islam*, (1957), bil. 2, No. 1, Disember, h. 19. Suara Islam adalah lidah rasmi PAS yang diterbitkan antara 1956-1962.

²⁷⁸ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 200.

zimmi).²⁷⁹ Di kalangan orang-orang kafir ini, ahli zimmi merupakan golongan yang mempunyai ikatan ('aqad) dengan kerajaan Islam yang merupakan satu-satu golongan yang diterima sebagai warganegara Muslim.

Dalam konteks Malaysia, perbincangan tentang kewarganegaraan adalah tertumpu kepada kedudukan ahli zimmi dari aspek hak dan tanggungjawabnya. Menerusi pandangan Abdul Hadi Awang yang menegaskan bahawa setiap orang Islam yang berada di Malaysia adalah secara langsung menjadi warganegara tanpa mengira soal bangsa, keturunan dan perbatasan negeri, maka perbincangan tentang kewarganegaraan ini akan ditumpukan kepada kedudukan orang bukan Islam atau ahli zimmi. Ahli zimmi merupakan orang-orang yang kekal dengan agamanya (bukan Islam) tetapi rela tunduk dan patuh kepada undang-undang negara Islam. Mereka merupakan rakyat dan warganegara yang mempunyai persamaan taraf dengan orang-orang Islam.²⁸⁰

Menurut Abdul Hadi Awang, para ulama bersepakat mengatakan bahawa di kalangan orang-orang kafir, ahli-ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) dan Majusi layak untuk menjadi ahli zimmi. Para ulama juga sepakat mengatakan bahawa golongan *murtaddūn* (mereka yang murtad) tidak layak dan tidak diterima sebagai ahli zimmi serta terbatal kerakyatan mereka kecuali mereka bertaubat dan kembali kepada Islam. Adapun golongan bukan Islam yang lain terdapat perbezaan pandangan ulama tetapi secara umumnya semua orang bukan Islam

²⁷⁹ *Ibid*, h. 203-206; Hassan Shukri, (1968), *Kerakyatan dan Negara Menurut Pandangan Islam*, dalam *Bulan Bintang*, Bil. 3, Disember, h. 9, 12 dan 16. Bulan Bintang adalah lidah rasmi PAS yang terbit antara 1967-1969.

²⁸⁰ Ahmad Ali, (tt), *op-cit*, h. 15. Ustaz Ahmad Haji Ali adalah AJK Dewan Ulama PAS Pusat dan Mimbar Ulama adalah jurnal rasmi Dewan Ulama PAS yang diterbitkan sekali setahun.; Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 206; *Suara Islam*, Bil. 2, No. 1, Disember 1957, *op-cit*, h. 19; ILHAM, (2002), *op-cit*, h. 60-61.

kecuali golongan murtad layak menjadi ahli zimmi²⁸¹. Bagi seseorang bukan Islam yang diterima sebagai ahli zimmi mereka hendaklah melafazkan ‘aqad untuk tunduk di bawah Kerajaan Islam. Selain itu seseorang boleh juga menjadi ahli zimmi melalui *qarinah* yang menunjukkan keredhaan seperti bersedia tinggal di negara Islam, membeli tanah *kharāj* dan berkahwin dengan ahli zimmi. *Qarinah* secara mengikut seperti anak kepada ahli zimmi yang baru, isteri kepada ahli zimmi yang baru dan kanak-kanak yang dijumpai di kawasan ahli zimmi juga menjadi satu cara seseorang boleh menjadi ahli zimmi.²⁸²

(i) Hak-Hak Ahli Zimmi

Ahli zimmi turut berhak memiliki hak-hak asasi mereka sebagai rakyat negara di sebuah negara Islam. Secara umumnya, setiap ahli zimmi boleh menikmati semua hak yang dinikmati oleh orang Islam kecuali beberapa perkara tertentu.²⁸³ Adalah menjadi kewajiban kepada kerajaan Islam untuk melaksanakan keadilan ke atas ahli zimmi dan menunaikan hak mereka.²⁸⁴ Hak-hak ini adalah wajib ditunaikan kepada ahli zimmi oleh negara Islam berdasarkan kesedian mereka untuk patuh kepada undang-undang negara dan menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara.

Ahli zimmi secara umumnya mempunyai lima hak dalam negara Islam iaitu kebebasan beragama dan melaksanakan agamanya, mendapat perlindungan bagi tempat-tempat ibadat, mendapat jaminan terhadap harta benda, tubuh badan

²⁸¹ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 207-209; ILHAM, (2002), *op-cit*, h. 64-66.

²⁸² Abdul Hadi Awang, (1995), *ibid*, h. 209-211.

²⁸³ Ahmad Ali, (tt), *op-cit*, h. 16.

²⁸⁴ Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 211.

dan kehormatan diri, mendapat persamaan hak dan tanggungjawab dengan orang Islam serta boleh melaksanakan undang-undang agama mereka dalam urusan peribadi.²⁸⁵ Walaubagaimanapun, Abdul Hadi Awang membahagikan hak-hak ahli zimmi kepada empat kategori iaitu hak perlindungan daripada gangguan musuh luar negara, hak perlindungan daripada dizalimi dalam negara, hak ke atas nyawa dan hak memelihara harta benda.²⁸⁶

Dalam memperincikan hak-hak ahli zimmi ini, Ahmad Ali menjelaskan makna hak mendapat perlindungan adalah termasuk perlindungan daripada ancaman luar, pembelaan daripada kezaliman dalam negara, perlindungan kehormatan darah dan tubuh badan dan pemeliharaan harta benda.²⁸⁷ Selain itu ahli zimmi juga berhak mendapat pemeliharaan kehormatan diri, perlindungan takaful ketika tua dan miskin, kebebasan beragama, kebebasan bekerja dan berhak memegang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan.²⁸⁸

ILHAM pula memperincikan hak-hak ini kepada 12 hak iaitu hak perlindungan terhadap diri (nyawa dan anggota badan), perlindungan harta benda, perlindungan terhadap maruah dan kehormatan, perlindungan tempat tinggal, perlindungan ketika lemah, tua dan ketiadaan harta, kebebasan beragama, kebebasan berpindah (bergerak), kebebasan berkumpul dan mengeluarkan pendapat, hak bekerja dan mencari rezeki, hak dalam pendidikan, hak politik serta hak terhadap kemudahan awam dan kehaqiman.²⁸⁹

²⁸⁵ *Suara Islam*, op-cit, bil. 2, no. 1, h. 19 dan 25.

²⁸⁶ Abdul Hadi Awang, (1995), op-cit, h. 212-217.

²⁸⁷ Ahmad Ali, (tt), op-cit, h. 16-20.

²⁸⁸ *Ibid*, h. 20-23.

²⁸⁹ ILHAM, (2002), op-cit, h. 67.

Secara umumnya, masyarakat bukan Islam dari kalangan ahli zimmi di negara Islam adalah berhak menikmati segala hak yang dianggap sebagai hak-hak asasi manusia. Walaupun dalam keadaan tertentu mereka tidak menikmati semua hak yang dinikmati oleh umat Islam, tetapi hak yang diberikan kepada mereka sudah cukup untuk meletakkan ahli zimmi sebagai seorang insan dan warga negara yang bermaruah.

Ahmad Ali menambahkan, walaupun di negara bukan Islam hak ke atas rakyat digariskan secara bertulis tetapi ia sering tidak dihormati, tetapi bagi sebuah negara Islam terdapat dua jaminan yang hak tersebut akan ditunaikan. Jaminan pertama ialah semua hak tersebut adalah sebahagian daripada syariat Islam yang mesti dipatuhi oleh kerajaan Islam, dan kedua masyarakat Islam adalah bertanggungjawab secara kolektif untuk memastikan syariat Islam dilaksanakan termasuk dalam urusan orang bukan Islam.²⁹⁰

(ii) Tanggungjawab ahli zimmi

Ahli zimmi yang telah mendapat haknya sebagai warga negara Islam dan haknya telah dipelihara dan dipertahankan seadil-adilnya oleh kerajaan Islam, maka menjadi kewajiban pula bagi ahli zimmi untuk menunaikan hak negara yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Secara umumnya terdapat tiga tanggungjawab asas seorang ahli zimmi kepada negara iaitu membayar jizyah, kharaj, 'usyūr dan cukai perniagaan; mematuhi undang-undang Islam yang berkaitan dengan kepentingan bersama terhadap negara dan masyarakat; serta

²⁹⁰ Ahmad Ali, (tt), *op-cit*, h. 24-25.

menghormati syiar-syiar Islam dan perasaan orang-orang Islam.²⁹¹ Jizyah merupakan cukai kepala (tahunan) yang dikenakan kepada setiap ahli zimmi yang lelaki pada kadar tertentu mengikut keupayaan mereka dan dikecualikan bagi ahli zimmi yang miskin.²⁹²

:

Kharaj adalah cukai ke atas tanah yang diusahakan oleh ahli zimmi dan '*usyūr*' pula adalah cukai hasil daripada tanah kharaj yang diusahakan.²⁹³ Cukai perniagaan pula dikenakan ke atas barang dagangan yang diniagakan dalam negara Islam.²⁹⁴ Jizyah berfungsi sebagai cukai kepala bagi menggantikan kewajiban umat Islam dalam perkhidmatan ketenteraan untuk mempertahankan negara sedangkan ahli zimmi dikecualikan. Jizyah juga menjadi simbol kepatuhan ahli zimmi terhadap kerajaan Islam.²⁹⁵ Kharaj pula berfungsi sebagai cukai tanah manakala '*usyūr*' pula sebagai cukai hasil tanaman bagi menggantikan zakat yang dikenakan ke atas umat Islam.²⁹⁶ Cukai perniagaan juga berfungsi menggantikan zakat selain bayaran perlindungan ke atas keselamatan harta benda ahli zimmi yang dijamin oleh kerajaan Islam.²⁹⁷

QSS.

²⁹¹ *Ibid*, 26-28; Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 217-218; Budiman Radhi, (Disember 1957), *Tata Negara Islam*, h. 53-54; *Suara Islam*, Bil. 2, No.1, h. 25; ILHAM, (2002), *op-cit*, h. 68.

²⁹² Ahmad Ali, (tt), *op-cit*, h. 26-27; ILHAM, (2002), *ibid*, h. 76; Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 218-223.

²⁹³ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 26-27; ILHAM, (2002), *ibid*, h. 76-77; Abdul Hadi Awang, (1995), *ibid*, h. 224-225.

²⁹⁴ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 27; ILHAM, (2002), *ibid*, h. 77.

²⁹⁵ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 26; ILHAM, (2002), *ibid*, h. 76; Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 222.

²⁹⁶ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 26; ILHAM, (2002), *ibid*, h. 77; Abdul Hadi Awang, (1995), *op-cit*, h. 225.

²⁹⁷ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 27; ILHAM, (2002), *ibid*, h. 77.

Setiap ahli zimmi juga bertanggungjawab mematuhi semua undang-undang yang dilaksanakan ke atas orang-orang Islam selagi mana ia tidak mencabul kebebasan beragama dan akidah mereka.²⁹⁸ Undang-undang Islam yang berkaitan dengan ibadat tidak boleh dilaksanakan ke atas orang bukan Islam dan dalam urusan yang berkaitan dengan persoalan peribadi, keluarga dan kemasyarakatan seperti nikah cerai, minum arak, makan babi dan sebagainya, ahli zimmi tidak diwajibkan mematuhi undang-undang Islam.²⁹⁹ Walau bagaimanapun jika terdapat sesuatu urusan pengadilan supaya dilaksanakan pengadilan Islam ke atasnya, maka barulah undang-undang Islam wajib dilaksanakan ke atas mereka.³⁰⁰

Untuk menjaga dan menghormati syiar Islam dan perasaan umat Islam, ahli zimmi tidak boleh sama sekali mencela Islam, Rasulullah (s.a.w.) serta kitab-kitab suci secara terang-terangan. Mereka juga tidak boleh melakukan perkara yang diharamkan oleh Islam seperti minum arak dan memakan babi secara terbuka. Setiap perkara yang mungkar di sisi Islam walaupun harus bagi mereka juga tidak boleh dilakukan secara terbuka.³⁰¹ Ahli zimmi juga dilarang menghasut orang Islam supaya meninggalkan Islam, berkahwin atau berzina dengan orang Islam, mengganggu harta benda orang Islam, memberi bantuan kepada musuh-musuh negara, menyanjungi orang-orang kaya di kalangan mereka serta tidak mendirikan rumah dan memiliki kenderaan yang lebih hebat daripada orang Islam.³⁰²

²⁹⁸ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 27; Ilham, (2002), *ibid*, h. 78.

²⁹⁹ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 28; Ilham, (2002), *ibid*, h. 78.

³⁰⁰ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 28; Ilham, (2002), *ibid*, h. 78.

³⁰¹ Ahmad Ali, (tt), *ibid*, h. 28.

³⁰² Ilham, (2002), *ibid*, h. 65-66.

(iii) Hak dan Tanggungjawab *al-Musta'min*

Menurut Ahmad Ali, dalam sesebuah negara Islam terdapat satu lagi kumpulan orang bukan Islam selain ahli zimmi iaitu *al-musta'min*. *Al-musta'min* adalah orang-orang bukan Islam warga negara asing yang dibenarkan tinggal dalam negara Islam bagi tempoh tertentu.³⁰³ Sebagai warga negara asing yang tinggal di sesebuah negara Islam, golongan *al-mustakmin* ini turut mempunyai hak-hak dan tanggungjawab terhadap negara Islam. PAS berpendapat bahawa terdapat dua hak asas bagi golongan *al-mustakmin* di negara Islam iaitu hak untuk memasuki negara Islam dan hak-hak kebebasan beragama, kebebasan berkumpul, kebebasan memberi pendapat dan kehormatan tempat tinggal.³⁰⁴

Dalam konteks mendapat hak memasuki negara Islam, bagi setiap orang bukan Islam warga negara asing, negara Islam tidak menutup pintu kepada mereka bahkan negara Islam menerima kemasukan mereka untuk maslahah Islam termasuk melihat keindahan dan keadilan Islam.³⁰⁵ Walaubagaimanapun, kerajaan Islam berhak menentukan kebenaran untuk memasuki negara Islam. Kerajaan Islam berkewajiban menerima kemasukan warga asing berdasarkan dua sebab iaitu kerana permohonan warga asing untuk memasuki negara Islam dan warga negara asing ingin mendapatkan perlindungan keamanan kerana mereka ingin mengetahui keindahan Islam.³⁰⁶ Manakala bagi hak-hak kebebasan,

³⁰³ Ahmad Ali, (*tt*), *op-cit*, h. 15-16. Lihat juga Budiman Radhi, (Disember 1957), *op-cit*, h. 52-53.

³⁰⁴ Ahmad Ali, (*tt*), *ibid*, h. 28-29.

³⁰⁵ *Ibid*, h. 28.

³⁰⁶ *Ibid*, h. 29.

golongan *al-musta'min* berhak mendapat semua hak yang dinikmati oleh ahli zimmi.³⁰⁷

Dari aspek tanggungjawab pula, PAS berpendapat bahawa golongan al-mustakmin yang menikmati semua hak ahli zimmi, secara umumnya turut mempunyai tanggungjawab yang sama dengan ahli zimmi.³⁰⁸ Walau bagaimanapun, *al-musta'min* mendapat beberapa pengecualian memandangkan mereka bukan warga negara Islam seperti ahli zimmi. *Al-musta'min* tidak dikenakan cukai *kharāj* dan *'asyūr* kerana mereka memiliki tanah,³⁰⁹ tetapi mereka akan dikenakan cukai perniagaan sekiranya mereka datang ke negara Islam dengan membawa barang dagangan kerana cukai tersebut menjadi pelindung terhadap keselamatan barang dagangannya.³¹⁰ Cukai yang dikenakan ke atas barang dagangan mereka adalah mengikut kaedah *al-mu'amalah bil mithlī* (bermuamalah secara serupa) iaitu mengikut kadar cukai yang dikenakan oleh negara mereka ke atas warga negara Islam.³¹¹

3.6 NEGARA PERSPEKTIF PERUNDANGAN

PAS berpendapat bahawa bagi sesebuah negara Islam perlu diwujudkan satu jentera tersusun yang membuat dan menjalankan keputusan politik dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Bahkan hakikat ini merupakan satu asas utama yang diberi perhatian serius oleh

³⁰⁷ *Ibid*, h. 29.

³⁰⁸ *Ibid*, h. 29.

³⁰⁹ *Ibid*, h. 30; lihat juga Budiman Radhi, (Disember 1957), *op-cit*, h. 53.

³¹⁰ Ahmad Ali, (tt), *op-cit*, h. 30.

³¹¹ *Ibid*, h. 30.

Rasulullah (s.a.w.) ketika membentuk negara Madinah.³¹² Dalam konteks perundangan, PAS telah membahagikan struktur perundangan ini kepada tiga cabang utama iaitu badan perundangan, badan pemerintahan, dan badan kehakiman. Ketiga-tiga badan ini bertindak dengan mengawal dan memantau sistem perundangan yang wujud di dalam sesebuah negara Islam.³¹³ Bahkan ketiga-tiga badan tersebut disimpulkan oleh Harun Taib sebagai kekuasaan awam negara.³¹⁴

Dalam menghuraikan bidang kuasa ketiga-tiga badan tersebut, Harun Taib menjelaskan bahawa pada amnya badan perundangan berfungsi membuat dan meminda undang-undang dalam menentukan peraturan kepada masyarakat. Manakala badan eksekutif pula berfungsi menguatkuasakan undang-undang dan menguruskan aktiviti pemerintahan mengikut lunas undang-undang. Seterusnya badan kehakiman pula berperanan untuk mentafsir dan menterjemahkan undang-undang, mengadili percanggahan-percanggahan dan memutuskan sama ada sesuatu kelakuan itu diharuskan, diwajibkan atau diharamkan oleh undang-undang.³¹⁵

Namun bagi negara Islam, kuasa perundangan atau hak menggubal dan meminda undang-undang untuk menjadi panduan kepada badan eksekutif dan kehakiman mestilah tidak tergelincir daripada al-Quran dan Sunnah.³¹⁶ Berikut

³¹² Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 23; Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 4.

³¹³ Harun Taib, (1981), *op-cit* h. 11. Lihat juga Budiman Radzi, (1963), *Tata Negara Islam*, Penang, Pustaka Abdullah Nordin Ar-Rawi, h. 41-43, 58-60 dan 112-140; Abu Anif, "al-Sultah al-Tanfidhiyyah Dalam Negara Islam: Kedudukan Bukan Islam", dalam *Mimbar Ulama* edisi Negara Islam, (tt), *op-cit*, h. 34.

³¹⁴ Harun Taib, (1978), *op-cit*, h. 21.

³¹⁵ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 11.

³¹⁶ *Ibid*, h. 11.

dihuraikan secara lebih terperinci pandangan PAS berkenaan ketiga-tiga bidang tugas kuasa perundangan sebagaimana yang telah digariskan di atas.

3.6.1 Badan Perundangan

:

PAS berpendapat bahawa badan perundangan atau *al-sultaḥ al-tasyriyyah* (*Legislative*) merupakan badan yang bertanggungjawab untuk membuat atau menggubal dan meminda undang-undang bagi sebuah negara. Undang-undang yang digubal ini akan menjadi panduan untuk dilaksanakan oleh badan eksekutif dan badan kehakiman. Walau bagaimanapun, bagi negara Islam, beberapa perbezaan ketara wujud berbanding dengan negara moden dalam kuasa perundangan. Negara Islam adalah negara yang wujud melalui undang-undang, bukannya negara yang mewujudkan undang-undang. Negara Islam dilahirkan oleh undang-undang dan terpaksa mematuhi undang-undang dengan tidak dapat mengubah, menambah, mengurang dan membatalkan sesuatu yang telah termaktub dalam nas undang-undang (*al-Quran dan Sunnah*).³¹⁷

: 68.

Oleh kerana itulah beliau menambah bahawa peranan membentuk undang-undang mempunyai dua makna; pertama, mengadakan nas undang-undang asal iaitu kuasa membuat undang-undang yang dimiliki oleh Allah. Kedua ialah mengeluarkan nas undang-undang yang baru berdasarkan nas-nas sedia ada. Peranan kedua ini dimainkan oleh badan perundangan dalam negara Islam.³¹⁸ Dalam sistem perundangan Islam, sumber dominasi badan tersebut ialah

³¹⁷ *Ibid*, h. 22.

³¹⁸ *Ibid*, h. 43.

al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-dua sumber tersebut lebih dikenali sebagai sumber ilahi.

Manakala sumber keduanya pula ialah sumber insani yang terdiri daripada *ijmā*, *qiās*, *istihsān*, *maṣālih al-mursalah* dan sebagainya.³¹⁹ Harun Taib mengatakan bahawa jika mengikut definisi moden, sumber Ilahi lebih menyerupai perlumbagaan, manakala sumber insani menyerupai undang-undang biasa,³²⁰ tetapi sumber Ilahi sebenarnya lebih tinggi daripada perlumbagaan kerana ia merupakan gambaran terhadap kehendak Allah dan ia tidak boleh dipinda walau apa keadaan sekalipun.³²¹ Begitu juga sumber insani, mujtahidin yang mempunyai kuasa mengeluarkan undang-undang daripada sumber Ilahi tidak boleh mengikut kemahuan mereka, sebaliknya para mujtahidin adalah terikat dengan hukum-hakam al-Quran dan Sunnah.³²²

Satu isu penting dalam badan perundangan Islam ialah berkaitan dengan keanggotaan badan perundangan tersebut. Jika ditinjau dari aspek sejarah, anggota perundangan hanya terdiri daripada para mujtahidin atau *ahl al-hal wa al'aqd*. Manakala dalam konteks negara Islam moden, makna fuqaha ialah orang-orang mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai bidang kehidupan yang selalu dihadapi oleh ummah termasuk politik, ekonomi, kemasyarakatan dan sebagainya.³²³ Ilmu dan pengalaman mereka amat penting dalam menggubal undang-undang agar umat Islam dapat hidup maju jaya dalam

³¹⁹ *Ibid.*

³²⁰ *Ibid.*

³²¹ *Ibid.*, h. 44.

³²² *Ibid.*, h. 46. Lihat juga Budiman Radzi, (1963), *op-cit*, h. 36.

³²³ Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 50. Lihat juga Budiman Radzi, (1963), *op-cit*, h. 44-45, dan Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 157-158.

suai, kawalan mata wang oleh bank pusat yang kekal, pujukan moral dan sebagainya.⁴¹¹

Selain daripada *instrument* yang digariskan dalam dasar belanjawan negara Islam, kestabilan ekonomi di negara Islam juga boleh dilakukan dalam apa jua hal dan keadaan melalui beberapa bentuk dan alat. Pertama, *instrument* wajib dan asas yang mesti dilaksanakan iaitu zakat; kedua, *instrument* pilihan atau galakan secara pujukan seperti wakaf dan wasiat; dan ketiga, instrumen kebijakan kecil seperti sedekah, *ta'awwu'*, infak, *hibah*, hadiah, *minhah* dan sebagainya.⁴¹²

Dalam pemerintahan Islam, kerajaan wajib melaksanakan sistem zakat sebagai pihian utama sebelum polisi-polisi kewangan dan harta yang lain dilaksanakan. Sekiranya ekonomi belum mencapai tingkat guna tenaga penuh, kerajaan Islam boleh bertindak dengan menambahkan perbelanjaan negara, mengurangkan cukai dan mencairkan edaran mata wang.⁴¹³

Perkara ini tidak mustahil dalam negara Islam kerana perlaksanaan sistem zakat ke atas setiap individu dan kolektif (syarikat) setidak-tidaknya mestilah mencapai paras nisab yang boleh menyempurnakan rukun Islam.⁴¹⁴ Bahkan menurut Budiman Radhi, kewajiban berzakat menjadikan kegiatan dan usaha

⁴¹¹ *Ibid*, h. 52.

⁴¹² *Ibid*, h. 53.

⁴¹³ *Ibid*, h. 53; *ILHAM*, Nota C (2002), *op-cit*, h. 10.

⁴¹⁴ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 53; Budiman Radhi, (1981), *Falsafah Rukun Islam*, Pustaka Nasional Pte Ltd., Singapura, h. 64-66. Ustaz Budiman Radhi adalah Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat (1956-1958).

semua bidang di bawah naungan syariah Islam.³²⁴ Harun Taib menyenarai enam ciri yang perlu ada bagi setiap anggota badan perundangan iaitu memahami al-Quran dari segi bahasa dan undang-undang kerana ia adalah sumber asal, memahami sunnah dari segi bahasa dan undang-undang, mengetahui nasikh dan mansukh, memahami bahasa Arab, mengetahui ilmu usul fiqh serta mengetahui kehendak-kehendak syarak dan kemaslahatan manusia, keperluan semasa dan adat resam.³²⁵

Berhubung dengan proses pemilihan anggota badan perundangan, PAS berpendapat ia boleh berlaku dalam dua bentuk, iaitu sebahagiannya dilantik oleh ketua negara manakala sebahagian yang lain dipilih melalui pilihan raya.³²⁶ Namun, jika proses pilihan raya digunakan, terdapat beberapa syarat iaitu setiap calon yang bertanding memenuhi ciri-ciri seorang mujtahid, kewajipan pilihan raya mestilah mengikut landasan syarak, rasuah dan penipuan dalam pilihan raya hendaklah dikenakan hukuman berat serta pemilihan patut dijalankan secara bersenarai bukannya perseorangan.³²⁷ Calon yang memenangi pilihan raya atau wakil rakyat memainkan peranan sebagai *ahl al-hal wal 'aqd* yang berkewajiban untuk mengadakan rancangan pembangunan dan mengendalikan kerajaan berdasarkan hukum Allah (s.w.t).³²⁸ Kerana itu calon-calon ini mestilah mendapat sokongan dan keyakinan daripada rakyat,³²⁹ dan mereka akan bertindak sebagai ahli Parlimen.³³⁰

³²⁴ Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 51.

³²⁵ *Ibid*, h. 53.

³²⁶ *Ibid*, h. 59.

³²⁷ *Ibid*.

³²⁸ Budiman Radzi, (1963), *op-cit*, h. 41-42; Lihat juga *Suara Islam*, Bil. 3, Disember 1958, *op-cit*, h. 4 dan Dewan Ulama PAS Kelantan, *Pendapat Dewan Ulama*, Kota Bharu, Dewan Ulama PAS Kelantan, 27 Disember 1958, *op-cit*, h. 1.

³²⁹ Budiman Radzi, (1963), *op-cit*, h. 42; Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 160.

³³⁰ *Ibid*; lihat juga *Suara Islam*, Bil. 2, No. 3, Februari 1958, *op-cit*, h. 24.

Di samping itu, badan perundangan dalam negara Islam juga berperanan untuk mengeluarkan nas undang-undang yang dipetik daripada nas yang asal (al-Quran dan al-Sunnah) dan nas yang asal ini telah pun diputuskan oleh Allah (s.w.t.).³³¹ Para mujtahidin yang dilantik oleh ketua negara atau dipilih oleh rakyat hendaklah menjalankan peranan ini. Sebarang perkara yang telah dinaskan oleh al-Quran dan Sunnah tidak boleh dijadikan tajuk perbahasan, dengan kata lain para mujtahidin tidak boleh mengeluarkan hukum tentang masalah akidah, ibadat, halal dan haram yang telah dinyatakan oleh al-Quran dan Sunnah secara nas *qat'e al-Dilālah*.³³²

Dalam perkara yang tidak dinaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah seperti pentadbiran dan polisi negara, umpamanya dalam aspek perperangan, keselamatan, keamanan dan lain-lain, ketua negara mestilah membentangkan kepada badan perundangan.³³³ Dalam negara moden, badan perundangan mempunyai tiga bidang kuasa iaitu menggubal undang-undang, menyediakan belanjawan negara dan mengawasi kuasa eksekutif daripada penyelewengan. Tetapi badan perundangan dalam negara Islam hanya mempunyai dua tugas asas iaitu pertama, terhadap perkara yang telah dinaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan memastikan hukum Allah diamalkan oleh negara. Di samping mewujudkan kaedah-kaedah yang diperlukan untuk perlaksanaan hukum Allah dan menentukan maksud bagi diguna pakai oleh negara dalam nas yang boleh difahami secara berlainan antara ulama.³³⁴

³³¹ Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 62.

³³² *Ibid*, h. 62; Budiman Radzi, (1963), *op-cit*, h. 43; Abdul Aziz Hanafi, (tt), *op-cit*, h. 12.

³³³ *Ibid*, h. 64-65. Lihat juga *Suara Islam*, Bil. 2, No. 3, Februari 1958, *op-cit*, h. 24 dan *Suara Islam*, Bil. 2, No. 7, Jun 1958, *ibid*, h. 20.

³³⁴ Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 69.

Keduanya, terhadap perkara yang tidak dinaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah di mana jika sesuatu perkara boleh dikaitkan dengan nas yang sedia ada, maka hendaklah diadakan undang-undang baru berdasarkan prinsip yang telah sedia ada atau memilih undang-undang yang telah termaktub dalam kitab-kitab feqah. Manakala bagi perkara yang tidak dinaskan sekalipun pada prinsipnya, maka bererti Allah telah memberi peluang kepada badan perundangan membuat undang-undang baru tetapi mestilah menepati prinsip-prinsip umum syariat Islam. Ada pun tugas menyediakan belanjawan dan mengawasi kuasa pemerintahan adalah menjadi tanggungjawab badan perundangan dalam maksud amar makruf nahi mungkar, ataupun dikenali dengan sistem hisbah.³³⁵

3.6.2 Badan Eksekutif

Berkenaan dengan badan pemerintahan atau *al-sūlṭah al-tānfidhiyyah*, (*Executive*) PAS berpendapat ia merupakan badan atau kuasa yang bertanggungjawab untuk melaksanakan segala dasar dan undang-undang yang telah diluluskan oleh *al-sūlṭah al-tasyriyyah*.³³⁶ Dalam negara moden, badan ini dikenali sebagai badan eksekutif.

Pada kebiasaannya, mereka yang terlibat dengan penggubalan dasar dan undang-undang tidak terlibat dengan badan pemerintahan. Manakala semua urusan pentadbiran negara yang terkeluar daripada badan perundangan dan badan kehakiman adalah berada di bawah bidang kuasa badan pemerintahan. Kerana itu dalam negara Islam ia juga dikenali sebagai *al-hāy'ah al-ḥākimiyah* yang

³³⁵ *Ibid*, h. 69-70. Lihat juga Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 159 dan 160.

³³⁶ Abu Anif, (tt), *op-cit*, h. 34-35; Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 11; Budiman Radzi, (1963), *op-cit*, h. 60.

menjalankan urusan pentadbiran negara dengan diketuai oleh perdana menteri dan menteri-menteri.³³⁷ Badan ini bertanggungjawab kepada Allah (s.w.t.), badan perundangan dan umat Islam (rakyat).³³⁸

Dalam negara Islam, kuasa pemerintahan diketuai oleh ketua negara dengan dibantu oleh pembantu-pembantunya seperti penasihat, menteri, ketua-ketua wilayah dan pegawai-pegawai. Kuasa pemerintahan ini meliputi serendah-rendah pegawai negara hingga setinggi-tinggi pegawai negara termasuk ketua negara.³³⁹ Ketua negara Islam boleh mewakilkan kuasanya kepada menteri-menteri sebagai melaksanakan tugas-tugas pemerintahan. Menurut Harun Taib, dalam badan pemerintahan Islam, menteri atau *wazir* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu kementerian yang berkuasa penuh (*wazirah tafwidh*) dan kementerian yang tidak berkuasa penuh (*wazirah tānfīdh*).³⁴⁰

Wazirah tānfīdh adalah kementerian yang memiliki kuasa penuh untuk menjalankan pentadbiran negara mengikut pandangan dan budi bicara menteri berkenaan berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Menurut Harun Taib, hanya tiga perkara yang tidak boleh dilakukan oleh *wazirah tānfīdh* iaitu mencalonkan bakal ketua negara, meminta izin rakyat untuk bersara dan melucutkan jawatan mereka yang dilantik oleh ketua negara.³⁴¹ Kementerian-kementerian ini terletak di bawah kuasa kerajaan pusat dengan dipimpin oleh ketua negara atau perdana menteri. Kuasa mereka meliputi semua negeri yang berada di bawah naungan

³³⁷ Abu Anif, (tt), *op-cit*, h. 35.

³³⁸ Budiman Radzi, (1963), *op-cit*, h. 58.

³³⁹ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 32.

³⁴⁰ *Ibid*, h. 95.

³⁴¹ *Ibid*, h. 96; Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 169.

kerajaan pusat.³⁴² Menteri ini juga bertanggungjawab untuk melaporkan apa-apa keputusan dan tindakan mereka kepada ketua negara.³⁴³

Wazirah tānfīdh pula ialah kementerian yang mempunyai kedudukan yang lebih rendah berbanding *wazirah tafwid* kerana ia hanya berperanan untuk melaksanakan apa yang diarahkan oleh ketua negara sahaja. *Wazirah tānfīdh* tidak boleh menggunakan budi bicara dalam menjalankan pemerintahan, tidak boleh melantik ketua wilayah, tidak boleh mengarahkan tentera atau mentadbir perperangan dan tidak boleh bertindak terhadap kewangan negara.³⁴⁴ Sebaliknya tugas-tugas tersebut berada di bawah bidangkuasa *wazirah tafwid* iaitu perdana menteri atau menteri besar di mana para menterinya atau ahli exco adalah dilantik bagi menjalankan kuasa *Wazirah tānfīdh*. Sebarang peraturan atau keputusan adalah tidak boleh bercanggah dengan dasar dan prinsip atau perlembagaan pusat di bawah ketua negara.³⁴⁵

Seterusnya perlantikan menteri-menteri ini adalah terikat kepada syarat-syarat tertentu. *Wazirah tafwid* harus memiliki semua sifat yang dimiliki oleh ketua negara termasuk mempunyai kelayakan dalam bidang tugasnya dari sudut pengalaman dan pengetahuan.³⁴⁶ Manakala bagi *wazirah tānfīdh* pula, Abu Anif menyenaraikan lapan syarat bagi kriteria perlantikkan iaitu amanah, jujur, tidak tamak, tidak bermusuhan dengan orang ramai, bijak, tidak mengikut hawa nafsu, lelaki dan berpengalaman.³⁴⁷ Adapun soal Islam dan merdeka tidak menjadi

³⁴² Abu Anif, (tt), *op-cit*, h. 35.

³⁴³ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 170; Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 97.

³⁴⁴ Harun Taib, (1981), *ibid*, h. 98-99.

³⁴⁵ Abu Anif, (tt), *op-cit*, h. 35.

³⁴⁶ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 96.

³⁴⁷ Abu Anif, (tt), *op-cit*, h. 35-36.

syarat dalam perlantikan ini³⁴⁸ dan wanita pula diharuskan dalam keadaan tertentu.³⁴⁹ Manakala Harun Taib pula menambah beberapa syarat tambahan seperti tidak terlibat dalam perniagaan, adil, memiliki kepakaran dan memiliki keselamatan tubuh badan.³⁵⁰

:

PAS berpendapat bahawa badan pemerintahan Islam secara umumnya mempunyai beberapa bidang tugas iaitu menyatukan umat Islam, menjaga agama, menjaga keamanan negara, mentadbir kewangan negara, mentadbir perkhidmatan awam negara serta menjalani polisi luar negeri seperti membuat hubungan dengan negara jiran, menandatangani perjanjian dengan negara asing, mengisyiharkan perang terhadap negara musuh, melantik dan menerima pegawai diplomatik dan menyampaikan dakwah Islam ke negara bukan Islam.³⁵¹ Badan pemerintahan juga bertanggungjawab dalam badan perundangan bagi mengemuka dan membentangkan rang undang-undang serta memberi persetujuan terhadap undang-undang yang telah diluluskan oleh badan perundangan.³⁵²

3.6.3 Badan Kehakiman

PAS berpendirian bahawa badan kehakiman atau *al-sūlṭah al-quḍā'iyyah* (*Judiciary*) merupakan badan yang bertanggungjawab untuk mentafsir undang-undang, bagi meleraikan pertikaian dan menegakkan keadilan. Abdul Hadi Awang menegaskan, tugas menyelesaikan masalah, pertelingkahan, menentukan

³⁴⁸ *Ibid*, h. 37.

³⁴⁹ *Ibid*, h. 44-45.

³⁵⁰ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 105-108. Lihat juga Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 171; Budiman Radzi, (1963), *op-cit*, h. 45-46.

³⁵¹ Harun Taib, (1981), *ibid*, h. 110-126; Budiman Radzi, (1963), *ibid*, h. 47-48.

³⁵² Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 128-130.

hak kepada yang berhak, memutuskan hukuman yang menjamin keamanan, keselemanan dan mencegah kemungkaran adalah kemuncak bidang tugas badan kehakiman. Kerana itu, sebarang keputusan yang dibuat oleh badan kehakiman mestilah berdasarkan hukum syarak dengan nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah. Sebarang keputusan yang sewenang-wenang dan melulu adalah mesti dielakkan.³⁵³ Mewujudkan badan kehakiman adalah menjadi salah satu daripada perkara yang diwajibkan dalam negara Islam.³⁵⁴

Di samping itu, hukum syarak telah menetapkan dengan jelas undang-undang tentang individu, keluarga dan masyarakat berhubung dengan hak-hak moral dan harta, mengatasi masalah keluarga, membanteras jenayah dan lain-lain. Badan perundangan berkewajiban untuk mengadakan undang-undang berdasarkan hukum syarak, mengadakan badan kehakiman, hakim-hakim dan mahkamah adalah juga merupakan kewajiban bagi kerajaan Islam di bawah kawal selia *al-sūlṭah al-quḍa'iyyah*.³⁵⁵ Ketua negara mesti memberikan tauliah kepada hakim-hakim dan melantik hakim bagi semua wilayah dalam negara Islam. Dalam badan kehakiman Islam, kebebasan kehakiman adalah amat dititikberatkan dengan batas-batas tertentu supaya semua manusia berada di bawah hukum Allah dan tidak ada orang yang mempunyai keistimewaan atau imuniti. Bagi menjadikan badan kehakiman tidak diganggu oleh kalangan tertentu maka ia haruslah dipisahkan daripada badan-badan lain dan ia berfungsi secara terus di bawah kuasa ketua negara.³⁵⁶

³⁵³ Abdul Hadi Awang, (1985), *op-cit*, h. 185.

³⁵⁴ *Ibid*, h. 176.

³⁵⁵ *Ibid*, h. 179.

³⁵⁶ *Ibid*, h. 185.

Oleh kerana badan kehakiman merupakan satu cabang dalam struktur kerajaan Islam, maka ia hendaklah mendapatkan tauliah oleh ketua negara seperti mana juga badan-badan pemerintahan yang lain. Tauliah ini diberikan kepada orang-orang yang berkelayakan dari segi peribadi, ilmu dan kebijaksanaan. Abdul Hadi Awang memberikan tujuh syarat untuk membolehkan seseorang itu dilantik sebagai hakim atau qadhi iaitu Islam, baligh, berilmu, selamat pancaindera pendengaran, penglihatan dan percakapan, merdeka, adil dan lelaki. Selain daripada mahkamah, terdapat tiga lagi bidang kuasa yang berada dalam badan kehakiman Islam iaitu *tahkim*, *wilayah al-mazālim* dan *al-hasabah*. *Tahkim* ialah perlantikan orang tertentu untuk menyelesaikan sesuatu pertelingkahan mengikut hukum syarak. Ia dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak berdasarkan semangat persaudaraan Islam.³⁵⁷

Wilayah al-mazālim pula merupakan mahkamah kepada urusan pentadbiran untuk mengambil tindakan ke atas pemerintah dan pegawai tinggi kerajaan yang tidak boleh diselesaikan melalui mahkamah biasa. Ia juga berfungsi untuk menjadi tempat rayuan orang ~~rā'i~~ terhadap ketidakpuasan hati dengan keputusan mahkamah dari segi keadilannya.³⁵⁸

Manakala *Wilayah Hasabah* pula berperanan untuk melaksanakan secara langsung kewajiban amar makruf nahi mungkar sama ada melibatkan kegiatan pemerintah atau rakyat apabila berlaku pengabaian tugas atau berkaitan dengan akhlak yang memerlukan tindakan segera.³⁵⁹ Tugas hisbah ini berperanan di antara pentadbiran dan kehakiman di mana mereka diberi peranan memerhatikan

³⁵⁷ *Ibid*, h. 192-193.

³⁵⁸ *Ibid*, h. 193.

³⁵⁹ *Ibid*, h. 194.

kepentingan agama, negara dan masyarakat dan mereka mempunyai kuasa bertindak jika berlaku sebarang kecuaian.³⁶⁰ Perlantikan pegawai hisbah (*muhtasib*) terikat dengan enam syarat iaitu adil, tegas berpegang kepada ajaran Islam, mengetahui perkara yang baik dan mungkar, mukalaf, lelaki dan merdeka.³⁶¹ Terdapat empat cara *muhtasib* menjalankan tugas mereka iaitu menghukum bagi kemaksiatan yang zahir, bertindak tanpa menunggu pengaduan dan jika sekiranya berlaku pertelingkahan akan diserahkan kepada hakim untuk menjatuhkan hukuman apabila terbukti sesuatu kemungkarann.³⁶²

3.7 NEGARA PERSPEKTIF EKONOMI

Ekonomi adalah antara unsur terpenting dalam menyempurnakan kehidupan ke arah yang lebih sempurna dan bahagia. Justeru, Islam memberi fokus terhadap isu-isu sosial sejajar dengan sifatnya sebagai *way of live*. Bahkan kehadiran Nabi Muhammad (s.a.w.) untuk memurnikan akhlak dan sosial ke arah yang terbaik sejajar dengan fitrah manusia. Dalam konteks PAS sebagai sebuah parti Islam dan juga *the as waiting government*, seharusnya telahpun memiliki *blue-print* terhadap dasar mahupun konsep ekonomi dan sosial untuk diaplikasikan di dalam pemerintahan Islam yang bakal ditegakkan. Maka dengan itu, kajian di bawah ini cuba merentasi konsep dan pandangan PAS terhadap dasar dan prinsip parti tersebut di lapangan ekonomi dan sosial sebagai satu agenda ke arah menegakkan negara Islam.

³⁶⁰ *Ibid*, h. 197.

³⁶¹ *Ibid*, h. 197.

³⁶² *Ibid*, h. 198.

3.7.1 Prinsip Asas Ekonomi

PAS tidak menafikan bahawa ekonomi memainkan peranan yang amat penting dalam membangunkan sesebuah negara dan ummah. Namun asas pembentukan ekonomi tersebut mestilah berorientasikan kepada tuntutan Islam yang syumul dan komprehensif.³⁶³ Zulkifli Muhammad mengemukakan pendapat bahawa ekonomi dalam negara Islam hendaklah dibangunkan atas dua prinsip asas utama iaitu al-Quran dan Sunnah.³⁶⁴ Manakala Abd Rashid Dail dalam menyokong kenyataan tersebut telah memetik sepotong firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Kami (Allah) tidak mencuaikan sesuatu juapun di dalam Kitab (al-Quran).

(Terj. *Sūrah al-An'am* (6): 38)

Beliau berpendapat bahawa ayat ini memberi maksud bahawa Islam telah menggariskan semua prinsip umum dalam kehidupan, termasuklah prinsip yang membabitkan ekonomi dalam sistem Islam.³⁶⁵ Ekonomi Islam secara umumnya

³⁶³ Fadhil bin Mohd Noor, (12 Jun 1993), *Pertahan Syakhsiyah Ummah*, (Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS ke-39), di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Pejabat Agung PAS, h. 9. Bahkan setiap ucapan Dasar Tahunan PAS menyentuh secara langsung dan terperinci berkenaan dengan aspek ekonomi negara samada di peringkat nasional maupun antarabangsa. Sila rujuk siri-siri Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS dari tahun 1955-2001

³⁶⁴ Zulkifli Mohammad, (t.t), *Pegangan Hidup Umat Islam*, Kuala Lumpur, h. 30. Prof. Zulkifli Mohammad adalah Timbalan Yang Dipertua Agong PAS (1956-1964). Lihat juga Sabri Harun, "Sistem Ekonomi Islam dan Sistem Ekonomi Konvensional: Satu Perbandingan", dalam *Mimbar Ulama* edisi Negara Islam, *op-cit*, h. 65.

³⁶⁵ Abd Rashid Dail, (1994), *Bank Islam*, Pustaka Rashfa dan Anak-anak Sdn. Bhd., Bangi, h. 6. Dr Abdul Rashid Dail adalah Ahli Majlis Syura Ulama PAS (1996-2002) dan Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama PAS.

menolak sistem ekonomi yang berlatarbelakangkan kepada ideologi kapitalisme atau sosialisme.³⁶⁶

Seterusnya PAS menghuraikan bahawa prinsip asas ekonomi dalam negara Islam adalah terbahagi kepada lima asas penting, iaitu keseimbangan antara hak milik khusus (persendirian) dan hak milik umum, kebebasan ekonomi yang terikat dan terjamin, ekonomi Islam mesti bertemakan kepada konsep *Rububiyyah* dan *tadkiiyah* dan kelimanya ialah ekonomi yang berasaskan kawalan akhlak.³⁶⁷ Berkennaan dengan perimbangan hak milik khusus dan hak milik umum, PAS berpendapat bahawa secara dasarnya konsep pemilikan harta dalam negara Islam adalah berasaskan bahawa segala harta adalah hak milik Allah (s.w.t.) dan manusia telah diberi hak dan tanggungjawab untuk memiliki, menggunakan dan menguruskan harta tersebut.³⁶⁸ Namun, Allah (s.w.t.) juga berhak untuk menentukan sistem pengurusan dan penggunaan harta agar iaanya selaraskan dengan ajaran Islam yang diturunkannya kepada umat manusia. Dalam pada itu, walaupun harta (sumber ekonomi) adalah hak milik mutlak Allah

³⁶⁶ Zulkifli Mohammad, (15 Jun 1970), 'Islam Sebagai Suatu Sistem Politik dan Masyarakat', *al-Islah*, Thn. 1, Bil. 9, h. 8; Surtahman Kastin Hassan, "Sistem Ekonomi Islam: Satu Alternatif Kepada Sistem Ekonomi Sekular yang Bangkrup", dalam *Mimbar Ulama*, edisi khas Muktamar Sanawi 1421H PAS, Dewan Ulama PAS Pusat, Kuala Lumpur (1421H/2000), h. 43-44; Sabri Harun, dalam *Mimbar Ulama* edisi Negara Islam, h. 61-70; Jabatan Penerangan PAS Kelantan, (1973); *Sosialisme dan Percanggahannya Dengan Islam*, Penerbitan Jabatan Penerangan PAS Kelantan, Kota Bharu; Baharuddin Abdul Latif, (Jun 1968), "Negara Kebajikan Islam", dlm. *Bulan Bintang*, Thn. 1, Bil. 11, h. 8 dan 13; Baharuddin Latif, *Islam Memanggil*, h. 69. Baharuddin Abdul Latif adalah Ahli Jawatankuasa PAS Pusat (1967-1987) dan Setiausaha Agung PAS (1968-1971).

³⁶⁷ *ILHAM*, (2002), "Ekonomi Islam", nota pengajian Diploma Tasawur Islam, Kuala Lumpur, ILHAM Abd. Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 19. dan h. 52-54. *ILHAM*, *Ekonomi Islam*, nota A kertas seminar Diploma Tasawur Islam, Kuala Lumpur, ILHAM, (1996), h. 9-10. h. 7. A Rashid Dail, (1994), *ibid*, h. 10.

³⁶⁸ Abd. Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 10; Sabri Harun, (tt), *op-cit*, h. 73.

(s.w.t.), tetapi Islam mengiktiraf pemilikan individu dan pemilikan masyarakat atau negara.³⁶⁹

Konsep perimbangan pemilikan ini mempunyai kaitan yang rapat dengan penentuan siapakah yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan dalam negara Islam.³⁷⁰ Pembahagian hak milik ini terbahagi kepada dua, iaitu hak milik peribadi dan hak milik umum. Hak milik peribadi ialah segala hak milik yang menjadi kepunyaan badan-badan tertentu seperti keluarga, suku kaum, organisasi, negara dan lain-lain.³⁷¹ Manakala hak milik yang diletakkan di bawah pentadbiran negara secara langsung dinamakan hak milik negara atau hak milik umum atau kerajaan yang mesti dikendalikan secara bertanggungjawab, telus serta dioperasikan mengikut maslahah umum.³⁷² Konsep kedua ialah kebebasan ekonomi yang terikat. Konsep ini bermakna secara langsung menolak kebebasan mutlak sebagaimana yang diamalkan dalam realiti ekonomi kapitalis dan sekatan mutlak ke atas kebebasan dalam ekonomi sosialis. PAS berpendapat bahawa kebebasan terikat ini merujuk kepada semua kegiatan ekonomi seharusnya berlandaskan kepada hukum Islam dan campur tangan negara bagi mengawal tindak tanduk unit-unit ekonomi yang negatif atau turut serta dalam urusan ekonomi untuk kemaslahatan umum.³⁷³ Manakala konsep yang ketiga ialah jaminan sosial di mana negara sebagai *instrument*

³⁶⁹ Zulkifli Mohammad, (t.t), *op-cit*, h. 9; Jabatan Penerangan PAS Kelantan, (1973), *op-cit*, h. 15; A Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 12-16; Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), dalam *Mimbar Ulama*, ed. Khas Muktamar Sanawi 1421 PAS, Dewan Ulama PAS Pusat, Kuala Lumpur h. 45-46; Baharuddin Latif, (1994), *op-cit*, h. 69.

³⁷⁰ *ILHAM*, (2002), *op-cit*, h. 7.

³⁷¹ Abd. Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 11-18.

³⁷² Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit*, h. 45.

³⁷³ *ILHAM*, (2002), *op-cit*, h. 8.

jaminan sosial yang akan memastikan setiap rakyatnya mendapat taraf hidup minimum.

Sekiranya terdapat fakir, miskin, orang tua, orang terlantar, anak yatim, janda dan orang kurang upaya yang tidak mampu mengakses keperluan asas hidupnya, negara bertanggungjawab memberi jaminan taraf sosial ini.³⁷⁴ PAS menambah bahawa konsep *baldah tayyibah* (negara kebijakan) dalam negara Islam ialah memberi jaminan terhadap keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan kepada semua warga negara, jaminan daripada *eksploitasi* dan penipuan, jaminan pemilikan harta, jaminan subsidi dan kemasyarakatan untuk orang kurang upaya, dan jaminan kemakmuran untuk semua.³⁷⁵

Konsep keempat ialah kegiatan ekonomi mestilah bertemakan kepada *rububiyyah* dan *tadhkiyyah*. Dalam menghuraikkan konsep ini, PAS berpendapat bahawa penggunaan daya pengeluaran dan penggunaan hasil keluaran mestilah berteraskan syariat Islam. Sebagai contoh, *rakyat* dalam negara Islam hendaklah memakan rezeki yang halal sahaja dan rezeki yang halal hanya boleh dihasilkan menerusi sistem ekonomi yang halal.³⁷⁶ Ini bererti, secara tidak langsung, amalan ekonomi yang batil adalah haram dan kerajaan mestilah berperanan dalam membuat kawalan ke atasnya.³⁷⁷ Secara ringkasnya, konsep *rububiyyah* dan *tadhkiyyah* boleh dicapai menerusi konsep amal (bekerja) asas perolehan, infaq

³⁷⁴ *Ibid*, h. 9; Baharuddin Abdul Latif, (1994), h. 69.

³⁷⁵ Baharuddin Abdul Latif, *ibid*, h. 69.

³⁷⁶ Abd. Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 19. *ILHAM, Ekonomi Islam*, (1996), nota A kertas seminar Diploma Tasawur Islam, Kuala Lumpur, ILHAM h. 9-10.

³⁷⁷ *ILHAM*, (1996), *op-cit*, h. 2.

sebagai asas agihan (pembiayaan) dan kawalan ekonomi berorientasikan akhlak.³⁷⁸

Bagi merealisasikan konsep tersebut, PAS berpendapat sistem ekonomi mestilah berasaskan segala aktiviti yang halal. Abd. Rashid Dail meletakkan dua elemen kesempurnaan ekonomi dalam negara Islam iaitu sumber halal yang menyeluruh dan bersepada serta bersih daripada ciri-ciri negatif. Sumber halal yang menyeluruh dan bersepada ini mencakupi tiga sektor ekonomi iaitu perusahaan pengeluaran awal (pertanian, penternakan, perikanan dan perlombongan), perusahaan pembuatan dan perusahaan perniagaan.³⁷⁹

Pembersihan daripada elemen negatif pula meliputi larangan terhadap kegiatan ekonomi yang negatif (haram pada *utilitinya*), larangan riba, rasuah, *gharar* (penipuan) dan tipu, *ihtikar* (monopoli, eksplorasi dan penekanan) serta pembaziran, boros dan kikir (kedekut).³⁸⁰

Negara Islam juga selain mempertimbangkan kesempurnaan sumber ekonominya, turut menekan prinsip dalam pembiayaan (*infaq*) ekonomi negara. Pembiayaan ekonomi Islam terbahagi kepada dua iaitu pembiayaan wajib dan pembiayaan sukarela (*sunnah*). Pembiayaan wajib ini terdiri daripada pembiayaan bagi keberterusan pembangunan ekonomi, pembiayaan keluarga, pembiayaan bagi asas pembentukan masyarakat. Asas dominen bagi menampung kehendak-

³⁷⁸ A Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 20.

³⁷⁹ *Ibid*, h. 22-31.

³⁸⁰ *Ibid*, h. 31-41; A Rashid Dail, (1985), *Institusi Pasar Perniagaan Islam*, Pustaka Rashfa dan Anak-anak Sdn. Bhd., Bangi, h. 19-30; *idem*, (1980), *Ekonomi Perdagangan*, Kuala Lumpur, Badan Kebajikan Islam Bank Negara (BAKTI) h. 82-97; Zulkifli Mohammad, (tt), *op-cit*, h. 8; ILHAM, (1996), *op-cit*, h. 2; Jabatan Penerangan PAS Kelantan, (1973), *op-cit*, h. 12-14.

kehendak ini ialah melalui institusi zakat yang ditadbir secara terancang dan sistematisik.³⁸¹

Manakala pembiayaan sukarela pula satu bentuk pembiayaan yang menggambarkan gelagat ekonomi yang positif di kalangan umat Islam seperti wakaf dan sedeqah yang memainkan peranan membentuk kewangan masyarakat melalui saluran kebijakan yang akan meringankan beban kerajaan Islam.³⁸² Oleh itu rakyat di dalam negara Islam hendaklah ditarbiyah agar mereka bersih daripada elemen kikir, boros dan membazir dalam pembiayaannya.³⁸³

Prinsip Kelima ialah latarbelakang ekonomi yang berdasarkan kawalan akhlak. Konsep kawalan ekonomi ini mengandungi dua ciri iaitu pertama, sikap individu yang positif di mana segala peraturan ekonomi bukan sekadar undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Islam sahaja, malah menjadi amalan setiap warganegara Muslim. Sikap setiap ekonomis Islam mesti dibimbing oleh kerajaan agar selari dengan syariat Islam dan mereka akan hanya melakukan aktiviti ekonomi yang sihat dan positif sahaja.³⁸⁴ Kedua ialah kawalan kerajaan Islam ke atas kegiatan ekonomi. Ini bermakna kerajaan Islam bertanggungjawab mengawal setiap ekonomis Islam berfungsi dengan betul dan mengawal keseluruhan sistem ekonomi agar tidak terjebak dengan unsur-unsur negatif seperti monopoli, eksploritasi dan sebagainya.³⁸⁵

³⁸¹ A Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 42-48.

³⁸² *Ibid*, h. 48-50.

³⁸³ *Ibid*, h. 50-51.

³⁸⁴ *Ibid*, h. 52-54.

³⁸⁵ *Ibid*, h. 54-56; A Rashid Dail, (1985), *op-cit*, h. 31-39; Jabatan Penerangan PAS Kelantan, (1973), *op-cit*, h. 14-15; Suratman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit* h. 45; Baharuddin Abdul Latif, (1994) *op-cit*, h. 69. Fadzil Noor, 28 Mei 1999, *BERSAMA MENEGAKKAN KEADILAN*, (Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS ke-45), di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Pejabat Agung PAS, h. 7

Selain lima perinsip tersebut, didapati PAS juga turut berpendirian bahawa sistem ekonomi dalam negara Islam mestilah bersifat pengabdian kepada Allah (s.w.t.), berlandaskan matlamat yang murni, bercirikan konsep pengawasan yang sempurna dan ekonomi merealisasikan keseimbangan di antara kepentingan individu dan kepentingan masyarakat.³⁸⁶ Sabri Harun menambahkan bahawa aktiviti ekonomi Islam merupakan satu ibadat dan bertujuan mencapai matlamat khas dan am.³⁸⁷ Zulkifli Mohammad pula mengatakan ekonomi Islam ialah bergerak di atas konsep keadilan, persaudaraan dan persamaan/seimbang (*equality*).³⁸⁸ Ekonomi Islam juga dibangunkan dengan berlandaskan etika-etika tertentu seperti mencakupi soal amanah, adil, ukhuwah, ihsan dan bertimbang rasa dan istiqamah.³⁸⁹

Setiap aktiviti manusia mempunyai tujuan tertentu dan ekonomi dalam negara Islam juga mempunyai tujuan tertentu. Hala tuju atau matlamat akhir ekonomi Islam ialah mencapai *al-falāh* (kejayaan) di dunia dan di akhirat.³⁹⁰ Justeru itu, PAS berpendapat bahawa segala sumber yang ada di muka bumi hendaklah diaplikasi berdasarkan akhlak Islam yang membebawa manusia menuju *al-falāh*. Ekonomi atau harta bukanlah matlamat hidup bagi warganegara Muslim, tetapi merupakan wasilah atau alat untuk merealisasikan perintah Allah (s.w.t.).³⁹¹

³⁸⁶ *ILHAM*, (2002), *op-cit*, h. 9-10.

³⁸⁷ Sabri Harun, (tt), *op-cit*, h. 73-74.

³⁸⁸ Zulkifli Mohammad, (tt), *op-cit*, h. 9.

³⁸⁹ *ILHAM*, (2000), *op-cit*, h. 11-12; Jabatan Penerangan PAS Kelantan, (1973), *op-cit*, h. 14-15.

³⁹⁰ Sabri Harun, (tt), *op-cit*, h. 66-67.

³⁹¹ *Ibid*, h. 67-68.

Oleh itu, PAS menegaskan bahawa umat Islam tidak boleh menjadikan kegiatan-kegiatan ekonomi yang negatif sebagai sumber ekonominya, sebaliknya umat Islam haruslah bersikap positif dengan membangunkan ekonomi untuk kemaslahatan bersama. Kerana itu sistem ekonomi Islam sentiasa mempertimbangkan kesesuaian masa dan tempat agar ia terus boleh dilaksanakan.³⁹² Apa yang penting ialah ekonomi negara Islam bertujuan memberi kemakmuran kepada semua orang bukannya untuk segelintir sahaja.³⁹³

Daripada perbincangan di atas, didapati bahawa PAS mempunyai satu pendirian yang tegas dan jelas berkenaan dengan isu ekonomi. Apa yang menjadi dasar keseluruhan pandangan PAS ialah sektor ekonomi mestilah selari dan sejajar dengan *blue-print* asas yang terdapat di dalam Islam. Keciciran daripada landasan tersebut akan menjerumuskan ekonomi kepada sistem ekonomi kapitalis ataupun sosialis, yang mana kedua-duanya amat kontras dengan nilai ekonomi Islam yang cuba ditegakkan oleh PAS. Selain itu, matlamat untuk melihat rakyat mengecapi kemakmuran daripada ekonomi Islam juga merupakan intipati utama kepada perjuangan parti tersebut dengan mengawal dan mengenepikan sama sekali sistem ekonomi negara dari dimonopoli ataupun dicksplotasi oleh golongan minoriti terutamanya oleh pihak atasan berkuasa mahupun pihak bangsawan ataupun feudal.

Bahkan PAS juga cuba mengubah pola berfikir sesetengah pihak yang menganggap bahawa urusan ekonomi merupakan suatu urusan dunia semata-mata yang tiada kaitan dengan ajaran Islam, sebaliknya menjelaskan bahawa ia

³⁹² Zulkifli Mohammad, (tt), *op-cit*, h. 7; Sabri Harun, *ibid*, h. 74.

³⁹³ Baharuddin Abdul Latif, (1994) *op-cit*, h. 69.

merupakan sebahagian daripada tuntutan Islam dan mereka yang mengendalikan urusan ekonomi dianggap sedang beribadah, semata-mata mencari *al-falāḥ* dan keredhaan Allah (s.w.t.) semata-mata.

3.7.2 Dasar Belanjawan Negara

PAS berpendapat bahawa mentadbir kewangan negara adalah salah satu fungsi asas kerajaan Islam. Kerajaan Islam bertanggungjawab dalam urusan mengumpul pendapatan negara dan membelanjakannya berdasarkan ketetapan syarak.³⁹⁴ Kerajaan bertanggungjawab memastikan kebersihan sumber pendapatan negara dan mengelakkan berlakunya penyelewengan dalam proses perolehan dan perbelanjaan. Kerajaan mesti mengawasi sumber-sumber pendapatan utama negara selain mencari sumber sampingan.³⁹⁵ Seterusnya Fadzil Mohd Noor turut memberikan penekanan terhadap peranan kerajaan dalam menentukan strategi ekonomi yang integrated dan jangka panjang untuk menjamin masa depan negara dan kesejahteraan rakyat dalam ekonomi yang global pada hari ini.³⁹⁶

Persoalan mengumpulkan pendapatan negara, membelanjakan pendapatan negara dan merangka strategi ekonomi negara adalah tercakup dalam dasar belanjawan negara. Belanjawan dalam sesebuah negara biasanya dirangka dengan teliti dan rasional kerana ia menjadi garis panduan bagi menentukan arah dan

³⁹⁴ Harun Taib, (1981), *op-cit*, h. 118-119; Harun Taib, (2000), *op-cit*, h. 29-31.

³⁹⁵ Harun Taib, (2000), *ibid*, h. 30.

³⁹⁶ Fadzil Mohd Noor, (2000), *Belanjawan Yang Jelas Meleset*, Perbahasan Belanjawan 2000, Pusat Penyelidikan PAS Pusat, Kuala Lumpur h. 2-3.

haluan pembangunan negara.³⁹⁷ Kerajaan Islam mestilah sentiasa prihatin dalam menangani masalah dasar belanjawan supaya ia lebih berkesan dalam menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu, mencabar dan berubah-ubah. Seperti juga dasar belanjawan negara moden yang lain, belanjawan negara Islam juga ditentukan oleh gabungan polisi fiskal dan polisi kewangan.³⁹⁸ Kedua-dua polisi ini tidak boleh dipisahkan dalam dasar belanjawan negara Islam. Polisi fiskal adalah perkara yang berkaitan dengan hasil negara, cukai dan perbelanjaan kerajaan, manakala polisi kewangan pula berkaitan dengan mata wang atau kewangan.³⁹⁹

Membangunkan negara memerlukan perbelanjaan yang besar, oleh kerana itu kerajaan Islam mesti meningkatkan hasil pendapatan negara melalui pelbagai cara di antaranya melalui eksport negara dan mengenakan cukai atau meningkatkan cukai. Dalam ekonomi yang tidak stabil (deflasi), kerajaan perlu menambah perbelanjaan untuk projek pembangunan supaya ia memberi kesan positif kepada ekonomi negara.⁴⁰⁰ Penambahan perbelanjaan secara langsung atau tidak akan menyuntik dana kepada ekonomi negara yang akan memberi kesan kepada peluang pekerjaan, penambahan kuasa beli, peningkatan keluaran negara, peningkatan hasil cukai, meluaskan kemakmuran dan meningkatkan pendapatan rakyat. Sebaliknya, jika ekonomi negara sedang mengalami inflasi, kerajaan akan mengenakan pelbagai cukai sebagai bocoran dalam ekonomi untuk mengurangkan pengaliran wang.⁴⁰¹

³⁹⁷ Penulis Khas, (tt), 'Dasar Belanjawan Negara Islam', dalam *Mimbar Ulama*, edisi Negara Islam, *op-cit*, h. 47.

³⁹⁸ *Ibid*, h. 47.

³⁹⁹ *Ibid*, h. 48.

⁴⁰⁰ *Ibid*, h. 48.

⁴⁰¹ *Ibid*, h. 48-49.

Dalam dasar fiskal, PAS berpendapat bahawa jika strategi perbelanjaan kerajaan dan cukai dilakukan sekaligus, ia akan menyebabkan pendapatan masyarakat meningkat atau mengurang. Jika kerajaan menggunakan dasar belanjawan seimbang (perbelanjaan sama dengan hasil) ia akan menyebabkan pendapatan negara meningkat atau mengurang. Dan jika dasar belanjawan berkurang (perbelanjaan melebihi pendapatan) pula yang diamalkan, pendapatan negara juga akan mengalami kenaikan atau penurunan.⁴⁰² Dalam sesbuah negara Islam, pemilihan strategi ini amat penting. Keberkesanan polisi fiskal ini bergantung kepada dua faktor iaitu, jika pendapatan agregat semasa negara rendah dan kerajaan melaksanakan polisi fiskal, maka pendapatan negara akan meningkat. Manakala jika pendapatan semasa tinggi dan kerajaan menjalankan polisi fiskal, maka ia akan menyebabkan pendapatan menurun.⁴⁰³

Apa yang jelas ialah secara dasarnya, asas fiskal belanjawan negara Islam tidak mempunyai perbezaan yang besar berbanding dasar fiskal negara moden kecuali peranan kadar bunga untuk mengawal ekonomi kerana bunga dikaitkan dengan riba, dan ia merupakan sesuatu yang diharamkan dalam ekonomi Islam. Dalam ekonomi negara moden, polisi kewangan dijalankan dengan tujuan untuk mencapai tingkat guna tenaga penuh, menjaga kestabilan negara, mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi, membentuk corak agihan pendapatan dan harga yang seimbang dan menjaga keseimbangan dagangan luar.⁴⁰⁴ Inilah objektif-objektif utama dasar belanjawan negara moden dengan riba menjadi penggerak dan pengimbal keseimbangan ekonomi.⁴⁰⁵ Keadaan ini membuka

⁴⁰² *Ibid.*, h. 50.

⁴⁰³ *Ibid.*, h. 50-51.

⁴⁰⁴ *Ibid.*, h. 51.

⁴⁰⁵ *Ibid.*, h. 49 dan 51.

ruang kepada eksplotasi yang akhirnya memberi kesan buruk kepada ekonomi negara termasuk inflasi, deflasi, pengangguran dan sebagainya sehingga berlaku kemelesetan ekonomi.⁴⁰⁶ Instrumen yang digunakan oleh bank pusat di negara moden ialah operasi pasaran terbuka, perubahan nisbah rizab minimum bank perdagangan, perubahan kadar diskaun, kawalan kredit terpilih dan pujukan moral (*moral suasion*).⁴⁰⁷

Bagi PAS, dasar belanjawan negara Islam mempunyai objektif yang sama dengan objektif ekonomi negara moden iaitu untuk pertumbuhan ekonomi dan kestabilan. Tetapi matlamat akhir dasar belanjawan negara Islam adalah berbeza iaitu untuk mencapai keredaan Allah (*mardāt al-Allāh*)⁴⁰⁸ dan *al-falāh* (kejayaan).⁴⁰⁹ Kerana itu dasar belanjawan negara Islam mempunyai cara dan tujuan cara yang berbeza iaitu ekonominya tidak mengamalkan riba dan kebijakan manusia menjadi objektif utama di samping keuntungan dan keadilan.⁴¹⁰

Alat-alat untuk melaksanakan polisi *kewangan* dalam belanjawan negara Islam adalah lebih banyak seperti operasi pasaran terbuka yang boleh diubah suai, nisbah cadangan rizab yang boleh diubah suai, *mudārabah* bond (menggantikan polisi kadar bunga), simpanan khas yang boleh diubah suai, kawalan kredit terpilih yang boleh diubah suai, kadar diskaun yang boleh diubah

⁴⁰⁶ *ILHAM*, nota D, (2002), *op-cit*, h. 17.

⁴⁰⁷ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 52.

⁴⁰⁸ *Ibid*, h. 52.

⁴⁰⁹ *ILHAM*, Nota B (2002), *op-cit*, h. 7.

⁴¹⁰ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 52.

suai, kawalan mata wang oleh bank pusat yang kekal, pujukan moral dan sebagainya.⁴¹¹

Selain daripada *instrument* yang digariskan dalam dasar belanjawan negara Islam, kestabilan ekonomi di negara Islam juga boleh dilakukan dalam apa jua hal dan keadaan melalui beberapa bentuk dan alat. Pertama, *instrument* wajib dan asas yang mesti dilaksanakan iaitu zakat; kedua, *instrument* pilihan atau galakan secara pujukan seperti wakaf dan wasiat; dan ketiga, instrumen kebajikan kecil seperti sedekah, *taṭawwu'*, infak, *hibah*, hadiah, *minḥah* dan sebagainya.⁴¹²

Dalam pemerintahan Islam, kerajaan wajib melaksanakan sistem zakat sebagai pihian utama sebelum polisi-polisi kewangan dan harta yang lain dilaksanakan. Sekiranya ekonomi belum mencapai tingkat guna tenaga penuh, kerajaan Islam boleh bertindak dengan menambahkan perbelanjaan negara, mengurangkan cukai dan mencairkan edaran mata wang.⁴¹³

Perkara ini tidak mustahil dalam negara Islam kerana perlaksanaan sistem zakat ke atas setiap individu dan kolektif (syarikat) setidak-tidaknya mestilah mencapai paras nisab yang boleh menyempurnakan rukun Islam.⁴¹⁴ Bahkan menurut Budiman Radhi, kewajiban berzakat menjadikan kegiatan dan usaha

⁴¹¹ *Ibid*, h. 52.

⁴¹² *Ibid*, h. 53.

⁴¹³ *Ibid*, h. 53; *ILHAM*, Nota C (2002), *op-cit*, h. 10.

⁴¹⁴ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 53; Budiman Radhi, (1981), *Falsafah Rukun Islam*, Pustaka Nasional Pte Ltd., Singapura, h. 64-66. Ustaz Budiman Radhi adalah Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat (1956-1958).

untuk mencari harta bagi membayar zakat juga wajib.⁴¹⁵ Apabila kesedaran wujud dalam setiap individu dan kolektif, akan lahirlah masyarakat dermawan yang ingin membelanjakan hartanya ke jalan Allah sama ada melalui zakat, sedekah, wakaf atau lain-lain pemberian yang berbentuk infak yang secara langsung akan mengurangkan masalah pengangguran di peringkat dasar terutama fakir dan miskin.⁴¹⁶ Penunaian zakat akan melahirkan usaha berterusan untuk meningkatkan ekonomi, setidak-tidaknya tidak menjadi golongan peminta sedekah. Budaya memberi (infak) akan mengatasi budaya meminta yang sering menjadi beban kepada ekonomi negara.⁴¹⁷ Usaha berterusan ini akan melahirkan berbagai-bagi usaha hiliran daripada tahap kecilan hingga tahap industri seperti pembuatan, pengeluaran, perladangan, perniagaan, perusahaan dan lain-lain yang boleh mengurangkan pengangguran dalam masyarakat, meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menyeimbangkan kuasa tawaran dan permintaan, meningkatkan kuasa beli dan menstabilkan ekonomi.⁴¹⁸

Rentetan itu, PAS berpendapat bahawa dalam ekonomi Islam, kemungkinan berlakunya ekonomi tidak stabil ~~memang~~ wujud tetapi berada pada tahap terkawal dan tidak ekstrem sehingga boleh menggawatkan ekonomi.⁴¹⁹ Peranan kerajaan Islam dalam ekonomi ketika berlaku ketidakstabilan adalah tidak berbeza dengan peranan negara moden yang telah dibincangkan sebelum ini. Tetapi, kerajaan Islam menerusi bank pusat boleh bertindak untuk mengawal ekonomi melalui pengeluaran wakaf bond pemerintah, berwakaf atau bersedekah kepada negara Islam yang lain dan membantu golongan yang memerlukan

⁴¹⁵ Budiman Radhi, *ibid*, h. 64.

⁴¹⁶ ILHAM, Nota C (2002), *op-cit*, h. 13. A Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 45-50.

⁴¹⁷ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 53.

⁴¹⁸ *Ibid*, h. 54; Budiman Radhi, (1981), *op-cit*, h. 64; ILHAM, Nota C (2002), *op-cit*, h. 15.

⁴¹⁹ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 54.

bantuan di negara lain seperti pendakwah, selain pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam ekonomi konvensional.⁴²⁰

Untuk menguruskan ekonomi negara Islam, dasar-dasar belanjawannya tidak berbeza dengan dasar dan strategi belanjawan negara moden yang lain kecuali beberapa perkara yang berkaitan dengan prinsip ekonomi Islam. Pendapatan negara Islam adalah terdiri daripada pelbagai bentuk cukai seperti cukai *kharāj*, *'usyūr*, *ma'ādin*, *darībah* dan lain-lain yang ditentukan oleh pemerintah dan menjadi hasil tetap setiap tahun; cukai-cukai mendatang dan tidak tetap seperti *jizyah al-ru'ūs*, *sulh jizyah, fā'i* dan *ghanimah*; dan pendapatan bersifat kebajikan seperti wakaf, sedekah, *infāq fī sabīl Allāh, nadhar* dan *kaffārah* yang kesemuanya menjadi pemangkin kepada dasar belanjawan dan pembangunan negara Islam.⁴²¹

Satu lagi konsep penting belanjawan negara Islam ialah peranan penswastaan untuk menampung kerja-kerja sosial (kebajikan) dilakukan oleh individu dalam masyarakat melalui penyertaan sedekah jariah.⁴²² Zakat pula memainkan peranan terpenting sebagai pengimbang kepada keseluruhan dasar belanjawan sehingga sebarang kecuaian mengenai zakat boleh menjelaskan keseluruhan pembangunan.⁴²³ Menurut Budiman Radhi, dalam negara Islam zakat memainkan peranan penting untuk memacu kemajuan ekonomi, kekuatan politik dan keadilan sosial sehingga pengabaian zakat akan melemahkan politik,

⁴²⁰ *Ibid*, h. 55.

⁴²¹ *Ibid*, h. 57.

⁴²² *Ibid*, h. 57.

⁴²³ *Ibid*, h. 57; Budiman Radhi, (1981), h. 65-71.

meruntuhkan ekonomi dan menghilangkan keadilan sosial.⁴²⁴ Selain sumber-sumber di atas, Islam juga membenarkan negara Islam meminjam untuk menguruskan keperluan negara yang mendesak bagi menjaga maslahah dan kepentingan bersama.⁴²⁵ Tetapi hutang ini dalam bentuk *al-qard al-hasan* sebagai memenuhi prinsip ekonomi dalam bentuk pengorbanan dan ihsan.

Demikian juga PAS berpendapat bahawa kerajaan Islam juga bertanggungjawab memastikan agihan harta negara berlaku secara adil dan telus, memenuhi keperluan sosial, kepuasan perkhidmatan pengguna dan kepentingan negara melalui belanjawan.⁴²⁶ Menurut ILHAM, pengagihan harta berkait rapat dengan hadis Rasulullah s.a.w yang menyebut bahawa antara perkara yang akan dipersoalkan di akhirat ialah bagaimana harta itu dibelanjakan.⁴²⁷ Matlamat ini boleh dicapai melalui cara agihan yang ditentukan dalam sistem harta khas (zakat), harta kebaikan (wakaf) dan harta-harta am seperti sedekah, *hibah* dan sebagainya. Harta khas diagihkan oleh kerajaan Islam untuk prasarana perubahan sosial secara adil terutamanya dalam mengatasi masalah kemiskinan. Harta kebaikan pula diagihkan secara sukarela oleh individu dan masyarakat dalam bentuk penswastaan sukarela, sementara pendapatan cukai digunakan untuk perbelanjaan pengurusan dan *emolumen* negara.⁴²⁸

Dalam kerajaan Islam, tugas untuk mengurus kewangan negara termasuk membuat dasar dan strategi belanjawan, penutupan kira-kira kewangan, mengikat perjanjian mengenai pinjaman, hutang piutang dan mengenakan cukai-cukai ini

⁴²⁴ Budiman Radhi, (1981), *op-cit*, h. 82; ILHAM, Nota C (2002), *op-cit*, h. 15.

⁴²⁵ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 58.

⁴²⁶ *Ibid.*, h. 58.

⁴²⁷ ILHAM, Nota B (2002), *op-cit*, h. 19.

⁴²⁸ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 58.

diletakkan di bawah bidang kuasa badan perundangan.⁴²⁹ Ini bermakna, proses penggubalan dasar belanjawan negara Islam adalah dikawal oleh ahli-ahli badan perundangan yang terdiri daripada para ulama, pakar-pakar dan ahli-ahli badan perundangan yang dipilih oleh rakyat. Ini bagi memastikan bahawa seluruh perjalanan dalam urusan tersebut berjalan dalam keadaan lancar dan stabil serta telus dari sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Maka dengan itu, semua urusan belanjawan negara merupakan sebahagian daripada urus tadbir negara yang diletakkan di bawah kuasa *sultah tānfīdhiyyah*, namun untuk kemaslahatan seluruh warga negara, *sultah tasyri'iyyah* bertindak sebagai penggubal terhadap dasar belanjawan ini.

Kesimpulan daripada perbincangan tajuk di atas, PAS dilihat sudah memiliki satu tasawwur umum berhubung dengan dasar belanjawan dalam konteks sebuah negara Islam. *Instrument* asasnya didapati hampir sama dengan apa yang sedang diperkenalkan oleh sistem ekonomi konvensional. Namun di sana terdapat juga beberapa jurang yang menjadi keistimewaan bagi ekonomi Islam seperti menghapuskan sistem riba, mendidik dan mewujudkan budaya infaq di kalangan rakyat serta menjadikan maslahah rakyat sebagai fokus utama dalam perkembangan ekonomi Islam yang cuba diterapkan oleh PAS.

⁴²⁹ Harun Taib, (1979), *op-cit*, h. 67.

3.7.3 Ekonomi kawalan dan Campur Tangan Kerajaan

PAS menegaskan bahawa kebebasan merupakan asas utama dalam ekonomi di negara Islam, namun kebebasan ini merupakan kebebasan ekonomi terikat (terpimpin).⁴³⁰ Ia memberi maksud bahawa kebebasan ekonomi dibangunkan pada batas-batas (hudud) tertentu sehingga mewujudkan kawalan ke atas segala kegiatan ekonomi.⁴³¹ Inilah perbezaan besar di antara sistem ekonomi negara Islam dengan sistem ekonomi kapitalis dan sekatan ekonomi sosialis. Golongan kapitalis meletakkan keadilan ekonomi kepada slogan liberalisme di mana setiap pelaku ekonomi dibiarkan bergerak sebebas-bebasnya tanpa sebarang kawalan dan campur tangan kerajaan, manakala golongan sosialis pula melarang pemilikan individu di mana ekonomi dikuasai sepenuhnya oleh negara.⁴³²

Menurut ILHAM, konsep kawalan dalam ekonomi di negara Islam adalah berpaksi kepada dua perkara iaitu kawalan ekonomi yang berjalan berteraskan hukum dan akhlak Islam serta kawalan negara ke atas tindak tanduk unit-unit ekonomi yang negatif selain turut serta (campur tangan) dalam kerja-kerja ekonomi demi maslahah umum.⁴³³ Abd Rashid Dail menambah bahawa dalam ekonomi negara Islam, kerajaan bertanggungjawab untuk mengenakan kawalan

⁴³⁰ Abd Rashid Dail, (1995), *op-cit*, h. 3; Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit*, h. 45. Lihat juga Jabatan Penerangan PAS Kelantan, (1973), *op-cit*, h. 13.

⁴³¹ ILHAM, *Ekonomi Islam*, Nota A (2002), *op-cit*, h. 8. Fadhil Mohd Noor, MENYANGGAH SERANGAN MENJANA KEMENANGAN, (Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS ke-47, di Dewan Besar, Taman Melewar, pd. 2 Julai 2001, Pejabat Agung PAS, h. 13

⁴³² Sabri Haron, (tt), *op-cit*, h. 62-64; Jabatan Penerangan PAS Kelantan, (1973), *op-cit*, h. 7-11; Budiman Radhi, (1981), *op-cit*, h. 77-81; Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit*, h. 43-44.

⁴³³ ILHAM, Nota A (2002), *op-cit*, h. 8.

sepenuhnya ke atas sumber ekonomi yang menjadi hak milik awam⁴³⁴ serta bertanggungjawab mengenakan kawalan harga ke atas barang tertentu untuk kepentingan awam.⁴³⁵ Abd Rashid Dail dan ILHAM juga meletakkan bahawa sikap individu yang positif di mana setiap warganegara Muslim mempunyai kesedaran ke atas tanggungjawabnya sebagai hamba Allah (s.w.t) dan setiap kegiatan ekonominya akan dihitung pada Hari Pembalasan sebagai satu bentuk kawalan hati nurani yang lebih berkesan dalam konteks ekonomi kawalan dalam Islam.⁴³⁶

Islam telah menggariskan dengan jelas hukum-hukumnya dalam semua aspek kegiatan manusia termasuk kegiatan ekonomi. Islam bukan sahaja membenarkan pelbagai kegiatan ekonomi bahkan menggalakkan umatnya menyertai sektor ekonomi untuk mencapai *al-falāh*, di samping Islam menggariskan larangan-larangan tertentu sebagai satu hukum dalam sistem ekonomi Islam seperti melarang kegiatan ekonomi negatif, riba, rasuah, gharar (manipulasi), menipu sukat timbang, *iḥtikār* (monopoli, eksplorasi dan penekanan), membazir, boros dan kikir⁴³⁷. Selain itu Islam juga melarang harta dikumpul untuk dihitung-hitungkan sahaja atau digunakan untuk merugikan orang lain dan menunjuk-nukjukkankekayaan kepada orang miskin⁴³⁸. Kegiatan ekonomi seperti merompak, mencuri, berjudi, melacur dan menjadi penilik nasib juga diharamkan oleh Islam.

⁴³⁴ A Rashid Dail, (1985), *op-cit*, h. 37-39.

⁴³⁵ *Ibid*, 35-36.

⁴³⁶ A Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 52-53; ILHAM, Nota A (2002), *op-cit*, h. 9.

⁴³⁷ *Ibid*, h. 32; Lihat juga Sabri Haron, (tt), *op-cit*, h. 68-69.

⁴³⁸ Jabatan Penerangan PAS Kelantan, (1973), *op-cit*, h. 15-16.

Larangan-larangan di atas merupakan kawalan asas yang pertama dalam kegiatan ekonomi Islam. Sebarang sikap atau tindakan ekonomi yang bercanggah dengan lunas-lunas Islam oleh mana-mana pihak, maka kerajaan Islam mesti mengambil tindakan yang sewajarnya.⁴³⁹ Kawalan kerajaan mesti diwujudkan melalui undang-undang termasuk al-hisbah untuk menyekat semua kegiatan ekonomi yang bertentangan dengan hukum Islam.⁴⁴⁰ Kerajaan Islam bertanggungjawab mewujudkan kawalan yang konfrehensif bagi memastikan segala kegiatan ekonomi mengikut prinsip ekonomi Islam.⁴⁴¹ Selain itu, PAS juga berpendirian bahawa kawalan yang kedua wujud melalui peranan kerajaan bagi memastikan agar tidak berlakunya kegiatan ekonomi yang negatif terhadap kemaslahatan awam. Kerajaan bertanggungjawab ke atas sumber-sumber ekonomi asas yang menjadi hak milik awam seperti garam, api, padang ragut dan air.⁴⁴² Sumber-sumber galian seperti belerang, arang batu, petrol, emas, timah, tembaga, simen, intan dan sebagainya juga mesti menjadi hak milik awam.⁴⁴³ Di samping itu, menurut Abd Rashid Dail, kerajaan Islam boleh membuat kerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan sumber-sumber ekonomi tersebut dengan tidak menjaskankan kepentingan awam dan kerajaan berperanan menentukan kuantiti pengeluaran dan harga.⁴⁴⁴

Menjadi fardu ain bagi kerajaan Islam menyediakan kemudahan awam yang tidak mampu disediakan oleh individu seperti kereta api, hospital, peralatan

⁴³⁹ A Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 55.

⁴⁴⁰ *Ibid*, h. 52; Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit*, h. 45.

⁴⁴¹ A Rashid Dail, (1985), *op-cit*, h. 35. A Rashid Dail, (1994), *op-cit*, h. 55.

⁴⁴² *Ibid*, h. 37.

⁴⁴³ *Ibid*, h. 38.

⁴⁴⁴ *Ibid*, h. 38-39.

perang, universiti dan sebagainya.⁴⁴⁵ Untuk mengelakkan penindasan harga dalam pasaran terutama terhadap barang pengguna seperti gula, beras, susu, petrol dan sebagainya, kerajaan juga bertanggungjawab mengenakan kawalan harga ke atas pasaran bebas bagi mengelakkan monopolи dan penekanan.⁴⁴⁶

:

Prinsip kawalan terpenting dalam ekonomi Islam wujud akibat keimanan warganegara Muslim terhadap Allah dan kepatuhan mereka kepada syariah Islam sehingga mewujudkan sistem ekonomi yang berteraskan akhlak Islam. Ekonomi Islam amat menekankan soal kepentingan bersama di antara individu termasuk kepentingan orang-orang bukan Islam sehingga tidak timbul soal ekonomi untuk kepentingan peribadi.⁴⁴⁷ Daripada kawalan keimanan ini mewujudkan suasana yang positif seperti adil, amanah, ukhuwah, ihsan, bertimbang rasa dan istiqamah dalam kegiatan ekonomi di kalangan warga negara Islam.⁴⁴⁸ Kawalan ini sebetulnya wujud hasil daripada keyakinan unit-unit ekonomi bahawa adanya pembalasan terhadap kegiatan ekonomi mereka pada hari Akhirat.⁴⁴⁹ Dalam kata lain, gelagat ekonomi negara Islam turut dikawal oleh darjah keimanan unit-unit ekonomi yang terlibat dalam membangunkan ekonomi negara.⁴⁵⁰ Selain daripada mengenakan beberapa kawalan dalam ekonomi, kerajaan Islam juga terlibat melalui campur tangan yang bertujuan untuk memberikan jaminan sosial kepada rakyat.⁴⁵¹ Negara Islam bertanggungjawab menjamin setiap warganegara memperoleh taraf hidup yang selayaknya. Sebagai contoh, golongan yang kurang bernasib baik seperti fakir, miskin, orang sakit, orang tua, orang terlantar, anak

⁴⁴⁵ Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit*, h. 45

⁴⁴⁶ A. Rashid Dail, (1985), *op-cit*, h. 36; A Rashid Dail, (1984), *op-cit*, h. 55.

⁴⁴⁷ A. Rashid Dail, (1985), *ibid*, h 32-33.

⁴⁴⁸ *ILHAM*, Nota A, (2002), h. 11-12; A Rashid Dail, (1984), *ibid*, h. 52-53.

⁴⁴⁹ *ILHAM*, Nota A, (2002), *op-cit*, h. 9.

⁴⁵⁰ A. Rashid Dail, (1985), h. 33.

⁴⁵¹ *ILHAM*, Nota A (2002), *op-cit*, h. 9; Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit*, h. 45.

rakyat.⁴⁵¹ Negara Islam bertanggungjawab menjamin setiap warganegara memperoleh taraf hidup yang selayaknya. Sebagai contoh, golongan yang kurang berasib baik seperti fakir, miskin, orang sakit, orang tua, orang terlantar, anak yatim, janda dan orang kurang upaya dan sebagainya yang tidak mampu mengakses keperluan atas hidupnya, negara bertanggungjawab memberi jaminan taraf sosial ini.⁴⁵²

Campur tangan kerajaan Islam dalam ekonomi untuk memberikan jaminan sosial ini adalah memenuhi konsep '*baldah al-Tayyibah*' (negara kebaikan) yang memberi jaminan terhadap keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan kepada semua warganegara; jaminan daripada eksploitasi dan penipuan; jaminan pemilikan harta; jaminan subsidi dan kemasyarakatan untuk orang kurang upaya; dan jaminan kemakmuran untuk semua.⁴⁵³

Maka dengan itu, PAS merumuskan bahawa secara dasarnya wujud beberapa bentuk kawalan ke atas kegiatan ekonomi di samping campur tangan daripada kerajaan untuk mewujudkan jaminan sosial kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, kawalan dan campur tangan ini wujud dalam sebuah ekonomi yang bebas. Inilah yang dikatakan perbezaan utama kebebasan terikat ekonomi Islam dengan liberalisme pasaran dalam ekonomi kapitalis dan pasaran kawalan penuh kerajaan dalam ekonomi sosialis. Kewujudan kawalan dan campur tangan kerajaan dalam ekonomi negara Islam tidak bermaksud untuk menyekat mobiliti

⁴⁵¹ ILHAM, Nota A (2002), *op-cit*, h. 9; Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit*, h. 45.

⁴⁵² *Ibid*, h. 9; Baharuddin Abdul Latif, (1994), *op-cit*, h. 69.

⁴⁵³ Baharuddin Abdul Latif, (1994), *op-cit*, h. 69.

(d) Perancangan Pembangunan dan Pembendungan Kemiskinan

Islam adalah agama yang tidak pernah menolak pembangunan, bahkan Islam amat mengambil berat soal pembangunan umatnya. Tetapi pengertian pembangunan dalam Islam mempunyai konotasi yang berbeza daripada pemahaman moden. Secara umum, dalam pengertian moden pembangunan negara dirujuk kepada proses perubahan daripada negara pertanian yang miskin kepada negara industri yang maju.⁴⁵⁵

Justeru itu aktiviti-aktiviti pembangunan dihalakan kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang supaya paras kemiskinan, pengangguran dan ketidaksamarataan di kalangan rakyat dikurangkan dengan dasar-dasar ekonomi dicerminkan oleh pelbagai strategi seperti perindustrian, tenaga rakyat, perdagangan, pertanian, pendidikan, kesihatan, sains, teknologi dan sebagainya yang menuju ke arah matlamat tersebut.⁴⁵⁶ Secara universal, pada hari ini pembangunan atau perancangan pembangunan diterima oleh negara sedang membangun sebagai cara utama untuk bersaing dengan negara industri yang sudah maju.⁴⁵⁷

PAS berpendapat bahawa dalam negara Islam, soal pembangunan dipandu oleh beberapa garis panduan dengan memberikan tumpuan utama kepada

⁴⁵⁵ Collins Cobuild, (1995), *English Dictionary*, HarperCollins Publishers, London, h. 450.

⁴⁵⁶ Mohd Shukri Abdullah, (1989), *Strategi Pembangunan Desa Negara Dunia Ketiga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 1. Lihat juga Amir Baharuddin, (1983), *Menjelang 1990: Agenda Belum Selesai*, Hafar Enterprise, Kuala Lumpur, h. 27.

⁴⁵⁷ Micheal P. Torado, (1971), *Development Planning: Models and Methods*, Oxford University Press, London, h. 1.

pembangunan jiwa (rohani).⁴⁵⁸ Ini berbeza dengan ekonomi sosialis Marxis yang melihat pembangunan ekonomi sebagai satu konsep kebendaan, manakala kapitalis pula menolak peranan agama dan pertimbangan akhlak.⁴⁵⁹ Oleh kerana jiwa wujud dalam setiap manusia, maka jiwa itu jugalah yang akan menentukan runtuh atau bangunnya keperibadian seseorang manusia, malah struktur masyarakat dan pembangunan negara.⁴⁶⁰ Konsep pembangunan jiwa sebagai asas utama pembangunan negara diperjelaskan oleh Allah (s.w.t) yang bermaksud:

Demi jiwa serta kesempurnaananya, maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu jalan kefasikan dan ketaqwaannya, sesungguhnya berjayalah orang yang membersihkan jiwa dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya.

(Terj. *Sūrah al-Syams*, (91):7-10)

Dalam kata lain, untuk mencapai matlamat pembangunan dalam negara Islam, program pembersihan jiwa amat penting selain kawalan dan panduan. Nilai inilah yang sering dikesampingkan dalam pembangunan negara moden hari ini walaupun pembangunan dianggap begitu tinggi nilainya dan penting dalam kehidupan manusia. Islam menekankan soal perukaruan dan perubahan sumber manusia daripada masyarakat jahil kepada masyarakat beriman dalam konsep pembangunannya, berbeza dengan ekonomi moden yang memberikan penekanan kepada pengeksplotasian sumber kebendaan secara maksimum demi menghasilkan kemewahan manusia.⁴⁶¹ Surtahman Kastin Hassan menegaskan bahawa perancangan pembangunan mestilah berlandaskan ketaqwaan kepada

⁴⁵⁸ A Rashid Dail, (1984), *op-cit*, h. 102-103; Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 55.

⁴⁵⁹ Nyang, S. S., (Januari 1976), 'The Islamic State and Economic Development: A Theoretical Analysis', dlm *The Islamic Culture*, jil. 50 h. 11.

⁴⁶⁰ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 55.

⁴⁶¹ Surtahman Kastin Hassan, (2001), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 185.

Allah, merancang hari esok dan bertaqwa menjalankan rancangan.⁴⁶² Seperti yang telah dibincangkan, pembangunan ekonomi dalam istilah sekarang mengandungi suatu ciri aktiviti ekonomi yang menyebabkan bertambahnya hasil keluaran, bertambahnya tenaga kerja dalam semua lapangan dan bertambahnya nisbah pendapatan keseluruhan penduduk yang dianggap sebagai pertumbuhan ekonomi. Dengan tidak menolak unsur-unsur pertumbuhan ekonomi negara moden, pembangunan ekonomi dalam negara Islam bergerak dalam aspek yang menyeluruh. Dasar pembangunan yang dirangka tidak memisahkan aspek pembangunan jiwa dan pembangunan ekonomi sehingga unsur moral memainkan peranan utama dalam mengeuatkan pembangunan sosio-ekonomi manusia dan masyarakat.⁴⁶³ Konsep pembangunan negara Islam mempunyai skop yang lebih luas meliputi aspek moral, material dan spiritual.

Menurut Hailani Muji Tahir, infrastruktur pembangunan dalam negara Islam mempunyai dua bentuk iaitu dalaman dan luaran. Infrastruktur luaran mengutama pembangunan fizikal dan material, manakala infrastruktur dalaman pula merupakan persediaan asas kepada penerimaan disiplin ilmu dan pengetahuan teknologi moden sebagai alat kepada pembangunan.⁴⁶⁴ Pemerintah Islam berkewajiban memastikan sistem pendidikan dan pembelajaran yang menerapkan secara bersepadu di antara kebendaan dan kerohanian untuk memastikan kelangsungan pembangunan negara dapat dikekalkan. Di samping itu juga kerajaan Islam perlu mengadaptasi segala pengetahuan teknikal dan menerapkan penemuan-penemuan baru dari dunia luar yang sesuai dengan

⁴⁶² *Ibid*, h. 177.

⁴⁶³ Penulis Khas,(tt), *op-cit*, h. 56.

⁴⁶⁴ Hailani Muji Tahir, (1988), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Institusi Kewangan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 45. Hailani Muji Tahir adalah ahli Dewan Ulama PAS.

aspirasi pembangunan ummah.⁴⁶⁵ Infrastruktur luaran seperti kemudahan jalan raya, elektrik, air, hospital, tempat ibadat, kebajikan, alat perhubungan darat, laut dan udara serta keperluan asas yang lain hendaklah dibangunkan melalui pembiayaan Baitul Mal sebagai perbendaharaan negara.⁴⁶⁶

;

Infrastruktur pembangunan yang paling mendesak bagi negara Islam pada hari ini ialah usaha memindahkan ilmu pengetahuan dan kepakaran teknikal dari negara maju ke negara Islam bagi membolehkan umat Islam mampu berdikari dalam pembangunan negara.⁴⁶⁷ Surtahman Kastin Hassan menambahkan bahawa selain pembangunan rohani, turut diberikan penekanan terhadap sumber manusia ialah keintelektualan, bakat, kemahiran dan kemampuan menghasilkan produk.⁴⁶⁸ Negara Islam perlu menubuhkan pusat-pusat kajian meliputi pelbagai bidang kepakaran dan menubuhkan industri barang modal untuk pembangunan seperti mesin, jentera, baja dan alat-alat teknologi bagi meminimumkan kos pembangunan dan mewujudkan kerjasama kepakaran.⁴⁶⁹

PAS menegaskan bahawa pembangunan negara Islam merupakan matlamat kehidupan yang mendesak, tetapi semua kegiatannya dilandaskan kepada orientasi nilai dengan menumpukan perhatian terhadap program meningkatkan kebajikan umat maunia dari semua aspek. Unsur-unsur moral dan kebendaan, ekonomi dan sosial, fizikal dan spiritual tidak boleh dipisahkan dalam pembangunan di negara Islam.⁴⁷⁰ Matlamat asas pembangunan adalah untuk

⁴⁶⁵ *Ibid*, h. 46.

⁴⁶⁶ *Ibid*, h. 47.

⁴⁶⁷ *Ibid*, h. 46.

⁴⁶⁸ Surtahman Kastin Hassan, (2001), *op-cit*, h. 186.

⁴⁶⁹ *Ibid*, h. 47; Surtahman Kastin Hassan, (1421H/2000), *op-cit*, h. 48-49.

⁴⁷⁰ Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h. 56; Surtahman Kastin Hassan, (2001), *ibid*, h. 186.

mencapai keselamatan dan kedamaian hidup di dunia dan akhirat. Secara khusus pembangunan negara Islam bermatlamat untuk membangunkan sumber manusia, meningkatkan pengeluaran, pembangunan seimbang, membaiki kualiti kehidupan, pertahanan negara, memperkembangkan teknologi dan penyelidikan serta mengurangkan perigantungan kepada negara asing.⁴⁷¹

Konsep pembangunan ini terus saling berkait dengan konsep tauhid, khalifah, tazkiah, persaudaraan dan pengorbanan, dan elemen-elemen ini merupakan falsafah kepada roh pembangunan yang menjadi penggerak kepada kemajuan yang berdasarkan kesatuan nilai kebendaan dan kerohanian manusia.⁴⁷² Pembangunan negara Islam adalah menolak elemen kezaliman dan kekufuran, sebaliknya menganjurkan keadilan dan kesyukuran.⁴⁷³

Objektif utama pembangunan adalah untuk mengubah sesebuah masyarakat daripada dibelenggu oleh kemiskinan kepada sebuah masyarakat yang maju. Kerana itu persoalan nisbah pendapatan keseluruhan rakyat, tenaga kerja dan pengangguran, kesihatan, kegiatan-kegiatan ekonomi dan sebagainya yang menjurus kepada menangani masalah kemiskinan menjadi strategi pokok pembangunan negara. Menurut al-Qaradhawi, kemiskinan boleh memberikan kesan yang buruk terhadap akidah, etika dan moral, mengganggu fikiran manusia, meruntuhkan kebahagiaan rumah tangga dan mengancam ketenteraman masyarakat.⁴⁷⁴ Anasir kemiskinan ini mendesak kerajaan Islam supaya menyediakan suatu program pembangunan yang komprehensif untuk

⁴⁷¹ Surtahman Kastin Hassan, (2001), *ibid*, h. 187-190.

⁴⁷² Penulis Khas, (tt), *op-cit*, h 56-57.

⁴⁷³ Surtahman Kastin Hassan, (2001), *op-cit*, h. 186-187.

⁴⁷⁴ Yusof al-Qaradhawi, (1977), *Problema Kemiskinan: Apa Konsep Islam*, terj. Umar Fanany, Penerbitan Penamas, Johor Bahru h. 25-33. Lihat juga ILHAM, Nota C (2002), *op-cit*, h. 6.

membendung kemiskinan.⁴⁷⁵ Dalam negara Islam, pembendungan kemiskinan ini bergerak dalam dua bahagian iaitu usaha perseorangan dan masyarakat serta usaha pihak pemerintah.

Bagi tujuan membendung kemiskinan, Islam menggalakkan setiap umatnya bekerja. Islam menolak sifat pemalas dan meminta, sebaliknya menegaskan bahawa sumber yang terbaik adalah yang diperolehi daripada usaha sendiri secara halal.⁴⁷⁶ Untuk menjadi pekerja yang baik, ilmu dan kemahiran amat penting, dan pekerjaan mestilah dibuat mengikut kemahiran masing-masing kerana ia lebih cekap dalam meningkatkan produktiviti sekaligus menambahkan kemakmuran ekonomi negara. Islam menetapkan sistem upah, gaji, elauan atau bayaran yang adil dan menolak penindasan kaum permodal dengan tujuan membendung kemiskinan.⁴⁷⁷ Bahkan Islam meletakkan upah ini sebagai satu kontrak yang melibatkan amanah dan ia perlu dibayar dengan segera demi menjaga kemaslahatan buruh. Selain pekerjaan, Islam juga meletakkan nafkah dan sedekah sebagai sumber pendapatan orang-orang miskin yang sekaligus melibatkan persoalan kekeluargaan, persaudaraan dan kemasyarakatan.⁴⁷⁸

Peranan kedua dalam menangani kemiskinan dimainkan oleh negara. Negara Islam bertanggungjawab memberikan jaminan sosial kepada rakyatnya dengan mengembangkan dana negara daripada sumber zakat dan pendapatan negara daripada sumber lain termasuk jizyah, ‘*usyūr, kharāj, ghanīmah, fā’i*’ dan

⁴⁷⁵ ILHAM, Nota C, (2002), *ibid*, h. 6-7.

⁴⁷⁶ *Ibid*, h. 7.

⁴⁷⁷ *Ibid*, h. 8.

⁴⁷⁸ *Ibid*, h. 8-10; Hailani Muji Tahir, (1988), *op-cit*, h. 40.

cukai.⁴⁷⁹ Negara Islam bertanggungjawab untuk mengagihkan kekayaan negara atau individu tertentu dalam negara yang dikutip melalui elemen-elemen tersebut kepada golongan miskin. Ini diperjelaskan oleh Allah dalam firmanya,

"Dan di dalamⁱ kekayaan mereka terdapat hak orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian (tidak meminta)".

(Terj. *Sūrah al-Dhāriyāt* (51):19)

Dalam konteks ini, peranan negara adalah amat penting untuk mengagihkan sumber pendapatan terutama zakat bagi mengadakan pembangunan negara seterusnya menggalakkan guna tenaga penuh, membendung kemiskinan, mengagihkan kekayaan, meningkatkan permintaan dan mendorong pelaburan.⁴⁸⁰

Menurut Budiman Radhi, zakat bukan sahaja memberikan pendapatan kepada negara untuk digunakan bagi tujuan pembangunan, tetapi zakat juga berperanan merangsang kegiatan ekonomi di mana semangat berzakat mendorong umat Islam bekerja keras supaya mereka boleh membayar zakat.⁴⁸¹ Umat Islam teribat dalam kegiatan perlombongan, perniagaan, pertanian dan perusahaan bagi menghasilkan bahan mentah, kemudian mewujudkan industri-industri termasuk pembinaan jentera, alat-alat komunikasi dan pengangkutan di laut, udara dan darat, membina senjata dan sebagainya.⁴⁸² Kegiatan pertanian yang besar juga akan melahirkan industri berdasarkan pertanian termasuk pembinaan jentera pertanian, kilang-kilang memproses makanan dan industri

⁴⁷⁹ ILHAM, Nota C, (2002), op-cit, h. 10; Hailani Muji Tahir, (1988), *ibid*, h. 43-45.

⁴⁸⁰ ILHAM, Nota C, (2002), h. 13-16; ILHAM. Nota B, (2002), *op-cit*, h. 15.

⁴⁸¹ Budiman Radhi, (1981), *op-cit*, h. 64-66. ILHAM. Nota C, (2002), *ibid*, h. 13.

⁴⁸² Budiman Radhi, (1981), *Ibid*, h. 67-69.

hiliran.⁴⁸³ Bahkan, hasil daripada semangat berzakat, pengeluaran negara dapat ditingkatkan sehingga mewujudkan perdagangan antarabangsa melalui kegiatan import dan eksport.⁴⁸⁴ Dalam kata lain, zakat mempunyai peranan terbesar untuk mewujudkan pembangunan dan kemakmuran negara.

:

Selain sumber zakat, sumber-sumber lain seperti cukai tanah (*kharāj*), cukai perlindungan ahli zimmah (*sulh jizyah*), cukai diri ahli zimmah (*jizyah al-ru'ūs*), cukai pedagangan (*'usyūr*), harta daripada negara musuh yang diperoleh secara aman (*fā'i*), harta rampasan perang (*ghanimah*), hasil perlombongan (*ma'ādin*), harta tinggalan orang-orang dahulu yang terpendam (*rikāz*) serta harta-harta kebajikan seperti harta wakaf, harta warisan dan wasiat, sedekah *taṭawwu'*, *nadhar* dan *kafārrah* adalah termasuk dalam perbendaharaan negara (baitulmal) yang boleh digunakan oleh kerajaan Islam untuk menangani masalah kemiskinan.⁴⁸⁵ Golongan fakir dan miskin secara langsung mempunyai hak atas harta Baitul Mal ini. Bahkan semua warga negara Islam termasuk orang-orang bukan Islam turut mempunyai hak terhadap harta Baitul Mal.⁴⁸⁶ Semua harta ini hendaklah digunakan oleh kerajaan Islam untuk membangunkan ekonomi negara sekali gus menjaga kemaslahatan semua warga negara negara termasuk orang-orang miskin dan hamba.⁴⁸⁷

Selain menambahkan kuasa beli rakyat melalui sistem zakat, wakaf dan sedekah, kerajaan Islam menerusi baitul mal wajib menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi mendorong rakyat berusaha lebih gigih dan

⁴⁸³ *Ibid.*

⁴⁸⁴ *Ibid.*, h. 66.

⁴⁸⁵ ILHAM, Nota C, (2002), *op-cit*, h. 16; Hailani Muji Tahir, (1988), *op-cit*, h. 14-35.

⁴⁸⁶ ILHAM, *Ekonomi Islam*, Nota C (2002), h. 17; Hailani Muji Tahir, (1988), *ibid*, h. 40-41.

⁴⁸⁷ Hailani Muji Tahir, (1988), *ibid*, h. 40.

mewujudkan peluang yang sama kepada rakyat, mengadakan galakan-galakan dan panduan, serta memberi jaminan dan perlindungan sebagai rangsangan kepada setiap warga negara untuk memberi tindak balas ekonomi dan membolehkan kerajaan menyalurkan mereka dalam rancangan-rancangan pembangunan.⁴⁸⁸ Baitul Mal juga bertanggungjawab mewujudkan rancangan-rancangan pembangunan untuk faedah rakyat, menubuhkan yayasan atau badan pengusaha sebagai pengendali bersama di antara sektor awam dan swasta, selain kegiatan pelaburan yang memberi faedah kepada rakyat. Baitul Mal juga boleh menyediakan pinjaman kepada warga negara Islam bagi memboleh mereka mendapat modal untuk berdikari.⁴⁸⁹

PAS turut menegaskan bahawa dalam negara Islam, orang-orang miskin turut mempunyai beberapa hak selain daripada hak-hak yang diperolehi daripada kerajaan Islam. Antara hak tersebut ialah hak jiran tetangga di mana setiap umat Islam berkewajiban melakukan ihsan terhadap jiran-jirannya termasuk jiran yang miskin.⁴⁹⁰

Konsep gotong-royong dan tolong-menolong dalam kehidupan berjiran amat dititikberatkan dalam sistem sosial Islam. Selain itu orang-orang miskin juga memperoleh hak dalam korban Aidil Adha, kifarat bagi kesalahan tertentu dalam agama seperti kifarat sumpah, kifarat zihar, diat membunuh tanpa sengaja, kafarah bersetubuh pada siang hari bulan Ramadhan, fidyah dan *al-hady*.⁴⁹¹ ILHAM menegaskan bahawa undang-undang Islam dalam bab *kaffārah*

⁴⁸⁸ *Ibid*, h. 48.

⁴⁸⁹ *Ibid*.

⁴⁹⁰ ILHAM, Nota C, (2002), *op-cit*, h. 18.

⁴⁹¹ *Ibid*, h. 19. Al-Qarađawiy, (1977), *op cit*, h. 195-201.

menetapkan denda dibayar kepada fakir miskin atau membebaskan hamba supaya kemiskinan dapat dibendung dan wujud faedah kemanusiaan, berbeza dengan undang-undang moden yang menetapkan denda dibayar kepada negara.⁴⁹² Masyarakat Islam juga berkewajiban menunaikan hak tanaman ketika mengetam dan hak mencukupi terhadap fakir miskin (*infaq wajib*).⁴⁹³

Umumnya, negara Islam adalah negara yang tidak menolak pembangunan bahkan merupakan negara yang amat menitikberatkan soal pembangunan. Institusi seperti zakat bukan sahaja memainkan peranan terbesar dalam perancangan dan pembangunan ekonomi negara sebagai sumber pendapatan, tetapi memberi rangsangan terhadap segala kegiatan ekonomi melalui semangat menunaikan zakat. Umat Islam yang beriman akan merasa malu jika gagal membayar zakat akibat ketiadaan harta.⁴⁹⁴ Tetapi pembangunan dalam negara Islam membawa pengertian yang berbeza di mana pembangunan rohani turut menjadi cakupan selain pembangunan fizikal. Dengan menjana pembangunan yang menyeluruh meliputi seluruh warga negara termasuk orang-orang miskin, masyarakat luar bandar dan orang-orang *bukan* Islam, masalah masyarakat seperti kemiskinan, masalah sosial dan hubungan antara agama turut dirungkaikan oleh konsep pembangunan negara Islam.

⁴⁹² ILHAM, Nota C, (2002), *op cit*, h. 19.

⁴⁹³ *Ibid*, h. 20-21.

⁴⁹⁴ Budiman Radhi, (1981), *op-cit*, h. 65.

3.8 KESIMPULAN BAB

Menerusi analisis yang dipaparkan sebagaimana di atas mendapat bawah komitmen PAS terhadap perjuangan membentuk negara Islam mulai wujud seawal detik pénubuhannya pada tahun 1951. Ia diperkuuh menerusi pengistiharan yang dimashyurkan di dalam perlembagaan parti. Antara hujah utama PAS dalam mempertahankan kewajiban membentuk negara Islam ialah apabila menegaskan bahawa politik ataupun urusan pentadbiran merupakan satu juzuk penting di dalam Islam. Mengabaikannya bererti meninggalkan satu sunnah '*amaliayyah* penting Rasulullah (s.a.w.) iaitu menegakkan negara Islam yang dilaksanakan Rasulullah (s.a.w.) sepanjang sepuluh tahun berada di Madinah.

Dalam pada itu, konsep negara Islam yang diperkenalkan oleh PAS turut memberikan keutamaan kepada asas-asas penting yang telah disepakati oleh majoriti ulama seperti perlaksanaan syariah, kekuasaan berada ditangan kaum muslimin, aman dari fitnah yang boleh merosakkan kemuliaan agama Islam, di samping kaum muslimin dapat menzahirkan ajaran Islam secara aman⁴⁹⁵.

Dalam pada itu, PAS juga secara jelas memperincikan asas-asas utama yang mendasari negara Islam seperti menjadikan prinsip yang paling asas iaitu Islam menjadi akidah negara dan kepimpinannya. Realiti ini dilihat sejajar dengan konsep negara Islam Madinah yang diasaskan Rasulullah (s.a.w.) yang menjadikan perlembagaan Madinah sebagai akidah negara dan tunjang dalam

⁴⁹⁵ *Infra*, h. 66-68.

mengerakkan pentadbiran⁴⁹⁶. Demikian juga dengan asas-asas yang lain hak-hak dan kebebasan, persamaan, menunaikan tanggungjawab, mewujudkan dasar syura, melaksana amal makruf nahi mungkar, merealisasikan sistem ekonomi Islam dan budaya sosial Islam dan seumpamanya.

:

Seterusnya dalam konteks Malaysia yang mengamalkan demokrasi, PAS memilih dan mengiktiraf ruang demokrasi, antaranya amalan pilihan raya sebagai wadah ke arah menuju negara Islam. Di samping menjelaskan tentang kewajiban mengundi pada waktu pilihan raya sebagai satu wadah untuk menuju sebuah kerajaan Islam, dan bukan sekadar satu janggungjawab sosial semata-mata.

⁴⁹⁶ *Infra*, h. 31-36.